

[Dokumen ini belum disemak]

DEWAN NEGARA

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL PERTAMA

MESYUARAT KETIGA

Bil. 15

Selasa

7 Disember 2004

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH DI LUAR DEWAN (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004 (Halaman 28)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 7 Disember 2004

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN

Tuan Yang di-Petua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya perlu juga membuat pemasyhuran bahawa mengikut peruntukan Peraturan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis ini, iaitu Ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat Sumpah di kamar Yang di-Pertua Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

- 6 Ogos 2004 - Yang Berhormat Tuan Tan Bon You
- 26 Ogos 2004 - Yang Berhormat Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad
 - Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Rahman bin Suliman
 - Yang Berhormat Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Dr. S. Vijayarajnam** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah pihak kementerian telah memberikan arahan kepada PLUS untuk menyediakan lorong "Smart Tag" di semua simpang keluar/masuk Lebuhraya Utara-Selatan.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PLUS telah pun melaksanakan lorong "Smart Tag" dan "Touch N Go" di Lebuhraya Utara-Selatan mulai tahun 1999 atas inisiatif sendiri

dengan tujuan untuk memberi kemudahan bayaran tol secara elektronik kepada pengguna-pengguna lebuhraya.

Sehubungan dengan itu, pada 8 Oktober 2002, kerajaan telah mengeluarkan arahan kepada syarikat-syarikat konsesi yang masih belum melaksanakan sistem tersebut, supaya menyediakan sekurang-kurangnya satu lorong tol yang dilengkapi dengan sistem kutipan tol elektronik atau "*Touch N Go*".

Selaras dengan arahan tersebut, PLUS telah mengadakan tambahan lorong "*Smart Tag*" secara berperingkat di plaza-plaza tol Lebuhraya Utara-Selatan. Sehingga kini, 42 daripada 67 plaza tol di Lebuhraya Utara-Selatan iaitu 63% telah dilengkapi dengan sistem kutipan tol elektronik "*smart Tag*" dan ianya adalah terdiri daripada plaza tol yang bersaiz besar serta mempunyai jumlah lorong yang mencukupi.

Dalam pada itu, plaza-plaza tol bersaiz kecil yang mempunyai bilangan lorong terhad, hanya mempunyai lorong "*Touch N Go*" secara *mixed mode lane* iaitu lorong TNG berkongsi dengan lorong tunai dan tiada lorong "*Smart Tag*" disediakan. Ini adalah kerana penyediaan lorong "*Smart Tag*" di plaza-plaza tol kecil akan mengurangkan bilangan lorong tunai di plaza tol tersebut.

Seterusnya keadaan ini boleh menyebabkan wujudnya kesesakan lalu lintas di plaza tol berkenaan. Walau bagaimanapun, pihak PLUS sentiasa membuat pemantauan aliran trafik semasa di plaza tol berkenaan dan pelaksanaan lorong "*Smart Tag*" di plaza tol yang bersaiz kecil adalah bergantung kepada peningkatan jumlah trafik yang melalui plaza tol tersebut.

Lorong "*Smart Tag*" dan "*Touch N Go*" di Lebuhraya Utara-Selatan telah mendapat sambutan yang menggalakkan di mana 36.7% daripada jumlah trafik yang melalui lebuhraya tersebut menggunakan kaedah kutipan tol elektronik berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penyediaan lorong "*Smart Tag*" adalah bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pengguna-pengguna supaya dapat membuat transaksi pembayaran tol tanpa henti dengan cepat dan mudah di samping dapat menjimatkan masa perjalanan.

Dalam pada itu, pihak PLUS juga telah mengadakan langkah penambahbaikan di mana semua lorong tunai di semua plaza tol, kecuali Plaza Tol Bukit Kayu Hitam telah disediakan dengan kemudahan bayaran tol elektronik TNG.

Ini telah menunjukkan bahawa sistem tersebut telah disediakan secara meluas untuk kegunaan pengguna-pengguna lebuhraya. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: [Bangun]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: [Bangun]

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayarajam. Saya akan memberi peluang kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan soalan tambahan menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sekali lagi saya merakamkan penghargaan saya di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri yang sentiasa datang ke Dewan Negara untuk menjawab soalan. Soalan tambahan saya ialah dapatkah pihak kerajaan mencadangkan kepada PLUS untuk mengurangkan lagi kos alat "*Smart Tag*" ataupun *Smart Tag reader* supaya lebih kenderaan dapat menggunakan kemudahan tersebut dan ini akan melicinkan laluan lalu lintas ataupun *traffic flow* di

Tuan Yang di-Pertua: Cukup hujah Yang Berhormat, soalnya sudah jelas.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Okey, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Bagi menggalakkan pengguna-pengguna lebuhraya menggunakan sistem kutipan tol elektronik iaitu "*Smart Tag*", kerajaan telah mengarahkan rangkaian Segar Sdn. Bhd. supaya menetapkan harga "*Smart Tag*" kepada yang lebih rendah iaitu RM100 seunit.

Sehubungan dengan itu, sebagai langkah pertama, harga asal "*Smart Tag*" sebanyak RM220 seunit telah dikurangkan kepada RM180 se unit mulai dari 1 Julai 2004 selaras dengan pelaksanaan sistem kutipan tol elektronik "*Touch N Go*" dan "*Smart Tag*" di semua lebuhraya tol.

Sementara itu, Lembaga Lebuhraya Malaysia sedang berusaha bersama-sama Rangkaian Segar Sdn. Bhd. untuk mencari penyelesaian bagi mengadakan alat "*Smart Tag*" pada harga lebih rendah daripada RM100 seunit.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Memandangkan begitu banyak langkah telah diambil untuk mengurangkan kesesakan di plaza-plaza tol dengan memperkenalkan sistem bayaran elektronik dan sebagainya,

bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini, mengapa masih begitu ramai para *motorist* yang enggan menggunakan sistem-sistem elektronik.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia adalah negara bebas di mana manusia boleh juga mengikuti dengan fikiran sendiri mereka, kita boleh juga memperkenalkan suatu sistem, tetapi tidak ada undang-undang di mana kita boleh meminta seseorang individu untuk menggunakan sistem itu. Itulah kebebasan yang kita ada di dalam negara kita ini.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, adakah setakat ini sebarang pembayaran pampasan yang dibayar oleh pihak kerajaan kepada syarikat-syarikat konsesi ini bagi kutipan yang tidak mencapai *target* sebenar, adakah bayaran setakat ini dan sekiranya ada berapa jumlahnya? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu terkeluar sedikit, tetapi saya biarkan sama ada Yang Berhormat Menteri menerimanya.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menjawab, mana-mana soalan pun boleh. [*Ketawa*] Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan masih lagi membayar lebih kurang RM200 juta sebagai pampasan kepada syarikat-syarikat konsesi, di mana kita meminta mereka untuk menurunkan sistem tol yang telah diluluskan oleh kerajaan pada masa lalu.

Jadi, ada juga lebih kurang tiga atau empat syarikat lagi belum menstrukturkan semula tol-tol itu, saya percaya selepas itu kita boleh selesai pembayaran tol, tanpa bayaran ganti rugi kita juga boleh mengadakan.

2. Tuan Ismail bin Kasim minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah formula-formula yang dicadangkan untuk mengurangkan kerugian operator-operator Kem Khidmat Negara yang sebenarnya turut menyumbang kepada kejayaan penubuhan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sebelum ini.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, termasuk Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim pada 7 Disember dan 20 Disember. Yang Berhormat Tuan Tan

Cheng Tee – 9 Disember dan Yang Berhormat Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan pada 20 Disember, 2004.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Program Latihan Khidmat Negara pada Mesyuarat ataupun sidang kali ini.

Seterusnya, izinkan saya menjawab semua pertanyaan tersebut secara bersekali bermula dengan isu yang berkaitan dengan peserta-peserta PLKN seterusnya isu-isu yang lain, yang berkaitan dengan program tersebut.

Tentang tindakan yang dikenakan ke atas calon-calon yang tidak menyertai PLKN pada sesi latihan siri pertama jabatan Latihan Khidmat Negara, keseluruhannya telah dikemukakan dan telah dijawab di dalam Dewan ini, tetapi soalan ini masih berbangkit. Keseluruhannya saya ingin mengulangi iaitu 4,269 orang, tetapi apabila dibuat penyiasatan dan tindakan oleh pihak polis, sehingga ini ialah 294 orang sahaja yang telah dikesan dan dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk diambil tindakan.

Selain dari itu, perkara berkaitan dengan bilangan jurulatih PLKN siri satu tahun 2004 yang telah dilatih adalah seramai 5,260 orang. Dari jumlah tersebut seramai 79 orang jurulatih telah ditamatkan perkhidmatan sepanjang sesi tahun 2004. Bagi sesi kedua PLKN tahun 2005 pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sesi yang ketiga tahun 2004 berakhir pada bulan November dan sesi pertama siri kedua tahun 2005 ini bermula pada 13 Disember nanti dan kalau saya sebut tahun 2005 seramai 5,181 orang jurulatih PLKN dipanggil untuk kursus ulang kaji dan pembinaan moral, semangat dan tatasusila.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perubahan spesifikasi dalam PLKN adalah dilaksanakan bagi tujuan penambahan pembaikan setelah meneliti segala kelemahan yang wujud semasa pelaksanaan PLKN bagi tahun 2004 ini. Walaupun jumlah peserta yang akan dihantar ke setiap kem latihan siri kedua adalah lebih kecil berbanding dengan jumlah peserta di setiap kem pada siri satu namun tempoh penyewaan kem-kem PLKN bagi siri kedua ini telah dijadualkan ataupun dilanjutkan daripada tiga bulan kepada sembilan bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat penganalisan ini, dahulu kita menghantar pelatih hanya 2 bulan di kem kemudian sebulan kita hantar ke institusi pengajian tinggi tetapi oleh kerana berlaku beberapa perkara yang tidak sesuai yang dibangkitkan oleh pihak pengurusan institusi pengajian tinggi, pihak Jabatan Khidmat Negara telah membuat keputusan untuk semua tiga bulan ini latihannya dibuat di kem-kem. Oleh sebab itu, kem ini ditambah, kalau dahulu 49 sekarang jadi 76 dan semua latihan ini berjalan di kem selama tiga bulan selama tiga siri iaitu sembilan bulan.

Kalau dahulu kita hanya bayar sewa selama dua bulan, PLKN sekarang buat keputusan dan meminta pihak kontraktor menempatkan semua kemudahan ini dan kita bertanggungjawab untuk membayar sewaan dalam sistem pengendalian ini selama sembilan bulan. Dengan yang demikian, tidaklah terdapat kerugian atau lompong masa yang begitu panjang kem-kem ini tidak digunakan. Inilah pendekatan yang kita rasa diterima oleh pihak kontraktor-kontraktor yang mengendalikan kem-kem latihan khidmat negara mulai pada 13 Disember ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Kassim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tidakkah ada cadangan pada pihak kerajaan untuk meningkatkan jumlah peserta ataupun kembali kepada jumlah asal seperti mana dibuat dalam perjanjian asal dengan kem-kem operator yang lama dalam usaha mengurangkan sedikit bebanan yang ditanggung kerana ada di kalangan kem operator ini membuat pinjaman daripada institusi kewangan ataupun mengekalkan kadar bayaran daripada RM46 seperti bayaran asal yang telah dipersetujui pada masa perjanjian pertama dengan pihak PLKN. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zainal Abidin Zin: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk ketika ini kita berpegang kepada tawaran yang telah kita berikan kepada kontraktor bagi mengendalikan kem-kem pusat latihan ini. Tetapi untuk pengetahuan, semua kontraktor dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa penglibatan kita dan pertimbangan kita adalah amat sesuai dalam jangka masa yang panjang. Kalau dahulu mereka hanya akan menetap di kem pusat latihan ini selama dua bulan tetapi kali ini kita panjangkan masa menjadi tiga bulan. Keseluruhan latihan dan program yang dijalankan di kem yang berkenaan. Oleh sebab itu tambahan masa ini menjadikan juga tambahan pembayaran kewangan kepada pengusaha dan kontraktor yang berkenaan. Tidakkah ini menjadi sebab maka kerugian yang akan mereka hadapi

kerana kita memberi peluang yang lebih dan dengan itu membantu pembayaran yang lebih kepada mereka berbanding dengan enam bulan sahaja pada musim yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Jawapan cukup komprehensif dan saya harap pada masa hadapan soalan yang dikemukakan mengambil kira jawapan-jawapan yang telah diberi. Puan Jaya Partiban.

3. Puan Jaya Partiban minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah dasar polisi mengenai penambahan peratus penduduk mencapai 70 juta masih berterusan dan sekiranya ya, apakah langkah-langkah yang diambil ke arah itu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1982 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada masa itu telah menyatakan bahawa Malaysia mampu menampung sejumlah penduduk yang lebih besar bagi memperluaskan pasaran dan pengeluaran domestik. Ini akan membolehkan negara mencapai matlamat pembangunan jika kualiti dan produktiviti penduduk sentiasa dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, 70 juta penduduk adalah satu angka unjuran jangka panjang yang dianggap ideal yang boleh dicapai oleh negara dalam tempoh 115 tahun iaitu pada tahun 2100. Sehubungan dengan ini, beberapa strategi yang berbentuk insentif telah diambil oleh kerajaan seperti pelepasan cukai daripada tiga orang anak kepada lima orang anak. Menggalakkan majikan mengadakan pusat penjagaan anak di tempat kerja dan sebagainya.

Langkah-langkah ini tidak begitu berkesan kerana daripada kajian Pelan Strategik bagi pelaksanaan dasar kependudukan negara yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara pada tahun 1992, didapati kadar kesuburan menurun dengan agak cepat dari yang dijangka. Ini disebabkan oleh pembangunan dan industrialisasi yang pesat yang dialami oleh negara. Berasaskan kepada fenomena ini kajian mendapati bahawa angka 70 juta penduduk tidak mungkin tercapai dalam tempoh yang dijangkakan. Situasi penurunan kesuburan juga didapati di negara-negara lain di mana didapati tiada sebuah negara maju dan kaya yang mempunyai kadar kesuburan yang tinggi. Oleh itu Malaysia tidak akan terkecuali. Kadar kesuburan akan terus menurun. Dalam hubungan ini motivasi ke arah keluarga

kecil adalah tinggi. Oleh yang demikian, adalah tidak perlu untuk meningkatkan atau menurunkan kesuburan semata-mata bagi mencapai matlamat kuantiti.

Sehubungan dengan ini pencapaian 70 juta penduduk bukan lagi menjadi satu keutamaan negara kerana yang penting di sini bukanlah dari segi jumlah atau kuantiti penduduk tetapi adalah untuk melahirkan penduduk yang berkualiti dan perwujudan masyarakat yang penyayang berasaskan kepada institusi keluarga yang kukuh, stabil dan harmoni. Dalam konteks ini penduduk perlu dilihat bukan sahaja dari segi kuantiti seperti jumlah taburan komposisi dan struktur tetapi ianya juga perlu dilihat dari segi kualitatifnya seperti pengetahuan, kemahiran, tahap produktiviti, nilai, progresif serta kualiti hidup.

Cabaran utama adalah untuk merancang ke arah penduduk yang berkualiti dan keluarga yang harmoni serta kehidupan yang sejahtera melalui perancangan yang mapan dan penggunaan sumber yang bijak tanpa menjejaskan keperluan generasi yang akan datang. Cabaran ini dapat dipenuhi dengan mengambil kira pengintegrasian faktor-faktor kependudukan dalam proses perancangan pembangunan sosial ekonomi di peringkat makro dan pemahaman masyarakat mengenai hubung kait di antara penduduk dan pembangunan mapan di peringkat mikro.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensi-agensi di bawahnya telah dan akan mempertingkatkan pelaksanaan program kependudukan, pembangunan keluarga dan reproduksi manusia untuk mencapai matlamat tersebut. Program-program yang dilaksanakan ini berpandukan kepada prinsip yang akan menjadi sesebuah keluarga yang lebih akrab, berdaya tahan, sihat dan berupaya untuk berfungsi dengan efektif dalam menghadapi berbagai cabaran serta berupaya mewujudkan generasi penduduk yang berkualiti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kerajaan mahu orang banyak anak tetapi orang sendiri tidak mahu banyak anak. Sila.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha galakan kerajaan untuk menggalakkan pertambahan kependudukan ini adakah kerajaan membuat kajian terhadap kakitangan awam terutama golongan wanita yang setakat ini melahirkan anak nombor enam ke atas tidak diberi cuti bersalin bergaji tetapi cuti tanpa gaji. Jadi perkara ini mungkin menjadi satu masalah terutama bagi kakitangan awam yang berhasrat untuk mempunyai keluarga yang besar. Jadi

adakah pihak kerajaan bercadang untuk membuat kajian balik supaya perkara ini boleh memberi galakan kepada kakitangan awam kita. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Tuan Yang di-Pertua, untuk beri cuti yang lebih panjang ini akan melibatkan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Sumber Manusia. Oleh itu kementerian kami tidak boleh buat keputusan dengan sendiri dan juga punca mengapa kesuburan ini menurun adalah kerana rakyat masa kini lebih mementingkan kualiti dari kuantiti dan kaum suami dan isteri bersama-sama melibatkan diri dalam kerjaya dan proses pembangunan negara. Rakyat kita juga telah mengimplementasikan konsep *family planning* iaitu menentukan bilangan anak mengikut keupayaan atau kemampuan sendiri. Masyarakat ICT atau *e-knowledge base society* adalah berbeza dengan masyarakat pada masa dahulu yang mana kita perlu lebih banyak kakitangan atau dalam kerja atau tenaga buruh dalam aktiviti ekonomi. Kelima, lebih pengetahuan dalam kesihatan *re-productive* dan lebih mementingkan kesihatan *re-productive* wanita dan anak-anak .

Dan punca yang akhir sekali iaitu umur perkahwinan yang lebih lewat berbanding dengan masa dahulu iaitu kaum lelaki dari umur 25.5 tahun pada tahun 1970 meningkat kepada 28.6 tahun pada tahun 2000. Sementara kaum perempuan pula dari 22 tahun pada tahun 1970 kepada 25.1 tahun pada tahun 2000. Iaitu pada masa yang sama peratusan lelaki belum pernah berkahwin pada umur 25 ke 29 tahun juga telah meningkatkan dari 32% ke 54% dan wanita dari 13% ke 29%. Oleh itu menambah cuti itu bukan satu-satunya langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Perkara ini pun sudah pun terjawab dengan cukup komprehensif, jadi tolong ambil kira apabila mengemukakan soalan di masa depan. Datin Naomi Chong Set Mui.

4. Datin Naomi Chong Set Mui minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah kerja pembinaan sebenar akan bermula bagi pembesaran terminal lapangan terbang antarabangsa Kota Kinabalu memandangkan kesesakan yang serius berlaku pada masa ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan daripada

Yang Berhormat Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol bertarikh 2 Disember 2004 kerana soalnya menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini di bawah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ke-8 kerajaan telah membuat keputusan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Kementerian Pengangkutan adalah dalam proses menetapkan *the government needs statement* dengan izin bagi projek berkenaan. *The government needs statement* dengan izin akan menetapkan skop projek secara terperinci mengenai setiap komponen projek peningkatan berkenaan. Aspek-aspek yang diberi pertimbangan antaranya ialah keperluan-keperluan untuk membesarkan bangunan terminal dan kuasa nefron, memanjangkan landasan terbang serta teksi way, menaik taraf atau menambah peralatan pandu arah serta kemudahan-kemudahan penumpang seperti lif, *walkalator* dan eskalator. Pelaksanaan projek ini adalah dijangka pada pertengahan tahun 2005 setelah kerja-kerja penyediaan reka bentuk serta urusan tender selesai dijalankan. Sekian.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Dengan kenyataan oleh Menteri tadi apakah ini bererti yang setahun lebih apabila saya bertanya masalah pembinaan lapangan terbang di Kota Kinabalu yang akan dipindahkan ke Bongawan telah dibatalkan sama sekali. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat keputusan bahawa kita menaik taraf lapangan terbang yang sedia sekarang.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapa kerapkah *assessment* dibuat ke atas terminal lapangan terbang atau infrastruktur utama negara kita supaya kesesakan boleh dielakkan dan tidak menjadi *bottle neck*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Semua lapangan terbang atau Kota Kinabalu.

Tuan Lee Sing Chooi: Kota Kinabalu dan juga yang infrastruktur yang utama yang lain *assessment*.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian memang dari semasa ke semasa mengkaji kedudukan lapangan terbang-lapangan terbang dan kerana kita ada rancangan atau

cara kita di sini adalah untuk menilai segala-galanya apabila kita menyediakan sesuatu rancangan pembangunan. Jadi, sesuatu itulah kita melihat semua sama ada keperluan dikehendaki untuk menaikkan sesuatu lapangan terbang.

5. Dato' Seri Empiang Jabu minta Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi menyatakan bilakah kawasan-kawasan pinggiran pantai dan kawasan pedalaman di Sarawak dijangka dapat dibekalkan dengan kemudahan seperti fibre-optik, broadband dan satelit agar dapat menikmati program ICT untuk mengurangkan keadaan 'digital divide' di kalangan penduduk luar bandar

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kementerian ini peka terdapat keperluan untuk membangunkan infrastruktur telekomunikasi di negara ini baik di bandar mahupun di luar bandar termasuk di kawasan-kawasan pesisiran pantai dan pedalaman di negeri Sarawak.

Antara program utama bagi meningkatkan kadar literasi komputer dan internet penduduk di luar bandar adalah seperti berikut:

- (i) program pemberian perkhidmatan sejagat – *universal service provision* (USP) oleh kementerian;
- (ii) *school net*;
- (iii) program internet desa, dan
- (iv) program USP oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia.

Di bawah USP program, kementerian ini dan SKMM telah dan sedang melaksanakan usaha-usaha yang bertujuan merapatkan jurang digital untuk masyarakat bandar dan luar bandar dengan menyediakan kemudahan perkhidmatan komunikasi dan capaian internet di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti di seluruh negara sejak tahun 2002.

Di bawah program UPS kementerian ini, pada tahun 2002 sebanyak 110 buah Sektor Rendah Kebangsaan di kawasan luar bandar di Sarawak telah dibekalkan komputer dengan kemudahan komunikasi berasaskan satelit sebagai alternatif lain selain daripada *fiber optik*.

Pada tahun 2003 dan 2004 pula, pelaksanaan projek USP telah diperluaskan ke 95 klinik kesihatan, klinik desa dan 55 perpustakaan desa di negeri Sarawak

dengan penggunaan teknologi *wire* dan satelit. Selain daripada kemudahan komunikasi dan komputer, kementerian juga telah menjalankan beberapa siri kursus dan latihan di bawah program *Cyber Kid* kem, sehingga ini sebanyak 936 murid-murid dan guru-guru dari 153 buah sekolah di Sarawak telah dilatih dengan kemahiran ICT.

Sementara itu, sebanyak 171 kakitangan klinik-klinik desa dan perpustakaan desa di Sarawak juga telah dilatih. Kementerian kini juga sedang melaksanakan projek *School Net* di mana 10,000 buah sekolah di seluruh negara akan dapat dihubungkan dalam satu rangkaian *School Net* dan juga internet. Sebanyak 1,516 buah sekolah di negeri Sarawak terlibat dalam projek ini.

Kementerian ini mula membangunkan pusat internet desa (PID) sejak tahun 2000 untuk membekalkan infrastruktur info-komunikasi kepada komuniti luar bandar. Menyediakan latihan teknologi maklumat dan komunikasi ICT yang berterusan dan menggalakkan pembangunan kandungan tempatan '*local content*'. Sehingga kini 4 buah pusat internet desa telah diwujudkan di Sarawak iaitu di Bau, Betong, Song dan Mukah.

Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia (SKMM) telah mengenal pasti 26 daerah di Sarawak untuk dibekalkan dengan kemudahan telekomunikasi di bawah program pemberian perkhidmatan sejagat. Kemudahan yang disediakan secara berperingkat-peringkat ini dimulakan dengan penyediaan 500 talian individu dan 30 telefon awam pada tahun 2004 dan pertambahan talian pada tahun-tahun berikutnya bergantung kepada keperluan sesuatu daerah itu.

Sehingga akhir bulan November 2004, 5 daerah di Sarawak telah dibekalkan dengan kemudahan telekomunikasi manakala 6 daerah lagi masing-masing 2 daerah akan disempurnakan dalam bulan Disember 2004 dan 4 daerah pada bulan Februari 2005. Baki 15 daerah lagi di Sarawak akan disiapkan pada penghujung tahun 2005. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Isu *digital divide* sudah terjawab secara komprehensif. Saya menerima surat bahawa

Tuan Tan Bon You: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf silakan Yang Berhormat.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kementerian yang begitu minat sekali memberi jawapan. Saya ingin memberi tahu kepada kementerian berkenaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak boleh memberi tahu. Yang Berhormat boleh bertanya sahaja.

Tuan Tan Bon You: Bertanya. Baik. Orang baru ini. Untuk maklumat kementerian.....

Tuan Yang di-Pertua: Untuk maklumat pun beritahu juga.

Tuan Tan Bon You: Sebenarnya kena beritahu Yang Berhormat, sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Benarkan Yang Berhormat.

Tuan Tan Bon You: Kenapa, saya mengalu-alukan ketegasan dan penekanan pihak kementerian dalam menggalakkan penggunaan ICT tetapi apa yang dicubakan, dalam usaha kementerian sampai ke Sarawak tetapi negeri yang dekat dengan Cyberjaya iaitu negeri Selangor yang terdekat menjadi negeri yang termaju dalam tahun 2005 ini. Taman-taman yang didiami selama setahun ataupun lebih di negeri Selangor yang berdekatan dengan Cyberjaya ini tidak dilengkapi dengan talian telefon. Macam mana dan bilakah masalah ini akan selesai. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri pilihan kepada Yang Berhormat untuk menjawab.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, pertama saya tidak berapa pasti, maksudnya Celcom, liputan telefon mudah alih ataupun talian tetap oleh Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Maksud Yang Berhormat, secara tidak langsung sedangkan *digital divide* wujud di antara bandar dan luar bandar. Kalau di negeri Selangor dianya wujud di antara Cyberjaya dengan taman-taman di sekitar pun terdapat *digital divide*. Adakah itu maksud Yang Berhormat?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Kalau dimaksudkan dari segi liputan, dari segi *mobile phone* (telefon mudah alih), kementerian telah berjumpa dengan semua kerajaan negeri yang mana meminta kerajaan negeri melantik sendiri syarikat-syarikat yang boleh mendirikan *tower-tower* supaya seluruh negara ini akan dapat liputan yang meluas dari segi *mobile phone*, supaya kejadian-kejadian yang tidak diinginkan sebagaimana kejadian kemalangan yang berlaku di Machang kira-kira sebulan yang lalu di mana seorang pengguna telefon terpaksa ke landasan kereta api untuk mendapat liputan yang lebih selesa. Maka kementerian menyasarkan penghujung tahun depan, negara akan mendapat liputan menyeluruh dan dari segi liputan menyeluruh ini bukanlah bermakna seluruh negara, cuma di kawasan-kawasan utama

dan jalan raya, kawasan bandar, kawasan-kawasan pelancongan, ini diberi tumpuan oleh kerajaan untuk memastikan bahawa kawasan-kawasan ini tidak tercicir dari segi mendapat liputan mudah alih dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang mengenai *mobile* sudah pun terjawab. Mengenai *fix line* mungkin Yang Berhormat pilih untuk tidak menjawab.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebagaimana yang telah saya katakan tadi, pihak Menteri sendiri telah berjumpa dengan seluruh operator telefon pada bulan Ramadan iaitu kira-kira sebulan yang lalu yang mana untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mana kebanyakan kawasan perumahan, yang mana apabila mereka mendirikan kawasan-kawasan perumahan ini mereka tidak bekerjasama terlebih dahulu dengan Telekom.

Dengan itu, untuk *trunk line* tidak mencukupi untuk dibekalkan talian dan kita yakin masalah ini akan dapat diselesaikan dalam masa 6 bulan yang akan datang ini. Terima kasih.

[Soalan No. 6 – Puan Ooi Siew Kim tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Puan Ooi Siew Kim cuti sakit. Saya terus kepada soalan No. 7.

7. Datuk Hajah Dayang Mahani Tun Pangeran Haji Ahmad Raffae minta Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani menyatakan apakah keutamaan dan pengkhususan rancangan yang akan dibuat oleh Kementerian dalam menyemarakkan lagi sektor pertanian di negara ini, lebih-lebih lagi apabila YAB Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan memberikan peruntukan yang besar kepada Kementerian Pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM1.3 bilion untuk bajet pembangunan tahun 2005. Peruntukan ini merupakan pertambahan sebanyak 34.2% daripada peruntukan yang diberikan oleh pihak kerajaan pada tahun 2004.

Usaha untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara melalui pembangunan sektor pengeluaran makanan, pertanian akan tertumpu kepada aktiviti-aktiviti dilaksanakan seperti berikut:

- (i) meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kos pengeluaran, transformasi struktur pengeluaran makanan pertanian secara komersial dan ladang berskala besar dengan menggunakan input teknologi tinggi dan mekanisasi serta cara tanaman yang intensif. Usaha ini diperlengkapkan dengan amalan pertanian moden dan mempelbagaikan aktiviti pertanian dan nilai tambah, perubahan minda dan sikap, tahap penerimaan teknologi, pengurusan pertanian yang moden oleh pertanian, penternak dan nelayan.
- (ii) sumber pertumbuhan baru – Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani telah mengenal pasti industri tangkapan ikan laut dalam dan tuna, industri rumpai laut, industri ikan hiasan dan industri bunga-bunga keratan sebagai aktiviti-aktiviti pertanian yang berpotensi untuk dimajukan. Pada tahun 2003, nilai eksport ikan hiasan ialah RM73.4 juta berbanding RM45 juta pada tahun 2000. Manakala eksport bunga-bunga pula meningkat daripada RM45.2 juta pada tahun 2000 kepada RM100.9 juta pada tahun 2003. Bagi memajukan industri tangkapan ikan laut dalam dan tuna, pembinaan sebuah pelabuhan perikanan bersepadu di Tanjung Manis akan disiapkan pada tahun 2006 manakala perbincangan ini diadakan untuk membina dua lagi pelabuhan perikanan di Batu Maung dan Tok Bali.
- (iii) industri kecil dan sederhana – aktiviti bercorak pengusahawan seperti kumpulan pembangunan wanita (KPW) dan kumpulan nelayan wanita telah dilaksanakan bagi memelihara petani-petani wanita dalam pemprosesan makanan pertanian dan ikan, manakala program satu daerah satu industri sedang dipergiatkan untuk dilaksanakan. Nilai penjualan bagi hasil-hasil pemprosesan pertanian oleh KPW telah meningkat lebih daripada RM110 juta pada tahun 2003.
- (iv) menggalakkan penyertaan sektor swasta – kerajaan juga amat menyedari bahawa peranan sektor swasta adalah sangat

penting ke arah menjadikan sektor pertanian dan industri asas tani sebagai satu sektor yang moden, dinamik dan berdaya saing. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan MIDA telah menyediakan insentif potongan cukai bagi sektor pertanian dan industri asas tani seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bagi Tempoh Januari 2001 hingga Ogos 2004, kementerian ini telah menerima sebanyak 180 permohonan bagi insentif projek pengeluaran makanan dengan nilai sebanyak RM2.1 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 141 permohonan telah diluluskan dengan nilai sebanyak RM940.83 juta. Nilai pelaburan tertinggi yang diterima setakat ini adalah bagi sektor akuakultur iaitu sebanyak RM1.47 bilion diikuti dengan sektor

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah? Sebab kita akan terus sambung semula perbahasan atas masalah Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Saya pendekkan.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin Yang Berhormat masukkan sebahagian bahan ke dalam menggulung nanti.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Saya habiskan ayat ini.

Diikuti dengan sektor-sektor tanaman sebanyak RM603.16 juta dan ternakan sebanyak RM85.14 juta.

Aktiviti-aktiviti yang lain adalah:

- (iv) mempelbagaikan dan menambahkan pendapatan masyarakat tani;
- (v) perubahan minda;
- (vi) meningkatkan aktiviti perkembangan; dan
- (vii) memantapkan sistem penyampaian.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf kerana mengganggu Yang Berhormat. Datuk Syed Ali.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan yang di.....

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf, Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Tidak dapat dinafikan bidang pertanian adalah satu bidang yang luas. Saya cuma hendak tanya sama ada Malaysia boleh menandingi negara Thailand untuk membekalkan beras-beras yang bermutu tinggi seperti beras wangi dan sebagainya. Nampaknya beras-beras serupa ini bukan sahaja popular tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup. Sudah jelas soalnya.

Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae: Mahal. Yang kedua hendak tanya, memandangkan institusi penyelidikan di negara kita telah berbelanja berbilion ringgit beberapa tahun kebelakangan ini untuk menghasilkan beras bermutu tinggi, bolehkah kerajaan memberikan gambaran sebenarnya mengenai bekalan beras yang dibeli dalam negara dengan bekalan beras yang diimport dan berapakah peratus yang tertumpu kepada beras bermutu tinggi dari segi jumlah wangnya. Terima kasih.

Dato' Seri Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, dengan ringkasnya, sebenarnya produktiviti- produktiviti beras di Malaysia lebih tinggi daripada Thailand tetapi keluasan untuk menanam padi di Thailand itu lebih besar daripada Malaysia. Kita keluarkan lebih kurang 3.7 tan satu hektar bagi satu musim manakala negara Thailand lebih kurang 3 tan sehektar bagi satu musim sahaja. Mengenai beras wangi, ia memang banyak ditanam di Thailand manakala di Malaysia sedang dilaksanakan. Berkenaan dengan peratusan beras yang telah diimport ialah lebih kurang sebanyak 35% dan beras yang diimport itu adalah beras yang bermutu lebih tinggi. Itulah sahaja. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri.

8. **Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan kesan-kesan "Pesta Naik Harga" baru-baru ini terhadap indeks harga pengguna (IHP) dan kadar inflasi negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna [Tuan Hoo Seong Chang]: Tuan Yang di-Pertua, "Pesta Naik Harga" yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, saya fikir mungkin Yang Berhormat tidak tahu sama ada benar ataupun tidak selepas kerajaan mengumumkan kenaikan harga runcit produk petroleum dan kenaikan harga runcit daging ayam, kebanyakan barang pun turut naik harga, mungkin maksud Yang Berhormat begitu tetapi bagi

Kementerian kami memang tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan “Pesta Naik Harga”.

Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan telah mengumumkan kenaikan harga runcit produk petroleum sebanyak 5 sen seliter mulai 1 Oktober 2004. Kenaikan tersebut terpaksa dilakukan berikutan kenaikan harga minyak mentah di pasaran dunia telah meningkat kepada USD 47.47 setong. Pada masa yang sama kerajaan telah pun mengumumkan kenaikan siling harga runcit daging ayam kepada RM6.00 sekilogram berbanding dengan RM5.40 sebelum 1 Oktober 2004.

Keputusan ini dibuat berikutan bebanan yang dihadapi oleh pengeluar dan penternak akibat kenaikan kos ternakan ayam terutamanya harga makanan ayam. Kenaikan kedua-dua produk tersebut tidak memberi kesan yang ketara kepada indeks harga pengguna (IHP). IHP bagi bulan Oktober 2004 hanya meningkat 0.6% berbanding dengan September 2004. Indeks kumpulan pengangkutan dan perhubungan meningkat 1% berikutan kenaikan harga produk petroleum manakala indeks makanan hanya meningkat 0.7% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, indeks harga pengguna digunakan untuk mengukur keadaan inflasi sesebuah negara. Dalam pengiraan IHP terdapat sebanyak 430 barang dan perkhidmatan yang diambil bagi mewakili barangan dan perkhidmatan yang dibeli oleh pengguna. Ia meliputi barangan makanan, pakaian, perkhidmatan kesihatan, pengangkutan dan sebagainya. Barangan dan perkhidmatan yang mempunyai wajaran dari segi perbelanjaan pengguna dan kesan perubahan harga sesuatu barangan dan perkhidmatan terhadap harga keseluruhannya dipengaruhi oleh wajaran sesuatu barang dan perkhidmatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Jabatan Perangkaan (*Statistic Department*) dari Jabatan Perdana Menteri yang menjalankan pengukuran IHP ini. Pada keseluruhannya IHP pada bulan Oktober 2004 ini mengalami kenaikan yang kecil iaitu 0.6% sahaja berbanding dengan bulan sebelumnya. Ini menunjukkan kenaikan harga produk petroleum dan kenaikan harga siling daging ayam tidak mempunyai kesan yang ketara kepada kadar inflasi negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Itu jawapannya. Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat. Walaupun beliau tidak bersetuju dengan istilah yang saya gunakan iaitu “Pesta Naik

Harga". Ini disebabkan bukan ayam sahaja yang naik, yang saya tahu, barangan yang lain juga turut naik sebab itulah saya katakan pesta. Peniaga-peniaga nampaknya mengambil kesempatan daripada kenaikan harga petrol.

Soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh pihak kementerian bagi mengawal harga barangan pengguna supaya ianya dilihat lebih munasabah atau didengar dia lebih munasabah, sekarang ini kita dengar ia tidak berapa munasabah, kita lihat pun tidak munasabah. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian pertama soalan tambahan Yang Berhormat tadi sudah pun dikatakan indeks naik pada bulan Oktober 0.6% iaitu kadar yang rendah dan indeks itu diasaskan kepada 480 barangan seperti yang dikatakan, maka persepsi adalah bertentangan dengan statistik. Saya serahkan kepada Yang Berhormat bagi soalan yang kedua.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua yang dapat menjelaskan sedikit sebanyak tentang keadaan yang sebenar. Saya ada jawapan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada angka yang ditunjukkan tadi, sebenarnya pihak kementerian memang membuat pemantauan dan kajian mengenai 255 jenis barangan yang dipantau dari segi harga pada setiap minggu. Tetapi selepas 1 Oktober, kementerian menambah iaitu 245 jenis barangan sebagai tambahan yang dipantau harganya setiap dua minggu sekali, ertinya kita tambah. Selepas 1 Oktober ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat, kita harus mengambil langkah yang lebih menyeluruh untuk kita lihat sama ada barang-barang yang berikutan naik harga ataupun tidak. Kita melalui 57 cawangan di seluruh negara...

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat sudah cukup, Yang Berhormat, iaitu statistik yang dikumpulkan bukan rekaan. Ianya hasil pemantauan dua minggu sekali. Adakah itu benar?

Tuan Hoo Seong Chang: Benar, benar. Cukup?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Hoo Seong Chang: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Kerana saya hendak beri peluang menghormati kehadiran Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Beliau membuka masa pertanyaan. Saya hendak beri peluang beliau menutup masa pertanyaan pada hari ini. Tuan Krishnan a/l Maniam.

9. **Tuan Krishnan a/l Maniam** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan jumlah peratus rakyat termiskin yang telah berjaya mendapat pembelaan daripada Skim PPRT sejak tahun 2000 hingga 2003 mengikut pecahan kaum dan negeri serta apakah prosedur untuk menyertai skim tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

[Datuk Dr. Tiki anak Lafe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Program Pembasmian kemiskinan yang dikendalikan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah telah berjaya memberi faedah kepada seramai 327,349 peserta melalui pelaksanaan pelbagai program pembasmian kemiskinan di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) daripada tahun 2000 sehingga 2003. Pecahan penerima faedah daripada pelaksanaan program-program tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:-

Johor	-	23,660 orang
Kedah	-	21,895 orang
Kelantan	-	48,742 orang
Melaka	-	3,681 orang
Negeri Sembilan	-	9,998 orang
Pahang	-	33,067 orang
Perak	-	40,926 orang
Perlis	-	8,623 orang
Pulau Pinang	-	3,140 orang
Sabah	-	40,387 orang
Sarawak	-	47,919 orang
Selangor	-	13,193 orang
Terengganu	-	16,371 orang
W. Persekutuan Labuan	-	712 orang
Pelbagai Negeri	-	15,075 orang

Selaras dengan strategi yang digariskan di bawah Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional dan Dasar Wawasan Negara, pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan telah dilaksanakan tanpa mengira kaum. Oleh itu pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah terbuka kepada semua yang layak dengan memberi fokus kepada golongan miskin tegar seperti berikut iaitu daftar ketua isi rumah miskin tegar yang telah diterima pada tahun ini bagi daftar yang dibuat pada tahun 2002 dan 2003:-

Kelantan	-	12,826
Terengganu	-	7,446
Kedah	-	2,630
Perak	-	2,275
Pahang	-	1,715
Johor	-	897
Perlis	-	822
Negeri Sembilan	-	671
Melaka	-	593
Selangor	-	489
Pulau Pinang	-	231
Jumlah		<u>30,595</u> =====

Bagi negeri Sabah dan Sarawak pula, kita belum lagi mendapat angka yang terkini. Untuk itu KKW telah merancang pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan berdasarkan strategi pelaksanaan dan garis panduan program yang ditetapkan. Antara syarat-syarat ditentukan di bawah garis panduan pelaksanaan program SPKR ialah setiap peserta penerima faedah perlu didaftarkan dalam daftar ketua isi rumah miskin tegar. Hal pendaftaran ini diwujudkan di peringkat negeri iaitu di peringkat pejabat permohonan negeri dan juga pejabat-pejabat daerah.

Oleh itu kelulusan pelaksanaan projek pembasmian kemiskinan oleh KKW bergantung pada jumlah peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan serta permohonan di terima daripada pentadbiran negeri dan juga kelayakan disyaratkan terhadap setiap peserta program. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi. Saya akan habiskan sehingga soalan No. 12.

10. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah status terkini pembinaan sambungan jalan melibatkan North Link sepanjang 400 meter, iaitu Kesas Highway Missing Link ke Petaling Jaya, jalan di antara Taman Sri Manja dan Taman Kinrara serta jangka masa jalan 400 meter itu boleh siap.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Sejuta terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan pembinaan jalan sambungan persimpangan Kinrara ke Jalan Klang Lama ini telah dibangkitkan oleh penduduk dan pemimpin tempatan berikutan dari pembangunan pesat taman-taman perumahan di kawasan persimpangan Kinrara Utara yang merangkumi Taman Sri Manja, Taman Medan, Taman Majlis Jaya dan Taman Petaling Utama. Sehubungan dengan

itu pihak konsesi Lebuhraya Shah Alam iaitu Kesas Sdn. Berhad telah melaksanakan kajian mengenai jalan perhubungan tersebut dan mengemukakan dua cadangan alternatif seperti berikut kepada Kementerian Kerja Raya.

Alternatif pertama iaitu menghubungkan persimpangan Kinrara dengan Jalan Klang Lama, Taman Sri Manja, Taman Medan, Taman Majlis Jaya dan Taman Petaling Utama dengan jambatan empat lorong yang sedia ada. Anggaran kos pembinaan ialah sebanyak RM6.5 juta.

Alternatif kedua iaitu menghubungkan persimpangan Kinrara dengan Jalan Klang Lama, Taman Sri Manja, Taman Medan, Taman Majlis Jaya dan Taman Petaling Utama dengan jambatan sembilan lorong. Alternatif ini memerlukan pembinaan sebahagian lagi jambatan lima lorong merentasi di atas Sungai Klang, anggaran kos terlibat ialah sebanyak RM17.5 juta.

Kementerian Kerja Raya telah meneliti kedua-dua cadangan di atas dan bersetuju dengan prinsipnya supaya alternatif kedua iaitu pembinaan jalan menghubungkan melalui jambatan sembilan lorong dilaksanakan sebagai langkah penyelesaian jangka panjang. Pembinaan jalan penghubung tersebut secara tidak langsung juga akan memudahkan perjalanan penduduk di kawasan Petaling Jaya sama ada untuk ke Kuala Lumpur dan Klang, sebaliknya melalui Lebuhraya Shah Alam dan dapat mengurangkan masalah kesesakan di persimpangan Jalan Klang Lama dan Lebuhraya Damansara Puchong.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat cadangan pembinaan *Missing Link* tersebut adalah di luar dari skop asal perjanjian Konsesi Lebuhraya Shah Alam berdasarkan *clause* 6.4 perjanjian konsesi tersebut. Sebarang pelaksanaan kerja-kerja tambahan adalah di luar dari tanggungjawab konsesi. Sehubungan itu cadangan pembinaan jalan sambungan persimpangan Kinrara ke Jalan Klang lama ini adalah di luar kawasan *right-of-way* Kesas Sdn Berhad dan pihak konsesi telah memohon supaya kos projek ini ditanggung oleh kerajaan sama ada oleh pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) atau Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kerja Raya telah menerima laporan dari Lembaga Lebuhraya Malaysia dan masih sedang meneliti mengenai kaedah pembiayaan bagi melaksanakan jalan sambungan persimpangan Kinrara ke Jalan Klang Lama. Adalah dijangkakan isu-isu mengenai pembiayaan dan

pelaksanaan projek akan dapat dimuktamadkan dalam tempoh masa terdekat ini dan kerja-kerja pembinaan akan dimulakan sebaik sahaja isu-isu tersebut diselesaikan.

11. **Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kementerian menyedari bahawa begitu sukar bagi pengusaha-pengusaha IKS untuk mendapatkan pinjaman walaupun terdapat banyak dana yang telah diberikan dan jika sedar apakah mekanisme terbaik yang boleh dibuat oleh kementerian bagi membantu pengusaha tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, institusi perbankan sentiasa memberi sokongan pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang berdaya maju. Dalam tahun 2003, institusi perbankan telah menerima 86,558 permohonan pinjaman daripada PKS yang bernilai RM4.5 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak 75,200 permohonan ataupun 87% bernilai RM25.7 bilion telah diluluskan.

Selanjutnya dalam tempoh sembilan bulan pertama 2004, institusi perbankan telah menerima 82,410 permohonan pinjaman PKS yang bernilai RM40.3 bilion. Daripada jumlah tersebut sebanyak 66,243 permohonan ataupun 80% dengan nilai RM22.8 bilion telah diluluskan. Di samping itu institusi kewangan juga telah meluluskan 3,380 permohonan pinjaman PKS berjumlah RM2.2 bilion di bawah Tabung Khas Bank Negara Malaysia dalam tempoh sembilan bulan pertama 2004 berbanding 2,876 permohonan berjumlah RM1.4 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 2003.

Secara agregat Bank Negara Malaysia memperuntukkan sebanyak RM8.9 bilion sebagai tabung pusingan untuk lima Tabung Khas Bank Negara Malaysia bagi membiayai PKS dalam sektor tertentu. Dari jumlah itu sebanyak RM7.4 bilion telah diluluskan oleh institusi kewangan kepada 18,000 pengusaha kecil dan sederhana. Walaupun pinjaman PKS mengalami kadar pertumbuhan yang tinggi dan pelbagai dana khas PKS telah ditubuhkan kerajaan sedar sesetengah PKS masih mengalami kesukaran untuk mendapatkan pinjaman.

Ini adalah kerana salah satu faktor utama yang diambil kira oleh institusi perbankan untuk meluluskan pinjaman ialah daya maju projek dan keupayaan membayar balik pinjaman. Sebagai institusi yang menerima deposit atau dilantik untuk melaksanakan skim pembiayaan kerajaan adalah menjadi tanggungjawab institusi

perbankan untuk memastikan dana deposit dan dana kerajaan yang dikeluarkan sebagai pinjaman dapat dibayar balik oleh peminjam, untuk memelihara kepentingan deposit dan juga pihak kerajaan.

Bagi mempertingkatkan keupayaan PKS yang berdaya maju mendapatkan kemudahan pembiayaan, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi membantu pengusaha-pengusaha tersebut antaranya ialah usaha Bank Negara Malaysia mengatitkan dialog upacara suku tahunan dengan persatuan-persatuan perniagaan dan institusi-institusi kewangan di peringkat Wilayah untuk mendapatkan maklum balas berhubung dengan institusi-institusi pembiayaan PKS.

Selain daripada itu Bank Negara Malaysia juga terus mengadakan *road show* di seluruh negara serta mengambil bahagian dalam taklimat, seminar dan pameran PKS yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan PKS dan agensi kerajaan untuk menyebarkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pembiayaan, termasuklah maklumat mengenai skim-skim pembiayaan yang disediakan oleh kerajaan. PKS adalah dinasihatkan supaya mengambil peluang sepenuhnya untuk memanfaatkan institusi Bank Negara Malaysia tersebut bagi meningkatkan keupayaan mereka mendapatkan *access* kepada pembiayaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat isu IKS dan pinjaman ini sudah berulang kali dibangkitkan dalam masa pertanyaan dan sudah pun terjawab berulang kali juga sudah komprehensif dalam jawapan-jawapannya. Adakah Yang Berhormat hendak memberi peluang untuk satu soalan tambahan? Sila.

Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya adakah pihak kementerian menyedari bahawa ada pinjaman yang telah diluluskan tetapi malang setelah beberapa bulan atau hari jawapannya minta maaf duit sudah habis, peruntukan sudah habis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sepatutnya itu yang menjadi soalan asal.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, dana yang telah dikeluarkan oleh kerajaan sebenarnya banyak. Jikalau hendak diikuti dengan senarai yang ada pada saya hari ini daripada dana melalui pelbagai institusi perbankan dan juga agensi kerajaan termasuk CGC, MARA dan pelbagai adalah berjumlah 34 dana dan di Bank Negara Malaysia sendiri setakat ini ada lima dana.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedia untuk menjawab sekarang. Saya akan habiskan soalan No. 13. Kasihan Yang Berhormat menunggu lama tadi.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Jadi, banyak dana dan saya yakin kalau ada masalah begitu boleh dirujuk kepada Bank Negara sendiri, bermakna kalau jawapannya peruntukan sudah lulus tetapi pinjaman tidak dikeluarkan, sekiranya ada masalah begini kita boleh terus merujuk kepada Bank Negara.

12. Dato' Rhina Bhar minta Menteri Kewangan menyatakan adakah Kementerian bercadang meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti atau Akta Syarikat untuk menghalang pengarah syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam senarai PN4 daripada menjadi ataupun dilantik sebagai pengarah ataupun lembaga pengarah syarikat PN4 atau syarikat-syarikat lain. Apakah tindakan kerajaan yang telah dan akan diambil untuk mengatasi kerugian yang dialami oleh pemegang-pemegang saham syarikat PN4 yang belum pulih sepenuhnya walaupun setelah 7 tahun berlaku masalah kewangan 1997 supaya "accountability" dan "transparensi" dalam pentadbiran syarikat-syarikat awam dapat dikembalikan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Suruhanjaya Sekuriti (SC) di bawah peruntukan Akta Perindustrian Sekuriti yang sedia ada dibenarkan untuk membantah di mahkamah terhadap pelantikan mana-mana pengarah syarikat yang didapati telah melanggar undang-undang sekuriti. Manakala di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965 yang sedia ada pula pengarah-pengarah syarikat yang didapati tidak *solvent* termasuk syarikat PN4 boleh dihalang daripada memegang sebarang jawatan pengarah di mana-mana syarikat. Di samping itu sekiranya pengarah-pengarah syarikat PN4 telah melakukan jenayah *fraud* atau penipuan yang membawa hukuman penjara, maka mereka tidak lagi boleh menyandang jawatan pengarah tanpa kebenaran mahkamah dan permohonan kebenaran ini boleh di bantah oleh pendaftar syarikat.

Dalam pada itu SC dari masa ke semasa juga sentiasa mengkaji semula peruntukan-peruntukan yang sedia ada untuk memperketatkan lagi supaya pengarah-pengarah syarikat PN4 yang telah melakukan kesalahan undang-undang terus ditegah daripada memegang jawatan sebagai pengarah di mana-mana syarikat tersenarai. Untuk mengatasi kerugian yang dipikul oleh pemegang-pemegang saham syarikat PN4 SC juga mengenakan syarat kelulusan supaya syarikat-syarikat PN4 mengenal pasti faktor-faktor yang telah mengakibatkan kerugian dan mengambil langkah-langkah yang

se wajarnya untuk memungut semula kerugian daripada pihak-pihak yang bertanggungjawab.

Syarat ini dikenakan semasa meluluskan skim penstrukturan semula syarikat-syarikat PN4 yang terlibat. Selain daripada itu SC juga meneruskan aktiviti penguatkuasaannya terhadap mana-mana pelanggaran undang-undang dan salah urus oleh pengarah dan pegawai kanan PN4, walaupun syarikat PN4 dinyahsenaraikan, dikeluarkan dari senarai *listing* oleh Bursa Malaysia Berhad. Tindakan penguatkuasaan bersama SC Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Polis Diraja Malaysia juga masih aktif dilaksanakan demi memastikan tindakan bersepadu dapat diambil terhadap mana-mana pihak yang melanggar undang-undang yang berkaitan.

SC juga meneruskan usaha bagi mendidik pelabur-pelabur mengenai risiko pelaburan hak-hak pelabur rancangan kewangan dan pendidikan ke arah menambahkan lagi pemahaman tentang kewajipan dan tanggungjawab para pengarah serta pemegang saham dalam sesebuah syarikat.

13. **Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk** minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah masih terdapat begitu ramai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang masih mahu bermastautin di Sabah sedangkan kerajaan telah menawarkan untuk memberi mereka laluan untuk pulang ke tempat asal mereka, apakah tindakan kerajaan terhadap mereka selepas tamat tempoh perlepasan yang dijadualkan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk menjawab soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, antara faktor yang menyebabkan Malaysia masih menjadi tumpuan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya cuma hendak membantu kerajaan memaparkan kesungguhan kerajaan menegakkan akauntabiliti.

Datuk Tan Chai Ho: Terima kasih. Walaupun undang-undang negara adalah ketat ekoran keadaan politik yang stabil, ekonominya yang berkembang maju, keadaan ini telah membuka banyak peluang pekerjaan yang tidak dapat dipenuhi oleh tenaga kerja tempatan. Kadar upah yang ditawarkan adalah agak tinggi berbanding dengan yang diperolehi di negara asal. Selain daripada itu adalah faktor geografi di mana Malaysia mempunyai sempadan pantai yang panjang dan sempadan darat yang

bergunung ganang dengan negara-negara jiran telah memudahkan pergerakan masuk PTI ke negara ini.

Keadaan politik dan ekonomi negara asal mereka yang tidak menentu, peluang pekerjaan yang terhad dan kadar upah yang rendah juga telah menjadi pendorong kuat pendatang tanpa izin untuk memasuki negara ini secara tidak sah. Walaupun menyedari hukuman yang berat menanti sekiranya mereka ditangkap oleh agensi-agensi penguat kuasa. Tuan Yang di-Pertua, selepas program pengampunan tamat kerajaan akan menjalankan operasi menangkap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) secara besar-besaran di mana agensi-agensi penguat kuasa, seperti polis, Jabatan Imigresen, RELA dan pihak rukun tetangga akan digerakkan bersama atau bersendirian atau bersepadu. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Kasim.

Tuan Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kebanjiran pendatang asing tanpa izin ataupun PATI ini disebabkan oleh program pengampunan yang kita sering tawarkan setiap tahun terutamanya pada musim perayaan. Walaupun mereka merasakan bahawa mereka datang secara sah dengan mendapat permit dan sebagainya, tetapi mereka tidak balik ke negara asal masing-masing, hanya menunggu selepas program pengampunan yang sentiasa ditawarkan oleh kerajaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menetapkan program pengampunan ini untuk setiap tahun. Kali ini adalah khas atau istimewa kerana kita hendak menjalankan operasi menangkap PATI secara besar-besaran pada bulan Januari, tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Di atas permintaan pemimpin-pemimpin negara mereka juga.

Datuk Tan Chai Ho: Ya, saya akan nyatakan bahawa presiden kerajaan Indonesia telah mencadangkan kerajaan kita supaya memberi peluang kepada rakyat Indonesia supaya mereka boleh ambil masa untuk balik ke negara asal. Jadi inilah satu program yang saya kata tadi *special* khususnya. Jadi untuk tahun-tahun yang lain tidak ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Presiden baru kita layanglah Yang Berhormat.

Datuk Tan Chai Ho: Betul Tuan Yang di-Pertua. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Masa pertanyaan tamat.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2004) 2004****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan atau masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [6 Disember 2004]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Datuk Yaacob bin Haji Mohammad.

11.18 pagi

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi izin untuk saya turut bahaskan Suatu Akta Perbekalan Tambahan D.R. 17/2004. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh lima maksud iaitu B.04 - Suruhanjaya Pilihan Raya dengan tambahan RM100 juta, B.07 - Jabatan Perkhidmatan Awam dengan RM156,790,000, B.28 - Kementerian Pengangkutan dengan tambahan RM14,973,700, B.31 - Kementerian Pelancongan dengan tambahan RM19,108,400 dan akhir sekali B.43 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan tambahan RM156,830,000.

Bagi Maksud B.04 Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihan Raya yang memohon tambahan sebanyak RM100 juta. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada seluruh jentera Suruhanjaya Pilihan Raya kerana di dalam pilihan raya umum yang dahulu telah pun dapat membuktikan dapat menegakkan perjalanan sistem pilihan raya dengan begitu baik walaupun terdapat sedikit sebanyak kelemahan yang mana saya akan sentuh di dalam Bekerjasama Maksud 4. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya, sehingga selesai pilihan raya umum yang lalu berapa banyakkah jumlah wang pertaruhan yang telah tidak dituntut dan jumlah wang sebenar telah pun dikutip oleh kerajaan. Sehingga ke hari ini berapakah tunggakan yang tersimpan wang tuntutan deposit yang tidak dituntut oleh calon-calon termasuk pilihan raya-pilihan raya umum yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat penjelasan daripada Suruhanjaya Pilihan Raya berkaitan dengan sistem pendaftaran pemilih yang mana

sekarang ini berjalan sepanjang tahun dan sebagaimana kita sedia maklum bahawa, di dalam pilihan raya umum yang lalu, *trend* ataupun pola penambahan pemilih-pemilih akan berlaku setiap kali di akhir-akhir apabila berhadapan dengan menjelangnya pilihan raya umum dan kita sendiri telah dapat lihat implikasi ataupun kesan-kesan agak sedikit kelam-kabut dari segi penyediaan daftar pemilih yang mana menyebabkan berlakunya sedikit-sedikit kelemahan di dalam pilihan raya umum yang baru lalu yang menyebabkan berlaku penyerahan daftar-daftar pemilih di beberapa lokaliti, di beberapa daerah terdapat perbezaan antara mereka yang dibekalkan di luar tempat *polling* dengan yang berada di dalam tempat pendaftaran pemilih dan di sini saya suka mendapat penjelasan, nyatakan *trend* atau pola pertambahan pengundi mengikut tahun sehingga menjelangnya pilihan raya. Dari situ Suruhanjaya boleh menyusun strategi bagi menangani penambahan pengundi-pengundi di saat-saat akhir yang mana apabila ia disahkan dan ianya boleh dibekalkan tanpa menimbulkan kekalutan dari segi pembahagian daftar-daftar kepada di dalam tempat mengundi dengan di luar tempat mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta pihak Suruhanjaya Pilihan Raya menyatakan bagaimanakah pemantauan di buat atau pun strategi disusun agar masalah atau pun isu besar yang telah berlaku sebelum menjelangnya pilihan raya umum yang lalu berkaitan dengan isu pemindaan pengundi-pengundi tanpa diketahui oleh pemilik itu sendiri yang dibuat oleh mereka-mereka yang tidak bertanggungjawab dengan mempunyai agenda-agenda yang tertentu. Kita tidak mahu peristiwa ini berulang lagi kerana walaupun pilihan raya umum akan dilaksanakan lima tahun sekali, tetapi kita jangan menunggu atau dapat mengesan hanya apabila menjelangnya pilihan raya pada ketika itu mungkin beban dan tanggungjawab untuk melakukan pembersihan ke atas daftar pemilih agak sukar dilaksanakan kerana di saat-saat akhir, maklumlah biasalah berbagai-bagai kekurangan akan berlaku di Suruhanjaya Pilihan Raya.

Lantaran itu saya pohon apakah strategi Suruhanjaya untuk mengesan daripada sekarang kerana urusan pendaftaran pemilih sepanjang masa akan berlaku dan bagaimana tindakan yang boleh diambil agar mereka yang cuba meminda pengundi tanpa disedari oleh pemilih itu sendiri tidak akan berulang lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat sedikit pandangan daripada Suruhanjaya Pilihan

Raya. berkaitan dengan alamat-alamat yang terdapat di dalam daftar pemilih, apakah pelaksanaan undang-undang Pindaan Akta Suruhanjaya Pilihan Raya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah kerja-kerja mengemas kini daftar pemilih ini perlu kepada satu jentera pekerja-pekerja tetap ataupun boleh diharapkan pekerja-pekerja sambilan?

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan Yang Berhormat ini, sememangnya begitu penting daripada pengalaman Suruhanjaya Pilihan Raya yang saya lihat, dengan pengambilan tenaga sambilan setiap kali apabila diadakan walaupun pendaftaran pemilih ataupun waktu pilihan raya. Saya kira hampir 90% tenaga kerja yang diambil untuk mengendalikan...

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap Yang Berhormat, saya pisahkan di antara kerja-kerja daftar pemilih dengan kerja-kerja mengendalikan pilihan raya itu sendiri. Pekerja mengemaskinikan daftar pemilih

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terdapat dua urusan kerja Suruhanjaya Pilihan Raya yang setiap tahun pendaftaran pemilih yang saya lihat sebagaimana yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua. Memang kalau tidak silap saya hampir 12,000 tenaga sambilan, tenaga kerja diambil oleh Suruhanjaya Pilihan Raya kalau tidak silap anggaran saya. Mereka ini terdiri daripada tenaga kerja kakitangan perkhidmatan awam termasuk juga guru-guru termasuk juga yang tidak ada kerja yang diambil. Yang pastinya mereka mungkin kurang mahir apabila mengendalikan walaupun urusan pendaftaran pemilih ini agak ringkas, tetapi untuk berhadapan dengan mereka lebih pintar, *one step ahead* dari segi hendak menyusun strategi, kalau saya katakan hendak cuba memutar belitkan maklumat, apabila mendaftar borang pendaftaran pemilih.

Mungkin yang bekerja sebagai sambilan tidak begitu tahu dan taklimat yang diberikan kepada tenaga sambilan ini bagi saya agak ringkas, *straight forward*.

Mereka tidak mahir tentang taktik-taktik kalau parti politik cuba mempermainkan ataupun memalsukan maklumat atau memutar belitkan maklumat. Umpamanya berhadapan mereka yang ingin memindahkan pengundi. Bagi kerani sambilan, bukan kerani tetap Tuan Yang di-Pertua, mereka menerima maklumat tersebut mungkin kerana kurang berpengalaman dan mereka tidak nampak akan kemungkinan akan berlaku penipuan. Mereka akan menerima maklumat-maklumat tersebut dan terus

hantar ke Pejabat Daerah kemudian hantar ke negeri ataupun ke pusat. Di pusat dari segi proses pendaftaran pemilih mereka hanya berdasarkan maklumat Tuan Yang di-Pertua. Soalan Tuan Yang di-Pertua tadi memang relevan.

Apakah perlu kita memerlukan kerani tetap untuk berhadapan dengan waktu urusan pendaftaran pemilih, tetapi ini melibatkan kos yang amat tinggi kalau kita mengambil kerani tetapi Tuan Yang di-Pertua. Cuma mungkin boleh Suruhanjaya Pilihan Raya memperbaiki lagi, di samping kerani sambilan mungkin diletakkan penyelia-penyelia yang tetap kerana isu ini adalah isu maruah negara Tuan Yang di-Pertua. Daftar pemilih..

Tuan Yang di-Pertua:..Bukan isu maruah sahaja Yang Berhormat. Kalau ada pihak yang manipulasi daftar pemilih. Ini mencacatkan perjalanan demokrasi di Malaysia.

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memang telah terbukti di negara asing kerana memanipulasikan daftar pemilih. boleh menumbangkan sebuah negara, kerana itu *point* Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak kerajaan pihak Suruhanjaya Pilihan Raya meninjau kembali apakah dengan meletakkan kerani-kerani sambilan apabila urusan pendaftaran pemilih dilaksanakan ianya boleh menjamin akan adanya satu daftar pemilih yang sah yang tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi pertanyaan dan membolehkan saya memberi tambahan maklumat kepada Suruhanjaya Pilihan Raya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya memang tahu Yang Berhormat hendak cakap hal itu.

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat. Kadang-kadang apabila berucap Tuan Yang di-Pertua, *point* ada tetapi kadang-kadang

Seorang Ahli: *Interruption*

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Bukan *interruption*. Tetapi semangat Tuan Yang di-Pertua memberi pedoman hala tuju, kadang-kadang-kadang-kadang sebagai Yang Berhormat senator ini kadang-kadang arah tuju lain sedikit. Tetapi Tuan Yang di-Pertua tarik balik letak balik kepada trek yang betul. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri laluan.

Datuk Yaacob bin Haji Mohammad: Ya, silakan sahabat saya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan, bukankah seseorang pengundi yang telah didaftarkan di sesebuah kawasan

Tuan Yang di-Pertua: Antara dua Yang Berhormat ini lain-lain partikah?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tak mengapa lain tetapi lebih kurang pendirian sama. *[Ketawa]* - yang didaftarkan dan mereka itu mempunyai hak untuk membuat bantahan jika sekiranya didapati dalam buku daftar undi yang baru itu tidak betul. Maknanya, dia duduk sama, tiba-tiba dia didaftarkan di Kedah, dia boleh buat bantahan. Walaupun ada ruang bantahan tetapi saya mendengar rungutan untuk membuat bantahan itu agak sukar dan bayarannya pun agak tinggi.

Inilah yang menyebabkan sebahagian daripada pengundi-pengundi ini tidak membuat apa-apa bantahan walaupun dia tahu bahawa dia telah dipindahkan, sama ada dipindahkan oleh orang lain - tentu orang lain yang memindahkan, barangkali Yang Berhormat lebih faham, orang lain yang memindahkan dan dia sedar dia telah dipindahkan tetapi apabila dia hendak membuat bantahan dia memerlukan kepada wang pertaruhan dan sebagainya. Ini menyulitkan. Adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya Suruhanjaya Pilihan Raya memberikan ruang dan kemudahan supaya sebarang bantahan itu dikemukakan dengan percuma. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bermakna saya ini sedang dengar pakar daftar pemilih dari dua parti, ya? *[Ketawa]*

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan bertujuan untuk menjawab bagi pihak Suruhanjaya Pilihan Raya tetapi mungkin saya boleh memberi sedikit penjelasan. Kalau tidak silap saya, urusan bantahan pemilih, daftar pemilih dibuat setelah daftar pemilih disahkan dan ianya akan dipamerkan di Pejabat-pejabat Daerah ataupun di tempat-tempat, lokasi yang dikenal pasti dan digazetkan oleh kerajaan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak silap saya, bantahan ini dibuka selama 14 hari dan rang daftar-daftar pemilih ini disebar di pejabat-pejabat daerah di tempat-tempat yang digazetkan. Kalau tidak silap saya,

tidak ada sebarang bayaran yang dikenakan kepada mereka yang membuat bantahan. Untuk makluman Yang Berhormat Ustaz Hassan, tidak ada bayaran dikenakan.

Yang kita tahu, ini sikap, kalau saya hendak katakan soal sikap. Memanglah setelah urusan pendaftaran dibuat, hendak pergi menyemak daftar pemilih bagi memastikan kesahihan sama ada nama kita ada ataupun tidak, memanglah sikap manusia itu kadang-kadang mereka pun tidak tahu bilakah pameran daftar pemilih dibuat, dia tidak tahu dan dengan beranggapan apa yang telah mereka isi dalam borang itu dengan berkeyakinan akan disahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Jadi saya fokuskan kepada sikap pengundi untuk pergi menyemak.

Dari pengalaman yang lalu, pada setiap kali pilihan raya dewan undangan negeri ataupun pilihan raya umum, yang pergi menyemak hanyalah jentera-jentera parti termasuk jentera dari parti Yang Berhormat Ustaz sendiri, yang membeli daftar, ataupun saya tidak tahu daftar itu boleh dibeli ataupun tidak, tetapi dibekalkan melalui fotostat. Mereka itulah yang menyemak daftar tersebut bagi memastikan nama ada nama itu telah hilang atau nama itu telah dipindahkan. Semuanya akan dibuat bukan oleh ahli orang perseorangan ataupun terlalu *minimal* jumlah yang pergi menyemak tetapi yang banyak membuat semakan ialah jentera parti dan ianya akan lebih berkesan apabila dekat dengan pilihan raya, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin saya telah menjawab soalan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam yang memohon tambahan peruntukan sebanyak RM156,750,000. Saya ingin merakamkan penghargaan, tahniah dan syabas kepada seluruh jentera perkhidmatan awam di bawah bimbingan Jabatan Perkhidmatan Awam yang meliputi Bahagian Latihan dan berbagai-bagai *department* di bawah JPA.

Namun, saya suka membangkitkan satu perkara yang telah berlaku tengah hari semalam yang menyebabkan Dewan Negara agak tergendala oleh kerana mungkin berlaku *miscommunication* di pihak pentadbiran pegawai-pegawai kerajaan, dan saya bukan bertujuan untuk menyebelahi Menteri atau Timbalan Menteri, tetapi sebagai bekas pegawai kerajaan, saya pernah lalui perkara-perkara sedemikian dan saya tidak mahu perkara seumpama ini berlaku kepada kementerian-kementerian yang lain dan pada saya sedikit-sebanyak tanggungjawab ini adalah terletak pada kita sebagai pegawai kerajaan yang hendaklah lebih sensitif, lebih komitmen kerana tanggungjawab Menteri dan Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen sememangnya diamanahkan

untuk menjaga kawasan, untuk menjaga kementerian, untuk menjaga jabatan. Tetapi sebagai pegawai kerajaan, baik di peringkat Ketua Setiausaha Negara, baik di peringkat KSU, Timbalan KSU, semuanya mempunyai peranan, Tuan Yang di-Pertua, dan sebagaimana amanat, saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *delivery system* yang disasarkan, banyak tertumpu kepada pelaksanaan, Tuan Yang di-Pertua. Pelaksanaan, maksud saya, ialah jentera kerajaan, kementerian-kementerian.

Jadi, di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam, apa yang berlaku semalam, saya pohon mungkin Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam boleh melihat kerana perkara tersebut telah menjejaskan, mencatitkan perjalanan Dewan Negara, Dewan yang mulia ini. Kalau boleh, saya minta, bukan saya hendak mempersoalkan kredibiliti, kebolehan, kehadiran pegawai-pegawai tetapi melalui pengalaman-pengalaman saya yang lalu, kehadiran pegawai-pegawai yang berada di dalam Dewan Negara mahupun Dewan Rakyat, bukanlah kita dipertanggungjawabkan sekadar untuk mencatat apa yang dibahaskan, melaporkan kepada pihak atasan, bukan setakat itu.

Kalau boleh, pada tahun 70-an, 80-an, sebagaimana saya pernah berada di bahagian belakang sana, Tuan Yang di-Pertua, kami dulu kalau dibahaskan sesuatu rang undang-undang terpaksa membawa fail-fail - dulu *manual*, duduk di merata-rata tempat, *stand by* kerana jawapan-jawapan yang akan dibangkitkan waktu perbahasan tidak menentu apa perkara yang akan disasarkan, dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi, kita di pihak jentera kerajaan, kami dulu *stand by*. Waktu persoalan dibangkitkan terus ada *machinery* atau modus-operandinya - cari fail yang berkaitan. Kalau seboleh-bolehnya membantu menteri, membantu setiausaha Parlimen dengan terus memberikan jawapan dari belakang, dengan nota-nota dan kita yang berada di belakang sana, Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai kerajaan, ia adalah yang termampu, yang boleh terus menjawab – bukan sekadar datang untuk membuat lawatan, membuat laporan dan membawa pulang.

Jadi, dari segi keberkesanan *delivery system* tidak akan tercapai dalam Dewan ini, dan sebaik-baiknya jawapan yang dibangkitkan, persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat baik di Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat, mereka Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri juga yang sebenarnya boleh menjawab tetapi dari segi fakta-fakta mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat mungkin tidak boleh menjawab tetapi dari segi umum memang boleh. Lantaran itu saya menyasarkan

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Shukri.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta sedikit penjelasan tentang kejadian yang berlaku semalam. Kalau tidak silap ingatan saya, jadual mengenai rang undang-undang yang akan dibentangkan oleh menteri atau kementerian-kementerian yang berkenaan, tentunya telah pun disampaikan oleh pihak Dewan Negara kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, sama ada dia itu menteri ataupun bukan menteri. Ini untuk berlaku adil di antara pegawai kerajaan dengan Menteri. Jadi, apakah pihak Menteri atau Timbalan Menteri tidak membaca jadual tanggungjawab beliau sebagai seorang Menteri, Timbalan Menteri ataupun Setiausaha Parlimen bahawa pada tarikh yang ditentukan itu beliau kena membentangkan rang undang-undang ataupun pindaan undang-undang ke atas sesuatu undang-undang?

Jadi, perkara ini saya rasa perlu diambil perhatian oleh pihak menteri, timbalan menteri dan juga Setiausaha Parlimen kementerian yang berkenaan yang ada rang undang-undang yang akan dibentangkan oleh kementerian itu di dalam Dewan yang mulia ini.. Itu saya tidak tahu di mana kesilapannya – adakah silap pegawai ataupun menteri sendiri sebab ... minta maaf, walaupun semalam Timbalan Menteri saya ingat sudah menjawab tetapi saya pun berasa ragu atas jawapan itu kerana beliau kemudiannya berjumpa dengan saya di luar – sahabat lama saya, biasalah sahabat lama saya, dia berjumpa di luar, dia tanya saya, saya kata, “Tadi Tuan Yang di-Pertua telah tangguhkan sehingga jam 11.30 pagi tetapi kemudian memberi tahu di kantin bahawa Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang” pada hal Menteri, Timbalan Menteri yang berkenaan yang kemudian beliau sendiri membentangkan rang undang-undang itu berada di sekitar Dewan ini.

Apakah sampai begitu hubungan antara pegawai-pegawai awam dengan pihak menteri ataupun timbalan menteri yang bertanggungjawab untuk membentangkan sesuatu rang undang-undang ataupun pindaan ke atas sesuatu akta? Ada pun menyediakan jawapan-jawapan itu, saya ingat ada lain sedikit. Itu memanglah menjadi tanggungjawab sahabat-sahabat yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan yang sentiasa mendengar perbincangan dan mereka memberikan bahan-bahan kepada pihak menteri atau timbalan menteri ataupun setiausaha Parlimen yang bertanggungjawab

untuk memberikan jawapan-jawapan ke atas soalan-soalan yang dikemukakan oleh wakil-wakil ataupun oleh Ahli-ahli Dewan Negara ini.

Itu saya mohon sedikit penjelasan kalau boleh, kerana beliau adalah bekas seorang pegawai kerajaan yang saya rasa cukup lama dan mungkin mempunyai pengalaman dari segi hubungan antara pegawai kerajaan dengan pihak menteri atau timbalan menteri ataupun setiausaha Parlimen. Terima kasih.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ustaz Hassan di atas cetusan tambahan persoalan yang dibangkitkan. Sebagai manusia biasa dan kita bukannya malaikat dan kita tidak dapat lari daripada berlaku kealpaan setiap insan, dan di sini saya tidak mempersoalkan untuk mencari salah siapa tentang peristiwa semalam tetapi sekadar ingin meminta kerjasama agar peristiwa semalam tidak berulang lagi dan saya juga telah pun meminta penjelasan tentang perkara yang berlaku itu agar ianya menjadi pedoman kepada kementerian-kementerian yang lain agar insiden tersebut tidak akan berulang lagi.

Sebagaimana Yang Berhormat Ustaz Hassan sebutkan tadi, kalau tidak silap saya, sebenarnya Dewan ditangguhkan pada jam 11.30 pagi tetapi terpaksa ditangguhkan buat kali yang kedua berpunca bukan kerana tidak ada Menteri atau Timbalan Menteri tetapi berpunca soal berlaku *electricity* tergendala dalam Dewan ini menyebabkan Dewan terpaksa ditangguhkan kerana bau kebakaran semalam apabila loceng dibunyikan. Saya pasti kalau Dewan dimulakan pada jam 11.30 pagi, Menteri telah pun bersedia untuk menjawab sebagai penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam selaku jabatan yang mengkoordinasi dan menyelaraskan jentera kerajaan, kalau boleh, cuba apa cara juga, memohon kementerian-kementerian supaya mengingatkan pegawai-pegawai yang hadir, turut membantu agar perjalanan Dewan dan mereka yang bertanggungjawab lebih komited, lebih bersedia dengan kemudahan-kemudahan yang ada hari ini, dengan IT yang ada di semua kementerian agar apa-apa maklumat yang dibangkitkan di dalam Dewan ini, gunakanlah kemudahan ICT, komputer dan alat-alat canggih di sini yang boleh diguna pakai agar maklumat, persoalan yang dibangkitkan

oleh wakil-wakil Ahli Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat dapat dijawab dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon ulasan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam oleh kerana telah menjangkau lebih satu tahun, hampir satu tahun pilihan raya umum yang lalu dan beberapa janji Barisan Nasional telah pun diwarwarkan melalui manifestonya dan apakah pemantauan dibuat oleh kementerian-kementerian melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, melalui KSU-KSU telah pun diambil tindakan oleh jentera-jentera kerajaan.

Andai kata kementerian kekurangan jawatan-jawatan kosong, kekurangan jawatan-jawatan yang memerlukan tindakan diambil di atas janji-janji manifesto Kerajaan Barisan Nasional, kalau boleh jawatan-jawatan tersebut hendaklah diisi kekosongan, dan untuk itu kalau boleh diberi penjelasan jumlah kekosongan yang terdapat di dalam seluruh kementerian yang ada sekarang mengikut kategori-kategori dan kalau boleh Jabatan Perkhidmatan Awam hendaklah lebih *action oriented* dari segi pelaksanaan sistem kenaikan pangkat seluruh pegawai-pegawai di kementerian-kementerian kerana proses urusan kenaikan pangkat kadang-kadang melibatkan *red tape*, melibatkan tempoh-tempoh yang tertentu.

Saya tidak nafikan memang sulit urusan kenaikan pangkat tetapi pastikan jawatan-jawatan kosong yang memerlukan kenaikan pangkat dipenuhi dengan secepat mungkin. Jangan dibiarkan jawatan-jawatan dipangku begitu lama walaupun ada pegawai-pegawai yang berkeelayakan, walaupun ada pegawai-pegawai yang terpaksa menanggung kerja diberi elaun tanggungan kerja tetapi berilah mereka galakan, insentif yang lebih agar urusan-urusan kenaikan pangkat seluruh peringkat kategori dalam perkhidmatan awam dipercepatkan kerana jawatan-jawatan kosong tersebut bajetnya sememangnya telah pun ada, warannya telah pun dikeluarkan oleh Perbendaharaan dan tidak ada sebab mengapa jawatan-jawatan kosong tersebut boleh terbengkalai, terbiar begitu lama. Andai kata Bahagian Kenaikan Pangkat di Jabatan Perkhidmatan Awam kekurangan tenaga, mereka jugalah yang mewujudkan jawatan. Jadi, tidak sepatutnya berlaku sebarang alasan untuk menyatakan kekurangan jentera tenaga perkhidmatan awam dalam urusan kenaikan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tambahan peruntukan sebanyak yang dipohon oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menampung kos pelajar-pelajar di dalam dan di luar negeri. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan, bagaimanakah cara

pemantauan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam terhadap pelajar-pelajar swasta yang hanya berada di luar beberapa negara yang tidak dapat dipantau tentang kehadiran mereka di luar negara, apakah kita mempunyai suatu rangkaian kawalan terhadap pelajar-pelajar yang berada di luar negara di mana apakah perlu kedutaan-kedutaan ataupun perwakilan kita di luar negara perlu tahu bahawa mereka adalah rakyat Malaysia tetapi menuntut di luar negara. Bagaimana sistem penyeliaan terhadap rakyat Malaysia yang menuntut di luar negara terutamanya pelajar-pelajar swasta.

Kalau boleh, dapatkan jumlah mereka mengikut negara yang mereka menuntut dan pembahagian mengikut bangsa dan negeri yang mereka belajar. Kalau di Timur Tengah, dari manakah asalnya, negeri mana mereka belajar? Dan kalau boleh semua maklumat ini amat berguna kepada kerajaan dari segi memastikan subjek yang mereka ikuti memang relevan atau bagi memastikan perancangan kerajaan, apakah pelajar-pelajar negara kita yang berada di luar negara akan menjadi aset kepada negara apabila mereka berada di negara luar. Kalau di Rusia, banyak juga mata pelajaran dalam kedoktoran, memang ia sebagai satu aset kepada negara.

Begitu juga dengan pelajar-pelajar yang berada di luar negara ini, adakah mereka merupakan aset ataupun di sebaliknya dan ada juga unsur-unsur yang kita kenal pasti pelajar-pelajar kita yang berada di luar negara yang melemparkan tohmahan-tohmahan negatif terhadap kerajaan kita dan ada juga pelajar-pelajar di luar negara yang diperalatkan oleh pihak-pihak luar semata-mata untuk memporak-perandakan negara kita. Kita tahu dalam agenda-agenda negara luar, salah satu elemen yang diguna pakai untuk memporak-perandakan atau untuk menggulingkan sesebuah negara adalah dengan memperalatkan, mengeksploitasikan pelajar. Jadi pihak Jabatan Perkhidmatan Awam mungkin melalui Jabatan Penuntut ataupun melalui perwakilan, kedutaan-kedutaan kita boleh cuba pantau perkara ini dan kita tidak mahu pelajar-pelajar swasta terbiar tanpa sebarang kawalan daripada pihak kerajaan kerana ada juga pelajar-pelajar kita yang berada di India, pernah berada di Afghanistan dahulu, pernah berada di negara-negara yang mana mempunyai kepentingan sama ada untuk meruntuhkan, merosakkan keamanan perpaduan negara kita dan mereka telah pun diperalatkan baik kuasa-kuasa luar ataupun oleh parti-parti dalam negara yang cuba memperalatkan untuk memperkembangkan agenda-agenda masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan yang mana memohon peruntukan tambahan sebanyak RM14,973,700. Saya akui semalam bahawa Yang Berhormat Menteri telah pun menyatakan dua perkara yang cuba saya minta penjelasan. Daripada maklumat yang telah pun dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Chin semalam, jumlah kenderaan kita yang berkeliaran di jalan-jalan raya; jalan Persekutuan dan jalan kampung berjumlah 13.5 juta. Bayangkan penduduk kita hari ini ialah sekitar 36 juta, tetapi jumlah kenderaan yang berada di jalan raya 13.5 juta. Daripada jumlah tersebut, kira-kira 8 juta daripadanya ialah motosikal dan kemalangan yang berlaku di negara kita, yang meragut nyawa kebanyakannya mereka yang terdiri daripada penunggang dan pembonceng motosikal.

Di dalam satu artikel, negara kita pernah dianggap negara yang mempunyai jumlah ataupun peratusan kemalangan jalan raya di antara yang tertinggi. Jadi, dengan adanya fakta-fakta tersebut, kementerian bolehlah cuba, saya tidak nafikan, kita tidak habis-habis dengan strategi perancangan dan sememangnya perancangan dan strategi tidak statik dan kalau hari ini perlu satu dasar, satu segi dan besok apabila berhadapan dengan realiti, strategi dan perancangan tersebut terpaksa diubah-ubah sesuai dengan persekitaran masalah yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kementerian Pengangkutan, terutamanya peranan Jabatan Pengangkutan Jalan. Saya ucapkan syabas dan tahniah di atas kegigihan seluruh jentera di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) cuma mungkin boleh kita sama-sama lihat apakah perlu JPJ hari ini terlibat dengan 3E – iaitu perkara yang pernah dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua dahulu iaitu dari segi *education*, dari segi *enforcement* dan dari segi *engineering*.

Kalau dilihat hasrat dan rintihan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setiap kali terutamanya menjelang satu-satu perayaan, kita dipaparkan oleh media cetak dan media elektronik dengan tangisan, rangkaian kesedihan apabila berlakunya insiden kemalangan yang kita semua tidak impikan, tidak pernah didugakan, tidak pernah terfikir ia akan berlaku dan apa yang terbukti daripada laporan media cetak dan media elektronik, terus berlaku kematian melalui kemalangan.

Walaupun Yang Berhormat Menteri ada menyatakan kadar kematian jika dibangkitkan dengan jumlah kematian sambutan perayaan tahun-tahun yang lalu lebih kurang telah pun menurun, namun hakikatnya kemalangan terus berlaku. Saya lihat

sempena sambutan perayaan-perayaan di antara peristiwa yang berlaku antara lainnya dan kalau boleh saya minta pihak Jabatan Pengangkutan Jalan hendaklah lebih menonjol dari segi tanggungjawab, peranan, tugas yang diberi kerana dari segi nisbah, jumlah staf Jabatan Pengangkutan Jalan kalau dibandingkan dengan nisbah adanya pemandu-pemandu, dengan nisbah kenderaan yang berada di jalan raya, memang peratusnya (*percentage*) antara amat kecil, tidak setimpal dengan beban tanggungjawab yang ditugaskan kepada Jabatan Pengangkutan. Jalan tetapi persoalannya, merekalah, Jabatan Pengangkutan Jalan mengutip hasil setiap tahun yang menyumbang ke arah pendapatan negara.

Saya sarankan Kementerian Pengangkutan supaya di bawah 3E tadi di antara lainnya *enforcement* dan *engineering* perlu diberi fokus yang lebih. Kalau perlu ditambah tenaga pegawai dan staf JPJ, cuba *justifykan*. Mereka boleh *justifykan* apabila data ada di dalam tangan untuk meyakinkan *Treasury* dan Jabatan Perkhidmatan Awam menambah tenaga kerja.

Tuan Yang di-Pertua, melalui liputan media cetak dan media elektronik sempena sambutan Hari Raya, kita dapat lihat di tempat-tempat perhentian bas, teksi, lapangan terbang yang mana pada ketika tersebut menjadikan tempat sasaran, tempat tumpuan mereka yang ingin pulang ke destinasi masing-masing. Peristiwa berlaku, tiket-tiket jualan tempahan dibuat, dijual tetapi bas tidak ada. Kita lihat rintihan-rintihan anak-anak kecil dengan ibu-ibu yang terpaksa menunggu daripada tengah malam sehingga ke pagi, harapkan bas datang, bas tidak datang.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan di *airport*, teksi-teksi tanpa permit beroperasi secara berleluasa dengan begitu banyak. Begitu juga dengan kita, negara sasaran pelancongan. Jadi saya lihat tanggungjawab JPJ yang mana banyak membawa hasil kepada negara tetapi tanggungjawab, beban tugas yang diamanahkan kepada JPJ adalah terlalu jauh beza dengan kemampuan mereka. Dari segi kemampuan fizikal, apakah mereka dibekalkan dengan alat-alat *self defend* yang sempurna kerana *enforcement* amat penting di JPJ. Kita lihat berlaku beberapa insiden secara sengaja sabotaj pegawai-pegawai *enforcement*. Jadi, saya pohon kementerian....

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Syed Ali.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan Yang Berhormat.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat mengenai dengan teksi-teksi terutamanya di lapangan terbang KLIA yang mana saya sendiri ketika pulang dari luar negara, kita dapat melihat pemandu-pemandu teksi ini menunggu di balai ketibaan KLIA dengan begitu terbuka dan menawarkan khidmat teksi mereka untuk ke Kuala Lumpur. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, tanggungjawab siapakah yang memastikan teksi-teksi haram ini untuk keluar daripada KLIA daripada duduk di hadapan pintu menawarkan khidmat teksi dan mereka tidak melalui kaunter-kaunter yang telah ditetapkan dan perkara ini telah beberapa kali berlaku di KLIA dan masih wujud sehingga hari ini. Kita harap kewujudan teksi-teksi sapu ini harus dihentikan. Saya tidak tahu sama ada JPJ bertanggungjawab ataupun pihak penguasa KLIA memastikan mereka tidak berada di pintu masuk ketika ketibaan. Jadi saya harap dapat Yang Berhormat beri pandangan kepada saya. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, macam-macam ada. Jadi,

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat ingin menggunakan pengalaman Yang Berhormat semasa menjadi Pengarah JPJ dahulu untuk memberi penjelasan kepada soalan Yang Berhormat Datuk Syed Ali.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Nampaknya rahsia telah pecah. *[Ketawa]* Jadi, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sahabat saya Datuk Syed Ali memang begitu relevan, begitu penting. Perkara ini bukan dibangkitkan hari ini dan telah berulang kali, acap kali dibangkitkan oleh kita semua. Tanggungjawab yang kalau Yang Berhormat nyatakan ingin mendapat penjelasan saya, mungkin lima kategori yang terlibat.

Yang pertama, yang sudah pasti Jabatan Pengangkutan Jalan; yang kedua, pihak pengurusan *airport*; yang ketiga, pihak polis; dan yang keempat, kita sendiri, pengguna, kalau kita dok layan teksi-teksi sapu, menggalakkan mereka; dan yang kelima, Kementerian Penerangan. Boleh di antara lainnya Kementerian Pengangkutan gunakan khidmat Kementerian Penerangan menghebahkan, memberi gambaran kerana ini, teksi-teksi sapu, Tuan Yang di-Pertua, telah menyebabkan berlakunya kes-kes jenayah, yang mana teksi-teksi sapu tersebut, ada di antara pemandunya tidak ada lesen yang dikeluarkan oleh PSB, yang dikeluarkan oleh JPJ.

Mereka ini mungkin mempunyai kad-kad pengenalan, IC, yang mana saya tahu mereka yang mempunyai permit teksi, pada mereka akan rugi kalau teksi tidak berjalan di jalan, jadi, siapa sahaja yang ingin membawa, yang sanggup bawa, beri sewa harian, tuan punya teksi akan lepas teksinya, ataupun pemegang-pemegang teksi tersebut tanpa mengira siapa pemandu tersebut. Inilah angkaranya, Tuan Yang di-Pertua, berlaku jenayah, satu punya daripada *airport* dan punca-punca lain yang Yang Berhormat sebutkan tadi itu di Pudu Raya, berlaku juga perkara yang sama, tidak pakai meter.

Jadi, di sinilah peranan di antara lainnya saya meminta Kementerian Kerja Raya dan JPJ lakukan operasi, bukan kata bila ada waktu perayaan, tetapi ini *is ongoing*, sepanjang masa, hendaklah sepanjang masa. Oleh kerana itu saya lihat alasan kurang tenaga kerja, kurang tenaga pegawai JPJ *enforcement*, jangan dijadikan alasan. *Justify*, justifikasi dengan JPJ, dengan JPA supaya ditambahkan, kerana ini N3, point N3 - Airport ataupun Pudu Raya - adalah destinasi pelancong, destinasi pelancong dalaman juga.

Banyak juga orang kampung kita terpedaya di Pudu Raya angkara teksi-teksi yang sapu, teksi-teksi yang tidak pakai meter. Dahulu pernah, saya tidak mahu *action*, Tuan Yang di-Pertua, bas-bas mini waktu saya dalam tahun 70-an, saya memperkenalkan pakaian operasi senyap, JPJ semua tidak ada uniform, duduk dalam bas, tidak payah pakai but, tidak payah pakai, duduk naik bas. Jadi, waktu tersebut ada kesan. Jadi, sekarang ini bas mini tidak ada, tetapi teksi-teksi sapu masih berkeliaran, berleluasa, siang, pagi dan malam.

Apakah pihak JPJ kalau boleh malam-malam juga keluar, cari *taxi-drivers*, malam ini banyak yang tidak ada identiti yang betul. Jadi, mereka ini juga ada agenda, di samping kalau ada peluang melakukan jenayah, rompak dan lain-lain, terutamanya kepada yang kurang mampu, yang wanitanya, anak-anak sekolahnya. Jadi, saya pohon JPJ, jangan sekadar, pastikan operasi kawalan-kawalan untuk keselamatan orang awam ini sentiasa terjamin melalui *check* sebelah malam, tahan teksi, tanya, minta kad pengenalan, identiti, apakah

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: [*Bangun*]

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan, sahabat saya, Yang Berhormat Dr.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih kepada sahabat saya, Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcop. Saya minta pandangan Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Nor Mohamed bin Yakcop tentang teksi-teksi haram ataupun teksi sapu yang wujud di KLIA. Ini sudah memberi satu penglihatan atau persepsi bahawa ada elemen rasuah di sini oleh kerana perkara ini sudah ditimbulkan beberapa kali, tetapi masih ada. Apabila kita keluar dari bilik tiba, sama ada dari luar negeri atau dalam negeri, ada juga orang yang datang tanya, bisik-bisik, "*Teksi, teksi!*" Tetapi, tidak berapa jauh dari sana, pun ada pegawai penguat kuasa. So, saya curiga, ada elemen rasuah di sini. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya. Persoalan berkaitan dengan rasuah, sebenarnya di dalam ribuan kambing mesti ada seekor kambing hitam, *black sheep*. Dan begitu juga di dalam sebuah bakul epal, ada sebiji epal busuk. Jadi, begitu juga dengan kita, kita tidak boleh membuat sesuatu *statement* yang mengatakan rasuah yang menyebabkan berlaku perkara-perkara tersebut.

Namun, kalau hendak dikatakan ada sedikit kecurigaan terhadap mereka, mungkin saya boleh terima, tetapi banyak faktor-faktor lain, Yang Berhormat, yang menyebabkan perkara-perkara tersebut terus berlaku di *airport* tersebut. Saya juga tidak mahu, untuk makluman pegawai-pegawai kerajaan, saya juga tidak mahu Menteri ataupun Perdana Menteri terpaksa pergi melihat bagaimana teksi tersebut, pemandu-pemandu haram, *approach* kita, terutama pelawat-pelawat ataupun pelancong-pelancong, yang kadang-kadang tertipu. Ini merosakkan kita. Memanglah murah, tetapi tertipu.

Saya melihat pihak pengurusan Jabatan Penerbangan Awam membuat *announcement* setiap kali supaya kita tidak menggunakan khidmat pemandu-pemandu teksi sapu dengan ada *signages mereka*, dengan ada kaunter yang telah dibuat di dalam *terminal* sendiri, tetapi persoalannya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sahabat saya Yang Berhormat Datuk Syed dan Yang Berhormat Dato' Dr S. Vijayarajam sebentar tadi memang terus berlaku. Terus berlaku. Apakah perlu seorang JPJ duduk di situ tetapi kata Yang Berhormat sahabat saya tadi, memang ada tidak jauh, tetapi teksi-teksi sapu masih beroperasi. Itu di lapangan terbang, di Pudu pun banyak. Bagaimana?

Kita tidak mahu sampai meletup kes, berlaku pencolekan, berlaku rogol, teksi daripada *Airport* kena *hijack*. Bas pun sama. Tuan Yang di-Pertua, sebiji bas kena *hijack*. Jadi, perkara-perkara sedemikian, bas-bas malam pelancong daripada Johor di *hijack* di *highway*, . Ini berlaku, tetapi saya ucap syabas dan tahniah kepada pihak polis, walaupun dalam sekejap berlaku *hijacking* bas, pihak polis dapat menangkap orang-orang yang terlibat. Itu ada kelebihan pihak polis.

Jadi, di sini kita memerlukan satu rangkaian, saya tidak tahu berapa jawatankuasa telah dibentuk, beberapa koordinasi kementerian untuk mengatasi masalah ini, tetapi masalahnya, realitinya, hakikatnya masih berlaku teksi-teksi sapu, berlaku pemandu-pemandu bas yang tidak berkeelayakan, yang masih ada *addicted*, ada dadah dalam dirinya, penagih dadah dan masih ada pemandu-pemandu bas pelancong yang tidak mengikut peraturan, yang mengantuk, terutamanya dalam musim perayaan, yang seorang pemandu membawa bas terus menerus. Yang menjadi mangsa, kita pun tahu, kadang-kadang sekarang ini, satu fobia untuk balik kampung hendak naik bas sudah takut, tetapi bagi mereka di bawah, tidak ada pilihan, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kita yang diamanahkan, jabatan agensi kerajaan, yang melaksanakan dasar kerajaan, cubalah cari, apakah satu mekanisme yang lebih berkesan, hari-hari berlaku di Terminal Antarabangsa, airport. Di Pudu ini, hari-hari ada, bagaimana cara, jangan bila berlaku, meletup, barulah tubuh satu jawatankuasa, tubuh satu jawatankuasa, tidak ada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pergi kepada – sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Tan Cheng Tee: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Tuan Tan Cheng Tee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit penjelasan daripada rakan saya, masih lagi tentang lapangan terbang. Memanglah saya pun setuju dengan masalah yang telah dibangkitkan, hanya mungkin penjelasan sedikit saya ingin tanya. Mungkin pandangan pengurusan *airport* itu, sebab kalau kita tadi ditanya sama ada siapa yang bertanggungjawab. Saya merasakan antara lain ada kelemahan-kelemahan lain juga. Walaupun tidak dikatakan tadi, seperti *trolley* untuk *passenger*, di mana memang kadang-kadang tidak ada di tempat kapal terbang

mendarat tetapi apabila sampai sahaja di dewan untuk bagasi itu, dan ada banyak *trolley* di situ.

Juga dewan ketibaan pun selain daripada pemandu teksi sapu ini, saya dapati sekarang ini sudah jadi tempat dewan pameran hotel dengan setem yang penuh di situ, dengan nama-nama hotel dan sebagainya, sehinggakan kalau kita menunggu penumpang agak susah hendak berdiri kerana pegawai-pegawai ataupun pekerja-pekerja hotel dengan *standnya* berdiri di situ mengiklankan hotel-hotel mereka.

Juga, yang ketiganya saya bangkitkan masalah *trolley* ini, kita sekarang ini bila sampai kita pakai *trolley* yang kecil sedikit untuk *hand baggage*, kemudian sampai ke satu tempat itu dikatakan berhenti, tidak boleh lebih dari situ dan kenalah kita angkat *baggage* itu, bagasi itu ke tempat yang bagasi besar, kemudian ambillah *trolley* yang besar pula. Bukankah ini menjadi satu kerumitan sedikit untuk penumpang terutama bagi mereka yang mungkin berumur sedikit, di mana perlu pula mengangkat bagasi itu. Walaupun setakat 200 meter ataupun 100 meter, tetapi ada sedikit, dengan izin, *inconvenience* kepada penumpang.

Jadi, saya merasakan antara lain mungkin, adakah pihak pengurus lapangan terbang ini sebagai satu lapangan terbang yang terunggul di dunia harus mengambil kira perkara-perkara kecil tetapi amat penting kalau dibiarkan kerana menjejaskan nama baik negara kita. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Tan Chee Tee. Saya setuju di atas pandangan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, sahabat saya tadi. Sememangnya pihak kementerian mungkin di bawah pengurusan Jabatan Penerbangan Awam boleh cuba melihat perkara-perkara dari segi memberi khidmat yang lebih cemerlang, kemudahan-kemudahan kepada pelanggan di terminal-terminal penerbangan.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, memang negara kita di antara negara yang pemurah, terdapat di negara-negara lain ialah *trolley* terpaksa dikenakan bayaran, tetapi oleh kerana negara kita mungkin pemurah, kita membekalkan *trolley* secara percuma. Ini satu perkara yang baiklah, yang patut diberi pujian kepada kementerian. Dan, sahabat saya sentuh tadi, saya harap pihak pengurusan, Jabatan Penerbangan Awam, bolehlah lihat untuk mengadakan satu perubahan ataupun pembaikan dari segi membekalkan perkhidmatan di *airport*.

Tuan Pengerusi, tentang JPA, akhir sekali *education*. Saya pohon pihak kementerian ataupun Jabatan Pengangkutan Jalan cuba seberapa banyak yang boleh pohon peruntukan untuk memberi pendidikan kerana banyak juga agensi-agensi kerajaan dari segi mendidik masyarakat kita, tidak diberi *priority* yang baik. Lantaran itu saya pohon JPJ, Kementerian Pengangkutan wujudkan satu *modus operandi* bagaimana untuk memberi pendidikan pengetahuan kepada masyarakat. Saya tahu kempen telah pun banyak dibuat tetapi masih belum berkesan.

Umpamanya baru-baru ini, pihak media cetak dan media elektronik banyak membantu secara percuma melalui liputan-liputan penyedaran kepada pemandu-pemandu, pengguna-pengguna jalan raya. Dan, saya pohon kementerian sendiri sepatutnya mempertingkatkan kerana dalam banyak negara luar, konsentrasi di dalam mendidik telah pun diberi keutamaan dan Kementerian Pengangkutan, JPJ, kalau boleh mendidik, satu macam mana mendidik, macam-macam cara yang telah pun dilaksanakan sekarang ini, tetapi kalau boleh perbanyakkan, perbaiki antara lainnya, sehingga di peringkat sekolah, masukkan pendidikan di peringkat sekolah melalui masukkan *leaflet*nya, kalau perlu kokurikulumnya tentang kesedaran penggunaan jalan raya. Apatah lagi hampir 8 juta, 60% pembonceng motosikal adalah mereka yang dikategorikan bawah umur 30 tahun dan majoritinya *students* dan merekalah aset negara tetapi kadang-kadang menjadi mangsa kepada suatu sistem yang perlu kita perkemaskinikan.

Yang kedua pendidikan perlu diberikan kepada pemandu-pemandu teksi. Pemandu-pemandu teksi yang memegang *permit* itu, selalunya kita panggil dan beri kursus, tetapi kadang-kadang ada pemandu teksi yang memegang permit teksi itu tidak tahu siapa yang memandu teksi dia kerana sering kali beralih tangan. Jadi pemandu-pemandu teksi inilah seperti mana saya katakan tadi JPJ kena panggil terutamanya di Klang Valley yang mana di antara lain *contribute* kepada jenayah.

Kemudian pendidikan juga perlu dipertingkatkan bagi pegawai-pegawai di kementerian sendiri tentang strategi dan *psychology* dan kita juga tidak perlu mendidik dengan hukuman. Kadang-kadang untuk menyaman JPJ terpaksa menyaman *on-the-spot* dengan nada, dengan *body language* kasar.

Jadi sebagai kerajaan yang dihormati, kita perlu wujudkan satu sikap mesra rakyat. *Enforcement* JPJ juga perlu lebih ke arah mendidik, tidak perlu tonjolkan muka yang garang. Tidak perlu. Kalau berhadapan dengan pengganas ataupun

penjenayah, yalah, kita terpaksa, tetapi kalau masyarakat biasa, orang biasa, penuntut, juga kita sebagai staf kerajaan kadang-kadang berhadapan dengan karakter-karakter yang garang daripada JPJ. Cubalah wujudkan sikap mesra dengan orang-orang yang baik. Kalau dengan penjenayah itu, faham-fahamlah tidak perlu mesra.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh kepada maksud B. 31 Kementerian Pelancongan - sedikit sahaja - yang memohon tambahan peruntukkan RM19,108,400. Saya tahu memang kita tidak dapat menafikan dan telah terbukti industri pelancongan sememangnya telah pun menjadi satu sektor yang menjana ke arah pertumbuhan *income* negara. Dan saya juga pasti pihak Kementerian Pelancongan dari masa ke semasa senantiasa mengkaji strategi perancangan bagi memastikan status negara kita sebagai destinasi pelancongan senantiasa diperhebatkan kepada mereka dari luar negara ataupun dari dalam negara. dan

Daripada angka-angka yang kita lihat, jelas jumlah pelancong-pelancong telah begitu meningkat dari tahun demi tahun dan *contribution* kepada *income* negara amat besar yang disumbangkan oleh Kementerian Pelancongan. Untuk itu saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada menterinya dan seluruh jentera Kementerian Pelancongan. Namun sedikit sahaja yang saya hendak sentuh iaitu berkaitan dengan *promotion* yang kita buat sama ada dalam negara ataupun di luar negara, mungkin boleh kita perbaiki lagi, kita pertingkatkan lagi dengan agensi-agensi rangkaian dan *modus operandi* yang lebih berkesan. Kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran kita, cara mereka laksanakan adalah agak lebih boleh bersaing ataupun lebih daripada kita. Lantaran itu saya pohon dari segi perancangan *promotion* hendaklah dipertingkatkan.

Satu lagi yang saya minta Kementerian Pelancongan, cubalah lihat pusat-pusat tarikan dalam negara kita juga yang menjadi tumpuan dalam *itinerary* pelancong-pelancong yang hendak pergi. Kalau di Klang Valley biasalah kita tidak dapat lari daripada masjid negara, zoo negara, istana negara dan banyak lagi negara-negara yang kita membawa pelancong lihat negara dalam negara kita. Cuma kalau boleh kita mahu pelancong itu bukan datang sekali. 5 tahun sekali dia akan datang, dia akan lihat perubahan pusat-pusat pelancong dalam negara kita, baik di pulau dan baik di dalam bandar.

Umpamanya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Istana Negara. Saya hari-hari, sehari dua kali atau tiga kali lalu depan istana negara, memang pada kita, kita

tahu tidak ada apa, tetapi saya lihat memang setiap pagi bas-bas berduyun-duyun, berderu-deru menunggu di luar *gate* Istana Negara, di tepi jalan raya yang agak sibuk kereta lalu-lalang. Yang saya bangkitkan ialah pertamanya apakah hanya cukup pelancong datang dengan berpuluh-puluh bas dan berduyun-duyun dengan berveideo-video kamera bergantung ambil gambar kuda, dan gambar seorang pengawal duduk di atas kuda di hadapan *gate* Istana Negara. Ini berlaku di hadapan dan di luar iaitu di tepi jalan raya. Apakah sudah cukup itu sahaja? Apakah perlu kita cuba mencerikan lagi Istana Negara tersebut? – Saya tidak tahu bagaimana, - sebab lima tahun yang lalu itu juga dan hari-hari saya tengok itu juga. Dan pelancong memang banyak, dalam *itinerary* memang masuk dan *of course* yang datang di situ ialah rungutan-rungutan yang timbul, ini sahaja kah? Cuba fikirkan apakah saya tidak tahu Istana Negara itu - perlu masuk dalam lebih sedikit atau untuk ditambahkan dengan benda-benda lain. Soal keselamatan perlu diambil kira, pas masuk keluar dan masuk keluar kerana terlalu sibuk laluan tersebut, Yang Berhormat Tanjong.

Begitu juga keadaan di Zoo Negara. 10 tahun yang lalu saya masuk ke Zoo Negara dan baru-baru ini saya masuk, saya tengok lembu. Eh! Lembu pula!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Gajah!

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Gajahnya, zirafahnya, badaknya sudah tua, antik. Itu satu. Yang kedua, tidak banyak perubahan yang dibuat oleh pihak pengurusan Zoo Negara, mungkin disebabkan berhadapan dengan bajet yang tidak diberi keutamaan. Kita lihat 20 tahun yang lalu memang zoo sesuai di situ, persekitarannya hutan, kebun-kebun getah dan pokok-pokok besar, tetapi hari ini Zoo Negara tersebut, harimau dan singanya pun sudah berkawan dengan manusia. Dia pun dengar jeritan-jeritan dan tangisan anak-anak, dia juga dengar deruan motosikal. Jadi kalau Zoo Negara dibandingkan dengan zoo di negara-negara jiran yang lain, ia jauh ketinggalan. Kalau boleh pihak Kementerian Pelancongan, kasihanilah pengurusan zoo, kasihanilah singa-singa dan monyet-monyet yang tua ini supaya mereka diberi pembelaan dari segi pencinta alam kepada manusia dan juga kepada pengurusan zoo itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan apa yang saya sentuh tadi berkaitan dengan pelancong iaitu tentang pemandu-pemandu pelancong, pemandu-pemandu bas, kalau boleh pihak Kementerian Pelancongan cuba fokuskan dan tumpukan

kepada yang membawa pemandu-pemandu pelancong. Kadang-kadang pelancong-pelancong ini mengambil teksi-teksi yang di tepi-tepi jalan. Bagaimana kita hendak diselaraskan supaya pemandu-pemandu teksi-teksi yang dinaiki oleh pelancong tersebut berilmu dan berkemampuan untuk memberi penjelasan kepada para pelancong?

Kadang-kadang kita pernah naik teksi apabila balik kerja, kita perhatikan pakaian, selipar dan keharuman badan pemandu-pemandu yang duduk dan membawa teksi. Kita sedih juga tengok mereka menghisap rokok yang memang salah dari segi JPJ, Jadi ini menyumbang kepada daya tarikan pelancongan. Kementerian hendaklah cuba beri sedikit panduan bagaimana cara pemandu-pemandu tersebut dapat menyumbang di dalam industri pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kalau diizinkan saya hendak sentuh tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sedikit sahaja di mana mereka meminta peruntukan sebanyak RM156,830,000 ringgit. Kita tidak dapat menafikan, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di antara lainnya kita lupa mereka mempunyai PBT iaitu kerajaan-kerajaan tempatan di bawah. PBT adalah agensi kerajaan yang paling bawah yang berhadapan dengan masyarakat bawahan, rakyat dan pengundi-pengundi dan kita lihat PBT sememangnya memberi sumbangan yang sepatutnya banyak tanpa memberi kesan-kesan negatif. Tetapi ada *feedbacknya* banyak sekali dalam berhadapan dengan ramai masyarakat di bawah. Kita alpa, kita lupa mereka juga sebenarnya memainkan peranan penting ke arah menjadikan masyarakat ataupun negara kita ke arah yang lebih terbilang.

Umpamanya Tuan Yang di-Pertua, PBT mengeluarkan lesen-lesen pajak di bawah pengawasan kementerian. Mereka juga mengeluarkan permit-permit pertunjukan, mereka juga menjaga *rest room*, *toilets* atau tandas di dalam pasar dan lain-lain tempat di pekan. *Standard* perkhidmatan mereka masih boleh dipertingkatkan. Saya lebih fokus tentang kebersihan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita pergi di daerah-daerah - tidak usahlah di Kuala Lumpur sebab di Kuala Lumpur pun ada banyak *loopholes* tetapi ditangani oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur dengan agak baik - kita dapati masih ada *loopholes* yang boleh diperkemaskinikan dari segi kebersihan. kita

Kita nampak, kalau kita lalu di jalan-jalan protokol memang semuanya cantik, tetapi kalau kita pergi ke belakang Chow Kit, kalau pergi ke belakang-belakang Budget

Hotel, kita akan nampak parit-parit dengan airnya tidak jalan dan juga masalah kebersihan. Saya bangkitkan tentang kebersihan kerana ada kaitan dengan maruah dan imej negara ke arah masyarakat yang lebih gemilang. Kesihatan juga memberi sumbangan ke arah tersebut. Apatah lagi pelancong.

Saya lihat di *flat* bandar raya, *flat* Taman Tun Razak memang waktu sesak jalan raya, satu bas pelancong semuanya orang-orang Barat, apabila sampai ke tempat tersebut berebut-rebut ambil gambar *flats* yang bergantung dengan bendera-bendera berwarna-warni *uniform*, dan baju-baju. Jadi ini di antara imej yang apakah kita di dalam bandar perlu lakukan sesuatu. Memang saya tidak salahkan penghuni-penghuni yang duduk di dalam *flats* tersebut kerana dengan tekanan, dengan suasana persekitaran rumah dua bilik ramai penghuninya, tempat jemuran memang tidak adalah. Jadi apakah alternatif-alternatif yang perlu diambil supaya pertama, dipercepatkan memperbaiki taraf hidup, dan kedua, mengubah mereka ke tempat lain kerana kota raya bandar raya adalah pusat kecemerlangan. Negara perlu kita sama-sama perindahkan. Yang pastinya setiap perubahan dan perobohan melibatkan kewangan. Namun begitu kalau perlu pihak PBT melibatkan diri cubalah fokuskan.

Begitu juga saya sebutkan tadi penggunaan *toilets* awam, kita masih belum mencapai ke satu tahap mentaliti tahap negara maju walaupun dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. *Toilets* ini masih saya tidak tahulah bagaimana. Kalau saya hendak puji PLUS - bukan hendak puji PLUS tetapi sebenarnya memang kena puji - PLUS ini menyediakan suatu sistem rangkaian bilik rehat, tempat makan, *toilets*nya memang cukup *tip-top*. Saya puji.

Oleh kerana itu kita ada agensi yang boleh buat ke tahap itu. Kenapa pihak kementerian di PBT tidak boleh *full-time*kan? *Full-time*kan orang menjaganya. Orang guna dan selepas itu keluar, pencuci masuk cuci. Setiap kali, bukan duduk depan tunggu 10 orang guna baru masuk cuci. Bukan begitu. Setiap kali orang guna, pencuci masuk cek, setiap kali guna masuk cek. Jadi kita perlukan *full-time* kebersihan untuk jaga tandas kerana kita lihat di shopping complex ada kenakan bayaran. Untuk menggunakan tempat itu pun dikenakan bayaran mahal, Tuan Yang di-Pertua, 30 sen. Kalau kita masuk dengan anak-anak semua RM1.50 sen. Apakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan cuba lihat dan pastikan kompleks-kompleks swasta dan komersial kompleks perlu ada orang yang *permanent* untuk jaga di situ tetapi tidak usah caj kami, tidak usah caj pelanggan-pelanggan yang masuk sebab

sudah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan kompleks untuk menjaga kebersihan bilik air. Dan tidak usaha kadang-kadang tidak ada duit kecil, tidak ada tisu. Semua perkara yang dibangkitkan ini pihak PBT kena lihat agar imej kebersihan negara senantiasa terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, soal Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melibatkan satu mekanisme pemantauan dan peringkat pusat kementerian di peringkat negeri dan di peringkat yang paling bawah di daerah-daerah. Jadi saya kira mungkin jentera penyelarasan yang telah wujud tersebut bolehlah meninjau dan kaji balik apa yang telah dibangkitkan oleh beberapa sahabat-sahabat saya tadi untuk kebaikan negara. Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong akta tersebut sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sekejap, sila duduk sekejap. Saya tertarik kepada pandangan Yang Berhormat tadi berkenaan dengan Zoo Negara, akibat daripada pembangunan pesat yang berlaku di kawasan sekelilingnya. Saya teringat kepada satu kisah yang sebenar yang berlaku di Australia di mana seekor beruang di sebuah zoo di negara itu akibat daripada pembangunan yang pesat, sehingga ada rumah yang didirikan di hadapan kandang beruang tadi. Apabila pihak zoo membuat keputusan untuk memindahkan beruang tadi ke satu tempat yang lain, maka beruang apabila dipindahkan ke tempat yang baru itu, ia sudah mula termenung. Makan tidak kenyang, tidur tidak lena, oleh kerana perubahan suasana, perubahan alam daripada suatu alam yang berdekatan dengan pembangunan kepada suatu alam semula jadi.

Saya tidak tahu sama ada kesan-kesan ini akan berlaku kepada Zoo Negara kita sekiranya berlaku perpindahan. Maka, terpulanglah kepada pihak berkuasa termasuk pihak Zoo Negara ataupun Jabatan Perhilitan untuk membuat kajian ke atas kesan-kesan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini melibatkan suatu jumlah wang yang begitu besar RM6,681,000 juta untuk melaksanakan program-program kerajaan serta melicinkan perkhidmatan dan pentadbirannya. Saya akan membuka perbahasan ini kepada Ahli-ahli Yang Berhormat seramai yang boleh supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat mengambil

bahagian dalam perbahasan ini. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin.

12.32 tgh.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh Maksud B.52 - Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang telah memohon sebanyak RM472,871,800. Sebahagian daripada peruntukan ini adalah untuk tujuan sebanyak RM229,140,000 adalah untuk membiayai perjawatan baru kos sewaan, utiliti, pejabat baru, pertambahan elaun perjalanan, sara hidup, penyaraan gaji skim perkhidmatan polis, pembayaran sugu hati bagi bekas polis, sewa pejabat dan pengubahsuaian pejabat Agensi Antidadah Kebangsaan serta pusat serenti.

Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa peruntukan yang diperuntukkan bagi tujuan yang akhir iaitu Agensi Antidadah Kebangsaan ini, jika dilihat separuh daripadanya telah pergi kepada peruntukan yang lain, sedangkan penagihan dadah adalah merupakan sesuatu yang amat penting di dalam negara ini. Kalau kita lihat, kita mempunyai 28 pusat serenti di seluruh negara yang memerlukan banyak peruntukan bagi tujuan membaik pulih pusat serenti. Kalau dilihat hari ini, ada satu laporan akhbar baru-baru ini, setiap hari kita menerima 4,000 yang terjebak di dalam penagihan dadah.

Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah memohon suatu peruntukan yang besar bagi tujuan untuk membuat pagar anti panjat. Ini merupakan sesuatu yang amat mendesak kerana kita lihat hari ini pelbagai gejala sosial ini telah berlaku di seluruh negara, terutama sekali penagihan dadah yang telah dan banyak melibatkan anak-anak muda yang akan menjadi satu hari nanti, bukan sahaja penagihan dadah sebagai gejala sosial tetapi juga ia telah menjadi penjenayah, akhirnya, kerana mereka telah berusaha dan ada di antaranya telah menggunakan senjata-senjata tajam keluar daripada pusat-pusat serenti yang telah merompak dan juga menggunakan peruntukan wang yang dirompak itu untuk membeli dadah.

Saya berpendapat bahawa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri haruslah mendapat peruntukan yang lebih bagi tujuan untuk membaik pulih pusat-pusat serenti yang ada, 28 buah ini. Dengan adanya peruntukan yang lebih, mungkin dapat dibuat semuanya pagar-pagar anti panjat. Kita lihat rusuhan-rusuhan yang berlaku ini telah membawa mereka kepada perlakuan jenayah. Tidakkah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memikirkan barangkali satu ketika mengadakan satu bandar serenti atau

desa serenti. Barangkali di suatu kawasan yang lebih luas, bukan di pusat serenti. Mungkin pusat serenti yang ada ini bermula daripada dua pusat serenti dan hari ini telah ada 28.

Permasalahannya tidak juga selesai kerana pusat-pusat serenti ini tidak ada kelengkapan yang boleh membendung penagih-penagih dadah ini dan memulihkan mereka. Kebetulan dari pengalaman saya, saya banyak pergi berceramah di pusat serenti. Saya melihat apabila mereka keluar daripada pusat serenti, telah ada yang menunggu di luar untuk memberi semula mereka dadah. Jadi inilah perkara-perkara yang saya fikirkan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri memikirkan satu cara, mengadakan satu pusat yang benar-benar serenti di satu daerah kawasan yang lebih luas, daripada negeri-negeri yang tersebut barangkali di negeri Pahang, barangkali mempunyai tanah-tanah terbiar atau di negeri-negeri lain atau sebuah pulau yang dijadikan satu pusat ataupun bandar serenti yang semuanya, yang ada di pusat-pusat serenti yang ada hari ini dipindahkan ke sana secara berperingkat-peringkat dari masa ke semasa.

Jika dilihat, setiap bulan kita menghadapi 4,000 terjebak dalam dadah sebulan dan cuba bayangkan dalam masa setahun dan dalam masa 10 tahun dan 20 tahun akan datang, sudah tentu kita tidak akan dapat menampung penagih dadah ini di pusat-pusat serenti yang sedia ada. Saya berpendapat bahawa ianya haruslah dibuka satu tempat yang lebih luas dan di sana diberikan kelengkapan yang cukup. Dengan adanya di sana sebuah masjid, ada barangkali kolej, sekolah, universiti, kilang-kilang perabot, kilang-kilang dan lain-lainnya mungkin dapat dilaksanakan di sana.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian daripada apa yang diusulkan oleh Yang Berhormat Datuk Jins. Adakah dengan peruntukan tambahan yang harus diberikan kepada kementerian ini, untuk membaik pulihkan pusat-pusat serenti ini akan menjamin bahawa penagih itu tidak akan melibatkan diri lagi dalam penagihan dadah ataupun dengan cara penambahan peruntukan ini, dapat mendisiplinkan lagi penagih-penagih. Hari ini kita lihat bahawa mereka ini duduk dalam pusat serenti, macam mana molek pun duduk dua tahun, keluar tetap jadi penagih. Jadi, kita harus

menambahkan peruntukan untuk mendisiplinkan dan juga mengawal selia yang lebih baik supaya penagih ini tidak melibatkan diri mereka dalam ketagihan dadah dan tidak membazirkan kewangan negara. Terima kasih.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah. Saya berpendapat bahawa dengan adanya satu pusat serenti yang akan menampung semuanya, maka ia akan tinggal di sana buat selama-lamanya, kerana di sana telah disediakan segala-galanya. Ada tanah perkuburan, ada masjid, ada universiti barangkali, ada segala-gala yang lengkap, boleh menampung mereka dan tidak perlu lagi dan akhirnya pusat itu akan menjadi suatu kampung atau suatu bandar dan mereka akan dipulihkan di pusat itu dan akhirnya menjadi penghuni untuk selama-lamanya seperti kita lihat hari ini, kita ada rancangan FELDA, mereka terus tinggal di sana buat selama-lamanya, generasi demi generasi.

Jadi, dengan adanya kelengkapan dan kemudahan itu, kita adakan juga barangkali kilang-kilang perabot. Kita adakan juga pusat pertanian. Kita adakan segala-gala mengikut kepentingan yang ada. Dengan adanya semua ini, mereka akan dapat terus meneruskan kehidupan sesama mereka dan tidak perlu lagi kita menubuhkan lagi pusat serenti yang akan membelanjakan sekian banyak dan boleh kita lakukan ini barangkali sebagai suatu desa terbuka, akhirnya.

Apabila sudah tidak ada lagi masalah-masalah yang timbul seperti berada di negara-negara lain dari pengalaman saya melihat beberapa buah negara yang melakukannya dari masa ke semasa dan akhirnya pusat-pusat serenti ini ditutup sedikit demi sedikit dan kita telah pindahkan mereka ke sana. Saya yakin dan percaya dalam masa 20 tahun kita boleh menyelesaikan masalah ini. Kalau tidak pun seluruhnya, tetapi mungkin separuh dari masalah kita akan boleh diselesaikan kerana tidak ada lagi pusat serenti yang hari ini kita lihat banyak pusat serenti yang ada telah dicerobohi.

Baru-baru ini kita telah membaca akhbar bahawa pusat serenti telah menjadi pusat penagihan dadah kerana dadah dapat masuk ke dalam pusat serenti ini. Mungkin diadakan satu kawalan yang lebih ketat pada peringkat awalnya, barangkali tujuh lapis pagar yang mereka tidak boleh keluar kecuali dengan usaha yang gigih, barangkali ini boleh dilakukan seperti Tembok Berlin umpamanya yang mereka tidak boleh merentasi dan tujuannya.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Jins, selesaikan dahulu penjelasannya.

Datuk Jins Shamsudin: Ya. Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Jins Shamsudin: Ooh, teruskan. Boleh saya teruskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, sudahkah diberikan penjelasan?

Datuk Jins Shamsudin: Belum.

Timbalan Yang di-Pertua: Selesaikanlah.

Datuk Jins Shamsudin: Ada sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah tadi.

Datuk Jins Shamsudin: Saya fikir boleh selesai. Jikalau itu dilakukan dengan secara serius. Sebenarnya, penagihan dadah ini mereka bukanlah mahu menjadi penagih dadah. Setelah saya beberapa kali pergi ke pusat serenti membuat beberapa temu duga dengan mereka, tidak ada orang yang ingin menjadi penagih dadah. Tetapi, apa yang menyebabkan mereka menjadi penagih, ada orang yang dalang di belakangnya kerana mereka menjalankan perniagaan yang amat besar, berjuta-juta ringgit orang menagih dadah ini di atas sebab-sebab ada pengedarnya, ada penjualnya.

Saya yakin dan percaya bukanlah orang-orang biasa yang menjual dadah ini, kerana ia memerlukan peruntukan yang besar, berjuta-juta ringgit dan hari ini juga, kita baru-baru ini telah mendengar Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri akan pergi berunding, atau bertemu dengan semua pusat hiburan di seluruh negara supaya dapat membincangkan tentang bagaimana pusat-pusat hiburan ini dapat mengawal daripada mereka yang datang ini membawa pil-pil khayal dan sebagainya. Ini adalah satu usaha yang baik.

Kita harus memberikan sokongan kepadanya kerana penagihan dadah bukan sahaja melibatkan kementerian semata-mata, tetapi ia melibatkan negara kerana itu akan menjadikan negara kita akan dilihat sebagai satu pusat pengedaran dadah yang boleh dianggap terbesar, kerana yang terlibat dalam penagihan dadah ini dilihat 90% di antaranya adalah belia-belia kita.

Apa akan terjadi 10 tahun, 20 tahun yang akan datang kalau ini berterusan?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, maka itulah saya mencadangkan supaya suatu peruntukan yang lebih besar bagi tujuan membina satu pusat serenti yang lengkap dengan kelengkapannya. Sekian.

Tuan Ismail bin Kasim: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim minta laluan.

Datuk Jins Shamsudin: Silakan.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang disayangi Datuk Jins Shamsudin. Idola saya semasa saya kecil-kecil, saya berterima kasih atas laluan yang diberikan. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat berhubung dengan gejala yang sama-sama kita benci ini, yang kita lihat lebih banyak membawa kerosakan kepada perancangan negara kita. Tetapi, apa yang saya lihat sekarang, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk, iaitu kita lihat sekarang ini, usaha-usaha yang diperolehi kerajaan untuk memulihkan penagih-penagih tegar ini, penagih-penagih yang dirasakan sukar, kerana saya melihat usaha-usaha yang dibuat, yang menelan belanja jutaan ringgit ini, nampaknya daripada pemulihan awal, sampai kepada pemulihan lanjutan, kita melihat apabila mereka balik, kembali ke dalam masyarakat, mereka inilah merupakan di antara pencetus kepada penagih-penagih baru.

Jadi, saya mohon pandangan dari Yang Berhormat Datuk, kalau Yang Berhormat Datuk bersetuju dengan saya, supaya penagih-penagih tegar ini kita tidak benarkan mereka balik dalam masyarakat tetapi sebaliknya kita pilih satu tempat ataupun sebuah pulau seperti mana kita tempatkan kem-kem pelarian Vietnam dulu, sebuah pulau khas untuk mereka yang mana kita beri mereka hidup di situ selama-lamanya sampai mereka mati, ya. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Datuk berhubung dengan perkara ini.

Saya ingin ini *the best way* dengan izin, tindakan yang sebaik mungkin kerana penagih tegar ini mereka tidak akan baik, jelas dibuktikan dengan dua, tiga orang artis yang terlibat dalam gejala ini apabila mereka kembali kepada masyarakat, mereka menagih semula dan mereka membawa rakan-rakan baru ataupun penagih-penagih

baru ke dalam kumpulan mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pohon penjelasan Yang Berhormat Datuk.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, sebelum Yang Berhormat Datuk menjawab saya cuma hendak minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin meminta laluan ataupun yang ingin meminta penjelasan supaya apabila bangun beritahu Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan ataupun Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan, supaya pihak yang sedang bercakap itu tahu tujuan kita tadi. Sila Yang Berhormat Datuk.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mungkin Yang Berhormat tadi belum masuk ke Dewan semasa saya menjelaskan satu bandar serenti yang saya cadangkan mereka akan tinggal di sana buat selama-lamanya, mungkin bandar ini akan terbuka kemudiannya pada peringkat awal barangkali tertutup untuk mengawalinya. Maka itu tidak ada lagi penagih-penagih dadah yang sekarang ini berada di lorong-lorong, berada di pusat-pusat tahanan, berada di *jail* ataupun berada di balai-balai polis yang tidak ada lagi di bandar, semuanya dipindahkan ke sana secara berperingkat-peringkat.

Kita tahu pada suatu ketika dahulu *Pudu Jail* telah dikosongkan dan baru-baru ini terpaksa mengisi bekas penagih-penagih dadah yang berbalik semula menagih. Sebenarnya kita harus mencari puncanya, bagaimana puncanya mereka menagih kerana adanya dadah. Bagaimana orang hisap rokok kerana ada orang jual rokok. Kalau tidak ada penjualnya, tidak ada yang mengedarnya, maka sudah tentu tidak ada yang akan menagih. Jadi, oleh kerana itu Kementerian keselamatan Dalam Negeri bersama-sama seluruh rakyat sebenarnya bukan tanggungjawab ini kepada kementerian semata-mata, tetapi pada seluruh rakyat Malaysia yang bertanggungjawab untuk melihat di kampung kita, di desa kita, di belakang rumah kita, jikalau ada sahaja penagih dadah ini, kita harus datang ke hadapan untuk memberikan khidmat bagi mengatasi masalah ini.

Yang pentingnya bagaimana kita boleh mencari puncanya penagih-penagih dadah ini sebenarnya telah mendapat *supply* dengan izin, daripada orang-orang yang membawa masuk dadah dari pintu-pintu masuk yang kita tahu. Dengan adanya itulah maka jumlah penagih dadah ini telah bertambah dari masa ke semasa dan sukar untuk dikawal jikalau kita terus menjalankan usaha seperti yang ada sekarang. Sebab itulah saya berpendapat bahawa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri haruslah

diberi peruntukan yang secukupnya bagi tujuan untuk mewujudkan suatu desa serenti atau bandar serenti yang lebih luas kalau dulu kita ada satu tempat di Pulau Jerjak di Pulau Pinang, barangkali pulau itu boleh difikirkan kerana ia lebih sesuai dikelilingi lautan dan sukar untuk mereka merentasi daratan.

Jadi, mungkin juga di daerah-daerah lain jikalau itu tidak sesuai ataupun tidak ada lagi, itu boleh difikirkan. Dilihat daripada peruntukan yang ada ini, sudah tentu tidak boleh menampung daripada penagihan dadah berterusan kalau dilihat daripada angka yang telah diberikan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri ini 4,000 yang terjebak dadah pada setiap bulan, bayangkan 20 tahun akan datang. Jikalau kita tidak membuat persediaan dari hari ini, maka tidak mungkin kita boleh mengawal dan membendung penagihan dadah yang akan datang dan kita harap perkara ini dapat kita sama-sama memikirkan bagaimana satu mekanisme untuk melakukan perkara ini.

Datuk Yaakob bin Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon laluan.

Datuk Jins Shamsudin: Silakan.

Datuk Yaakob bin Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, yang mana saya juga salah seorang yang menjadikan beliau idola saya, dalam filam Panca Delima, beliau pada waktu siang menjadi ular, malam menjadi manusia. *[Ketawa]*

Ada mesejnya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Yang Berhormat Datuk Jins sebutkan tadi tentang penagih dadah, daripada maklumat yang kita ada, sekarang ini melebihi 200 ribu yang telah pun terjebak dengan penagih dadah. Majoritinya 80% adalah generasi di bawah umur 30 tahun.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk, tentang pengedar yang penghisap satu hal, yang pengedar dadah ini, kerana ia melibatkan satu rangkaian seluruh dunia, apakah cara yang lebih baik daripada cara yang sedia ada untuk menangkap pengedar dadah.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan, suatu visi untuk menubuhkan apa yang dikatakan bandar serenti ataupun pulau serenti, mungkin masalahnya yang pertama, melibatkan kos yang amat tinggi, terlalu tinggi. Yang kedua, kita tahu pusat serenti daripada laporan media cetak dan media elektronik, pusat serenti telah menjadi yang terbukti adalah merupakan pusat juga penyebar HIV dan AIDS dan tidakkah apabila wujudnya *city* serenti atau bandar serenti ianya juga

akan menjadi suatu bandar penyebar HIV dan penyebar AIDS, minta penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Datuk Yaakob, jika kita merancang dari sekarang, tentunya kita boleh melakukannya dengan sebaik mungkin. Kalau kita tahu apa yang akan berlaku tentunya perkara ini tidak akan berlaku. Oleh kerana kita tidak tahu tidak semudah yang hendak kita laksanakan, jikalau kita tahu adanya sesuatu yang akan berlaku di dalam pusat-pusat serenti ini, maka itu kita harus membuat perancangan yang lebih rapi, diasingkan-asingkan di antara yang baru, yang lama dan yang baru menagih dan juga yang mempunyai kesan-kesan HIV dan sebagainya diasing-asingkan.

Maka itulah saya merasakan bahawa suatu kawasan yang memang perlu keluasanya secukupnya untuk dijadikan berpetak-petak barangkali, satu petak untuk satu tujuan, jadi ini boleh kita boleh kita kawal. Apabila kita ada hospital di dalamnya, kita ada masjid di dalamnya, kita ada tanah perkuburan di dalamnya, ada kilang di dalamnya, ada sekolah agama di dalamnya dan segala macam kemudahan ada di dalamnya, maka sedikit demi sedikit kita boleh memberikan *education* atau pendidikan kepada mereka ini dari masa ke semasa. Tentulah kita tidak boleh menghapuskan dalam sekelip masa tetapi kalau kita tidak cuba dari sekarang kita akan menghadapi penagihan dadah ini sehingga hari kiamat. Jadi oleh kerana itu kita harus bermula dari satu tempat, dari satu permulaan yang dapat kita bendung sedikit demi sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai keyakinan kalau kita semua yang ada di Malaysia ini 23 juta bertanggungjawab untuk membasmi penagihan dadah ini, saya yakin dan percaya setiap orang *tackle* atau *handle*, dengan izin, satu orang lain dan kita boleh selesai masalah ini.

Tetapi oleh kerana apa yang terjadi apabila kita melihat penagih dadah yang berada di kampung kita, kita selalunya menjauhkan diri, kita tidak mahu terlibat dengannya kerana kononnya kita tidak terlibat secara langsung, tetapi cuba kalau ditakdirkan saudara kita atau kawan kita atau anak kita yang terlibat maka tahulah kita bagaimana rasa malu dan tanggungjawab kita.

Oleh kerana itulah kita harus mengambil ini sebagai suatu usaha bersama *collective* kerana dengan adanya usaha bersama ini, usaha yang dapat kita bendung penagih dadah ini adalah suatu usaha setiap individu dan saya yakin dan percaya...

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Jins Shamsudin: Silakan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih, saya amat tertarik di atas ucapan Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin, saya pun masih ingat Datuk Jins bila saya di sekolah *discreen* panggung wayang sebagai Jeffry Zain di dalam tayangan gambar Gerak Kilat, kalau tidak salah saya, *James Bonds of Malaysia*. [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat juga adalah seorang peminat kepada Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin..

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Datuk Jins, tentang cadangan beliau untuk mewujudkan satu bandar penagih dadah atau desa penagih. Adakah cadangan Datuk ini dianggap sebagai satu *one way street* di mana mereka yang pergi ke bandar itu tidak ada peluang kembali ke masyarakat, apabila mereka sudah sembuh, sudah *recover* daripada tabiatnya, adakah mereka akan diberi peluang balik ke masyarakat duduk dengan keluarganya, ibu bapanya, jika tidak, ini nampaknya ini ada melanggar hak asasi manusia. Apa pandangan Yang Berhormat Datuk Jins.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat apabila mereka berada di sana, sebenarnya mereka akan kembali kepada keluarganya kerana di sana mereka akan berkeluarga, akhirnya mereka akan berkeluarga. Kita tahu selalunya apabila berada di satu pusat akan memakan masa yang lama. Hari ini pun kalau penagih dadah yang akan kembali kepada keluarga, ada di antara keluarga tidak mahu menerima mereka. Saya ada beberapa contoh di kampung saya sendiri, mereka datang untuk kembali kepada keluarganya, keluarganya agak malu dan tidak mahu menerima mereka di atas sebab-sebab yang tidak perlu kita perelaskan.

Jadi, oleh kerana itu mereka harus membina keluarganya sendiri apabila mereka berada di suatu desa ini yang terbuka, akhirnya mereka akan berkeluarga di sana, akan membina sebuah keluarganya sendiri dan akhirnya mereka akan menjadi satu keluarga baru yang akan bertemu barang kali akhirnya dengan keluarga asal mereka di kampung masing-masing, mungkin pada ketika itu keluarga asalnya pun sudah tidak ada lagi dan ini boleh dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat beberapa contoh yang berlaku di negara-negara lain yang saya pernah lawati dan di atas usaha ini akhirnya mereka dengan suka rela ingin kembali kepada pusat ataupun desa serenti ini kerana di sana sudah

mereka bina satu keluarga dan di sana sudah ada kawannya, sudah ada saudaranya, sudah ada keluarganya, mungkin mereka boleh berkahwin di antara mereka di sana dan membina satu keluarga baru yang pada ketika itu barangkali sudah tidak ada lagi penagihan dadah di dalamnya kerana kita telah menyekat segala-segala-galanya dalam masa 20 tahun saya anggar. Dalam masa 20 tahun tidak ada yang boleh masuk dan tidak ada yang boleh keluar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Bon You.

Datuk Jins Shamsudin: Silakan.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat Datuk Jins, yang begitu bernas dan luasnya pengetahuan ataupun pandangannya untuk memberikan bentuk pemulihan dan mengubati penagih dadah, tetapi saya ingin bertanya kepada Datuk, mengikut istilah pencegahan itu lebih baik daripada mengubati ataupun dengan izin, *prevention is better than cure*, apakah pandangan Datuk berkenaan dengan kita menyemai semangat ataupun kesedaran pada masyarakat kita sebelumnya seseorang penagih ini melibatkan diri dalam penagihan dadah. Terima kasih.

Datuk Jins Shamsudin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Maka itulah hari ini kerajaan telah pun mengadakan Khidmat Negara di antaranya adalah bertujuan untuk membendung mereka daripada terlibat dalam gejala-gejala yang kita tidak ingini, bukan sahaja gejala penagihan dadah, gejala sosial yang lain juga dapat dibendung dengan adanya mereka diberikan beberapa pengalaman baru daripada sekolah mereka telah dibawa untuk menyertai Latihan Khidmat Negara adalah sesuatu yang amat baik. Kita harus memberi pujian kepada kementerian yang terlibat di dalam usaha menjadikan anak-anak dan belia-belia kita ini sebagai pemuda dan pemudi harapan bangsa.

Saya fikir memanglah kalau kita pada peringkat awalnya memanglah baik kita bendung dengan cara yang demikian, tetapi apa yang berlaku kita sekarang berada di pertengahan jalan, kita berada di satu delima yang sudah pun terlibat dan sudah ada mereka ini lebih daripada 200 ribu yang telah dikesan dan ada lagi ramai yang tidak dikesan. Kalau umpamanya kita ada sebuah lombong, lombong yang tertinggal, kalau kita biarkan lombong ini tidak diawasi, tidak di pagar, maka ramai lagi yang akan mati dan jatuh ke dalam lombong ini. Apa yang perlu kita lakukan ialah kita pagar

dahulu lombong ini kemudian kita fikirkan bagaimana kita hendak menyekat dan mengatasi masalah yang akan datang.

Maka itulah sebagai contohnya saya sebutkan tadi, kalau kita dapat mengadakan satu bandar serenti kita pagar dahulu, jadi yang ada ini dapat kita bendung, yang baru dapat kita ubati. Jadi dengan cara yang demikian kita boleh mengatasinya dalam masa yang terdekat sekurang-kurangnya saya anggarkan 20 tahun, mungkin lebih awal dari itu. Tetapi kalau kita tidak bermula dari sekarang kita akan menghadapi masalah ini entah sampai bila.

Tentulah tadi kata Yang Berhormat Datuk Yaakob, satu perbelanjaan yang besar, ada baik kita belanja sekarang yang besar tetapi kita dapat atasinya daripada kita belanja sedikit demi sedikit kemudiannya masalah kita tidak selesai dan perbelanjaan itu akan terus meningkat dari masa ke semasa. Sebagai contoh kita sekarang ini bermula dari dua pusat serenti, kita ada 28 pun tidak selesai masalah mungkin akan ditambah kepada 50 pusat serenti dalam masa 10 atau 15 tahun yang akan datang berdasarkan kepada statistik yang kita ada ini. Jadi oleh kerana itu, kita haruslah memberi perhatian yang serius kepada penubuhan suatu pusat yang lebih besar dan kita bendungnya daripada terus berlaku. Sekian, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk, panjang lagi, ada lagi?

Datuk Jins Shamsudin: Sudah habis.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah habis. Okey, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa sudah cukup saya tangguhkan Dewan ini ke jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

2.32 ptg.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004 yang melibatkan perbelanjaan RM6,681,673,350 daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan. Dalam pembentangan

semalam pihak kementerian telah menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini, bahawa perbelanjaan mengurus telah meningkat 7% daripada peruntukan yang asal. Jadi kita tidak nafikan keperluan pengurusan yang semakin meningkat dalam negara kita tambahan pula dengan bertambahnya saiz Kabinet pentadbiran negara kita.

Namun apa yang kita harapkan di dalam pengurusan kewangan ini ialah supaya kerajaan mengamalkan konsep berjimat-cermat dalam pentadbiran negara agar wang negara yang mana kita semua tahu wang negara adalah wang rakyat yang diberi amanah kepada pemerintah dan ia bukan sahaja bertanggungjawab di dunia tetapi pemerintah bertanggungjawab juga di hadapan Allah sebagaimana firman Allah dengan izin, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

“Barang siapa yang melakukan kebaikan walaupun sebesar zarah akan dihitung, dihisab oleh Allah begitu juga sesiapa juga yang melakukan keburukan dan kejahatan walaupun kecil sebesar zarah akan dihitung dan dihisab oleh Allah S.W.T.”

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh T.12 - Perbendaharaan yang melibatkan tambahan sebanyak RM86.3 juta untuk menampung perbelanjaan penyelenggaraan jalan-jalan raya di negeri-negeri dan untuk pemberian kiraan kepala kepada negeri-negeri.

Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan khususnya yang telah memberi peruntukan kepada negeri-negeri terutama kepada negeri Kelantan. Cuma saya mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan mengkaji balik dasar pemberian perkiraan kepala kepada negeri-negeri yang kurang maju kerana kita melihat negeri-negeri yang kurang maju mempunyai penduduk yang kurang berbanding dengan negeri-negeri yang maju. Apabila negeri mempunyai bilangan penduduk yang kurang bermakna pemberian kiraan kepalanya lebih sedikit berbanding dengan negeri-negeri yang maju. Maka sudah tentulah peruntukan yang kecil ini tidak mampu membolehkan negeri-negeri yang kurang maju ini mampu bersaing terutama dari segi pembangunan ekonomi.

Jadi saya mencadangkan agar kerajaan mengkaji balik dasar pemberian ini supaya kalau boleh digandakan, bagi negeri-negeri yang kurang maju terutama di sebelah Pantai Timur diberi peruntukan sekurang-kurangnya dua kali ganda berbanding negeri-negeri yang maju seperti yang ada di Pantai Barat demi keseimbangan ekonomi penduduk rakyat seluruhnya, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, semalam kita ada banyak bercakap berkenaan dengan soal *The Rule of Law*. Sebenarnya pemberian-pemberian Yang Berhormat sebutkan adalah pemberian di bawah undang-undang bukan semata-mata mengikut budi bicara. Maka inilah satu contoh bagaimana *The Rule of Law* di tegakkan, tidak kira siapa yang memerintah negeri kerana undang-undang menghendaki wang itu diberi akan diberi. Ini satu contoh terbaik bahawa *The Rule of Law* subur di tanah air kita. Sila teruskan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua, cuma saya mengambil kira dari segi keseimbangan pembangunan ekonomi yang nampak agak ketara jurang perbezaan antara negeri-negeri di sebelah Pantai Timur dengan negeri-negeri di sebelah Pantai Barat. Mungkin undang-undang ini kita telah buat dalam 40 tahun yang lalu mungkin perlu kepada suatu perubahan sebab perkembangan yang begitu pesat di negeri-negeri sebelah barat yang memerlukan suatu insentif dibuat oleh pihak kerajaan supaya dari segi pertumbuhan ekonomi di sebelah timur juga perlu diseimbangkan. Itu sahaja sebagai pandangan saya supaya sama-sama kita mempertimbangkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua iaitu tentang peruntukan penyelenggaraan jalan-jalan di negeri-negeri. Kita lihat hari ini bagaimana di antara masalah yang ada lagi di negeri-negeri iaitu peruntukan jalan raya yang mungkin tidak mencukupi untuk menyediakan infrastruktur yang baik untuk rakyat memandangkan peruntukan itu amat terhad. Jadi perkara ini perlu dipertimbangkan supaya ia memberi kemudahan terutama bagi rakyat di luar bandar. Mungkin perkara ini akan dipertimbangkan dalam peruntukan yang akan datang, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan pemberian hutang oleh Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri-negeri. Kita lihat hari ini di antara beban yang ditanggung oleh kerajaan negeri ialah apabila hutang yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan dikenakan *interest* kepada kerajaan negeri yang meminjam. Jadi adakah Kerajaan Persekutuan sebagai bapa kepada kerajaan negeri-negeri ibarat bapa yang sepatutnya mengambil berat tentang permasalahan di negeri-negeri supaya mengkaji balik.

Saya ambil satu contoh di Kelantan, sebelum PAS mengambil alih pentadbiran Negeri Kelantan, hutang yang ditinggalkan masa zaman pemerintahan UMNO dahulu lebih kurang RM760 juta. Kerajaan Negeri Kelantan telah membayar balik hutang itu

lebih kurang RM00 juta lebih. Saya tidak ingat berapa. Jadi apa yang membuatkan kita tidak berapa senang hati ialah sekarang hutang itu telah meningkat balik, bukan kerana kita tambah hutang tetapi kerana *interest*.

Jadi, perkara ini saya kira adalah satu perkara yang menindas dan setara dengan suasana kerajaan negara kita yang hendak melaksanakan Islam Hadhari dalam pentadbiran negara sudah sampai masanya kita mengkaji balik perkara-perkara yang boleh menjejaskan dari segi kemampuan negeri-negeri yang kurang maju dan perkara ini jelas memang bercanggah dari segi Islam itu sendiri. Jadi mungkin perkara ini boleh diambil perhatian oleh pimpinan kita supaya benar-benar terlaksana pentadbiran secara Islam ini di dalam mentadbir negara kita secara adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.04 - Suruhanjaya Pilihan Raya yang mana kita lihat di dalam peruntukan ini kerajaan telah memperuntukkan RM100 juta untuk pembiayaan Pilihan Raya Umum yang ke sebelas dan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sabah ke sepuluh baru-baru ini. Apa yang kita hendak mempersoalkan di sini ialah kenapa setiap kali berlaku Pilihan Raya Umum jumlah dari segi kos pengendaliannya semakin meningkat.

Tidak adakah satu-satu usaha yang diusahakan oleh pihak kerajaan untuk mengurangkan kos pengendalian pilihan raya. Tambahan pula kita melihat bagaimana ramai daripada Ahli-ahli dalam Dewan ini telah membangkitkan ketidakpuasan hati daripada pelbagai pihak apabila dalam Pilihan Raya Umum yang ke sebelas mempamerkan terlalu banyak kelemahan. Walaupun kita lihat kelemahan itu mungkin kita rasa ini sebagai suatu pengajaran tetapi ia melibatkan dana rakyat dan wang rakyat yang begitu banyak.

Jadi adakah di masa akan datang kerajaan membuat satu dasar ataupun satu ketetapan supaya amaun terhadap penggunaan untuk Pilihan Raya Umum ini dapat dikurangkan supaya perkara ini tidak membebankan negara. Saya juga ingin penjelasan berapakah kos sebenar yang telah ditanggung oleh kerajaan dari segi keseluruhannya dalam Pilihan Raya Umum Yang Kesebelas yang lalu. Saya harap perkara ini dapat diberi penjelasan yang sejelas-jelasnya dalam Dewan ini, dalam pengumuman nati oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga saya ingin menyentuh Maksud B.08 - Jabatan Perkhidmatan Awam yang mana kita mendapat tambahan sebanyak RM156.7 juta untuk menampung kos tajaan pelajar-pelajar Jabatan Perkhidmatan Awam dalam dan

luar negeri. Apa yang saya hendak mempersoalkan di sini ialah dari segi kita lihat banyak sumber-sumber dana yang memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar kita di antaranya PTPTN yang telah memberi pinjaman dana kepada pelajar-pelajar dalam negeri.

Apa yang kita ingin penjelasan ialah dari manakah sumber dana ini didapati sebab kita dengar kenyataan daripada Pengurus Besar PTPTN baru-baru ini menyatakan bahawa di antara sumbernya adalah daripada simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Jadi persoalannya kenapa dana ini diambil daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, yang mana dikenakan pula *interest* kepada pelajar-pelajar yang menyimpan, bukankah ini satu bebanan kepada pelajar itu sendiri. Kenapa kerajaan tidak mengadakan satu dana khusus untuk PTPTN supaya ia memberi kemudahan sebab kita lihat pelajaran ini adalah suatu aset yang amat penting bagi rakyat negara kita.

Jadi kenapa kita boleh memberikan peruntukan kepada dana-dana yang lain, kenapa untuk dana PTPTN ini kita harus mengambil daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Saya ingin penjelasan yang sejelas-jelasnya dari pihak kerajaan dan kenapa dikenakan bayaran faedah. Kalau boleh perkara ini tidak sepatutnya kita mengenakan bayaran faedah kepada pelajar-pelajar sebab anak-anak kita ini apabila keluar daripada pusat pengajian, ramai yang masih menganggur, yang tidak dapat pekerjaan sedangkan sudah menjadi tanggungjawab pemerintah untuk memberi ilmu kepada rakyat. Jadi sebab itulah maknanya di dalam soal pengajian ini saya kira perkara ini perlu diberi perhatian dan kalau boleh jangan dikenakan sebarang faedah kepada pinjaman pelajar terhadap dana-dana tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh Maksud B.09 - Badan Pencegah Rasuah. Di mana kita dapati tambahan sebanyak RM735,000 adalah untuk menampung perbelanjaan bagi melaksanakan Program Integriti Nasional (PIN) dan penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM). Kita lihat masalah rasuah ini adalah satu perkara yang sangat besar, ia menjadi musuh nombor satu negara. Sekiranya masalah rasuah ini kita tidak bendung, ia akan menghancurkan negara kita.

Jadi saya mengucapkan syabas kepada kerajaan hari ini yang nampaknya bersungguh-sungguh untuk menghapuskan rasuah dalam negara. Cuma apa yang kami harapkan ialah perkara ini dilakukan secara serius bukan sahaja melibatkan orang bawahan tetapi melibatkan semua pihak. Jangan ada pihak yang kebal dalam

isu rasuah ini. Maksudnya jangan ada satu pihak yang diambil tindakan tetapi yang satu lagi memang terang melakukan rasuah tetapi kerana kedudukan yang tinggi dalam kerajaan kita tidak mengambil tindakan terhadap beliau. Ini saya kira satu perkara yang tidak telus.

Jadi saya harap dengan peruntukan menggunakan wang rakyat, wang negara yang begini banyak, Badan Pencegah Rasuah dapat memainkan peranan yang bebas dan *professional* dan supaya perkara ini benar-benar memberi keadilan kepada semua pihak.

Apabila kita menyebut persoalan rasuah, saya tertarik dalam akhbar semalam apabila ada cabaran yang dibuat oleh Naib Ketua Pemuda UMNO yang memberi kata dua kepada Menteri Besar Negeri Kelantan supaya menarik balik kenyataan beliau bahawa ada penggunaan wang dalam Pilihan Raya Umum yang lalu ataupun menghadapi tindakan undang-undang. Saya dalam Dewan yang mulia ini, mencabarlah kalau perkara ini berlaku sila bawa ke mahkamah. Kami terlalu banyak bukti. Di Kelantan kita boleh berapa banyak bukti ratusan ribuan bukti, rakyat dan saya yakin insya-Allah, sekiranya isu ini dibawa ke mahkamah kita akan bawa ramai rakyat yang akan menjadi saksi memang politik wang berlaku dalam Pilihan Raya Umum yang lalu. Saya sendiri kalau hendak bentang di sini memang banyak sangat bukti yang memang melibatkan kewangan yang diberikan oleh calon, yang diberi oleh pemimpin memang banyak.

Jadi, ini maksudnya kalau perkara ini mencabar Menteri Besar Kelantan, saya mencabar juga beliau supaya bawa perkara ini ke mahkamah dan insya-Allah kita akan bawa rakyat sebagai saksi supaya kita hendak melihat perkara ini sebenar-benarnya memang berlaku politik wang ini dalam pilihan raya dan kita lihat bukan masalah dalam pilihan raya sahaja, malah dalam pemilihan Majlis Tertinggi UMNO pun berlaku politik wang, bukan itu sahaja dalam pemilihan bahagian dan cawangan, kita tahu, kita berada di bawah, kita tahu semua, kita tahu nilai hendak jadi ketua cawangan, berapa hendak bayar, hendak jadi....

Tuan Ismail bin Kasim: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat atas laluan yang diberikan kepada saya. Cuma saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Puan Siti berhubung dengan soal dalaman

UMNO. Yang Berhormat Puan Siti cuma baca benda-benda ini di akhbar, sebab Yang Berhormat bukan ahli UMNO tetapi ahli PAS, jadi soal tuduhan tanpa berdasarkan pada *actual* ataupun bukti yang sebenarnya, saya rasa kurang tepat. Kalau Yang Berhormat hendak membangkitkan persoalan UMNO dalam perkara ini, sebab benda ini tidak ada yang dibuktikan lagi, cuma yang ada telah dijatuhkan hukuman oleh Lembaga Disiplin UMNO, yang ada, tetapi jangan kata kerana satu atau dua kes, benda ini berlaku kepada banyak parti bukan UMNO sahaja pun, tetapi sebab kita telus. Kita telus memerangi gejala ini. Sebaik sahaja Yang Amat Berhormat Pak Lah mengambil alih sebagai Perdana Menteri Malaysia, maka daripada awal tadi Yang Berhormat katakan tadi, apabila menimbulkan soal ketelusan, ada pimpinan atasan yang tidak diambil tindakan kononnya terlibat dalam rasuah. Saya rasa ini tidak tepat sebab ada di kalangan pimpinan atasan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan di kalangan Menteri yang masih dalam siasatan. Kalau terbukti bersalah, Pak Lah tidak ada masalah untuk melindungi individu berkenaan, kalau mereka terlibat dalam gejala ini. Bermakna sekarang ketelusan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah tepat dan memang mengikut landasan seperti mana yang diikrar oleh Yang Amat Berhormat sebaik sahaja mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri. Saya pohon penjelasan Yang Berhormat.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya sebenarnya bersetuju dengan usaha yang dibuat oleh Perdana Menteri kita yang baru untuk memerangi rasuah dan apa yang saya bentangkan tadi bukan daripada bacaan akhbar, ini adalah penelitian saya sendiri dan mendapat maklumat daripada mulut orang yang menerima wang itu sendiri bukan daripada akhbar. Kalau Yang Berhormat hendak penjelasan kita boleh berbincang di luar, mungkin ini akan melibatkan maruah orang. Ini adalah kenyataan dan saya bercakap atas nama Allah, saya bukan berbohong di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh juga berkenaan dengan Maksud B.15 - Kementerian Luar Negeri yang mana melibatkan tambahan sebanyak RM3.8 juta untuk membiayai sumbangan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Sudan dalam Mesyuarat Menteri Luar Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC). Saya ingin penjelasan, selain daripada negara Malaysia, negara manakah lagi yang telah memberi sumbangan dalam usaha untuk menjayakan kerja-kerja program yang dilaksanakan oleh Pertubuhan OIC ini dan setakat ini sejauh manakah kerjasama yang

telah diberi oleh negara-negara anggota OIC dalam menangani isu keganasan kepada umat Islam dan saya ingin penjelasan daripada pihak Kerajaan Malaysia sebagai Pengerusi OIC, sejauh manakah usaha yang kita telah buat hari ini untuk memberi penjelasan kepada Barat bahawa Islam adalah bukan agama penganas. Jadi, saya harap perkara ini dapat dimainkan dengan sebaik-baiknya, peluang yang ada kepada kita supaya umat Islam tidak lagi menjadi pelarian, umat Islam bukan lagi menjadi umat yang seolah-olah menjadi makanan yang rakus bagi orang-orang yang memusuhi Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berkenaan dengan Maksud P.41 - Kementerian Pelajaran yang melibatkan pertambahan RM400 juta untuk membiayai pelbagai program termasuk dari segi intensif kepada guru-guru dalam pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bagi pendidikan rendah dan menengah. Kita mengalu-alukan segala usaha yang dibuat oleh pihak kerajaan demi kepentingan rakyat di masa yang akan datang. Cuma saya ingin penjelasan, kenapa kalau kita boleh memberi pelbagai insentif kepada guru-guru dalam pengajian subjek Sains dan Matematik supaya ia memberi kesan yang lebih positif kepada pelajar-pelajar, kenapa kita tidak boleh mengkaji balik dasar yang telah dibuat oleh kerajaan iaitu menarik peruntukan daripada Sekolah Agama Rakyat.

Saya mendapat makluman daripada beberapa guru yang menyatakan bagaimana ada di antara mereka dua hingga tiga dan empat bulan sudah tidak menerima sebarang gaji. Mereka yang mengajar di Sekolah Agama yang tidak mendapat gaji kerana tidak ada wang, tidak ada peruntukan, kerana peruntukan per kapita untuk Sekolah Agama telah ditarik oleh kerajaan. Sepatutnya dalam usaha kita untuk menerapkan nilai-nilai yang baik kepada rakyat, dalam usaha kita menangani masalah sosial yang begitu kronik sekarang ini sepatutnya persoalan ini kita mengambil berat. Di antara cara untuk kita menyelesaikan masalah sosial ini ialah memberi kefahaman yang sebenar kepada remaja-remaja ini tentang tanggungjawab terhadap Allah, tanggungjawab terhadap Islam, agama itu sendiri terutama bagi pelajar Islam.

Saya tidak nampak kenapa kerajaan tidak memberi peruntukan kepada Sekolah Agama sedangkan peruntukan untuk Sekolah Tamil dan untuk Sekolah Cina tidak ditarik, tetapi untuk Sekolah Agama Rakyat kenapa ditarik? Saya dimaklumkan bagaimana untuk tahun ini calon pelajar-pelajar yang mengikuti Peperiksaan Sijil

Tinggi Agama Malaysia (STAM) semakin berkurangan, sebab pelajar-pelajar yang mengambil sijil agama ini adalah daripada Sekolah-Sekolah Agama Rakyat. Apabila Sekolah Agama Rakyat semakin berkurang, memang sudah banyak sangat yang ditutup maknanya semakin kurang pelajar-pelajar yang menduduki Sijil Tinggi Agama Malaysia ini. Jadi, ke mana hala tuju pendidikan Islam di negara kita hari ini?

Saya menganggap dengan usaha kerajaan untuk melaksanakan Islam Hadhari dan macam-macam tetapi kenapa dalam persoalan Sekolah Agama Rakyat ini kenapa dipinggirkan? Saya ingin penjelasan yang sebenar-benarnya sebab macam-macam tuduhan yang diberi kepada Sekolah Agama Rakyat, setakat ini tidak ada satu bukti pun yang benar. Saya harap perkara ini diberi perhatian serius oleh kerajaan dan janganlah kerana kita marahkan nyamuk seekor kelambu dibakar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang maksud B.42 - Kementerian Kesihatan yang melibatkan tambahan sebanyak RM671.8 juta dalam perbelanjaan di antaranya ialah RM25 juta untuk membiayai dana khas penyakit kronik. Kita amat bersimpati memang ramai daripada rakyat negara kita yang kurang bernasib baik, yang menghadapi penyakit-penyakit yang bukan kehendak mereka. Tetapi yang paling sedih ialah dalam usaha mendapatkan dana-dana dalam mengubati penyakit-penyakit yang kronik ini menghadapi macam-macam masalah. Kita melihat di dada-dada akhbar, banyak yang memohon sumbangan derma dan ada yang mendapat sumbangan daripada dalam dan luar negara tetapi dalam persoalan ini saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian seramai manakah setakat ini yang telah mendapat manfaat daripada penubuhan dana ini dan apakah syarat yang telah ditentukan dan apakah usaha kerajaan untuk mengurangkan kos dari segi perubatan terutama bagi golongan yang kurang mampu dalam menghadapi penyakit kronik ini supaya dia bukan sahaja boleh menyelamatkan nyawa, tetapi dari segi memberi kemudahan terutama kepada golongan miskin dan kurang bernasib baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga penjelasan berkenaan dengan Maksud B.50 - Kementerian Pertahanan yang mana tambahan sebanyak RM250 juta untuk membiayai kos program Latihan Khidmat Negara. Setakat ini kita lihat bagaimana telah ramai pelatih-pelatih yang telah menjalani program Latihan Khidmat Negara. Cuma saya mendapati ramai ibu bapa yang masih lagi merasa bimbang untuk menghantar anak-anak mereka ke dalam program Latihan Khidmat Negara disebabkan kerana berlaku beberapa perkara yang memang kurang baik, yang kita

tahu, berbagai-bagai perkara yang kurang baik berlaku di pusat-pusat Latihan Khidmat Negara. Dalam persoalan ini apakah usaha yang dibuat oleh pihak kementerian supaya memastikan perkara-perkara yang negatif, yang telah berlaku dalam sesi yang pertama dahulu supaya perkara ini memberi keyakinan kepada ibu bapa terutama dari segi pelatih-pelatih wanita supaya tidak ada rasa tidak yakin untuk menghantar anak-anak mereka mengikuti program Latihan Khidmat Negara. Begitu juga saya ingin penjelasan dari segi modul program Latihan Khidmat Negara. Di dalam Dewan yang mulia ini, sebelum ini saya pernah mencadangkan supaya dimasukkan modul Agama dalam program Latihan Khidmat Negara, tetapi saya telah mendapat jawapan dalam sesi yang lepas daripada pihak kementerian bahawa pihak kerajaan setakat ini masih belum bercadang untuk memasukkan modul khas agama dalam program Latihan Khidmat Negara. Mungkin pandangan kementerian bahawa perkara ini sudah mencukupi tetapi perkara ini amat penting terutama bagi remaja-remaja kita, terutama dari segi disiplin, ibadah di mana ramai yang masih di rumah, yang tidak pernah meninggalkan sembahyang, ada di kalangan pelatih, ini pengalaman, tidak sempat hendak sembahyang subuh sebab bila bangun pagi, mungkin terlewat bangun, dah terpaksa berkejar untuk kawad dan sebagainya di mana terpaksa mereka meninggalkan sembahyang dan perkara ini adalah satu perkara yang besar untuk kita memastikan anak-anak kita ...

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Puan Siti Zailah. Saya pun tertarik tentang modul Agama di kem-kem Latihan Khidmat Negara. Adakah cadangan Yang Berhormat supaya semua agama diajar di kem-kem Latihan Khidmat Negara termasuk Budhist, Kristian, Hindu dan sebagainya dengan Islam juga.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju, saya bercadang semua agama dimasukkan dalam modul program Latihan Khidmat Negara mengikut agama yang dianuti oleh pelatih-pelatih yang mengikuti program Latihan Khidmat Negara, sebab perkara ini amat penting. Dalam kita mendisiplinkan anak-anak dan pelajar ini, bukan masalah disiplin luaran sahaja tetapi yang penting hati sebab hati inilah yang akan menjadi raja, yang akan menjadi penunjuk apa perkara yang akan dilakukan. Sekiranya hati ini tidak dididik dengan disiplin takut kepada Tuhan, maka undang-undang tidak dapat mengawal manusia. Sebab itulah kita lihat hari ini masalah yang berlaku dalam negara kita penjara sudah

melimpah, kapasiti yang perlu ditampung itu melebihi daripada banduan yang ada dalam penjara. Ini menunjukkan bahawa undang-undang sahaja tidak mampu mengawal manusia, kalau manusia tidak dikawal dari dalam dirinya melalui pegangan agama mengikut bangsa ataupun mengikut pegangan masing-masing. Saya kira perkara ini amat baik dan saya mencadangkan dengan wang yang begini banyak RM250 juta ini cukup banyak.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apakah dalam masa tiga bulan kita dapat meningkatkan kerohanian seseorang insan itu sedangkan sepanjang hayatnya dia tidak dapat suatu tahap yang dikehendaki?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin insya-Allah, kalau kita lakukan, dia akan memberi kesan. Kalau dalam masa tiga bulan, kita boleh melatih dia daripada yang kurang berdisiplin kepada berdisiplin melalui latihan fizikal, kenapa dari segi kerohanian dia kita tidak mampu. Kita boleh mendidik dia dengan kesedaran, dengan keinsafan yang ada, dia boleh berubah.

Saya yakin insya-Allah walaupun tiga bulan masa yang diberi tetapi sebab kita ada peringkat, ada fasa dia, insya-Allah diteruskan dengan pendidikan dalam keluarga saya yakin anak-anak yang nakal, anak-anak yang liar, pelajar-pelajar yang mungkin sebelum ini yang meninggalkan solat ataupun yang kurang taat kepada ibu bapa, guru dia akan berasa tanggungjawab sebab diri dia diberi kesedaran tentang dosa dan pahala bagaimana akibat sekiranya dia meninggalkan sembahyang. Bagaimana akibat sekiranya dia menderhakai ibu bapa dan perkara ini perlu diterapkan, bukan sahaja dari segi takut kepada undang-undang semata-mata Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ismail bin Kasim: Pohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi laluan kepada saya.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Perlis kita ada dua kem termasuk satu yang terbaru yang akan menerima kemasukan pelajar insya-Allah pada 13 Disember nanti bagi seluruh negara termasuk di Perlis. Tetapi dasar kita di negeri Perlis, apabila kita menerima anak-anak ini yang masuk ke kem yang dahulunya program ini dilaksanakan sebulan di dalam kem kemudian dua bulan lagi di IPTA ataupun IPTS, tetapi disebabkan kerosakan-kerosakan yang begitu teruk yang dilakukan oleh pelatih-

pelatih ini di IPTA, maka pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara dan khususnya Kementerian Pertahanan telah mengubah surat semua modul latihan ini dijalankan sepenuhnya di kem-kem yang telah ditetapkan. Ini saya hendak maklumkan latar belakang lebih kurang kenapa pertukaran ini berlaku.

Sebab itulah semua *camp operator* telah diarahkan membuat bangunan kekal termasuk bangunan yang lebih selesa bagi keseluruhan modul ini dijalankan di kem-kem seperti mana yang telah saya sebutkan di awal tadi.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat Puan Siti Zailah, pada saya walaupun benda itu tidak diberitahu secara spesifik oleh pihak Menteri ataupun Menteri yang menjawab soalan yang dikemukakan oleh Puan Siti Zailah dahulu, tetapi pada saya pada pukul 4.00 pagi seminggu sekali diadakan dan pada tiap-tiap hari diwajibkan yang lelakinya berjemaah, mengikuti kuliah subuh kecuali yang malas kerana Puan Siti Zailah sedia maklum pelajar-pelajar kita ini dari yang beragama Islam dan bukan beragama Islam, mereka datang dari latar belakang yang berbagai-bagai.

Di sini bukan saya hendak beritahu semua negeri sama. Saya tidak spesifik sama orang Perlis, orang Pulau Pinang, orang Kelantan, orang Terengganu atau orang-orang manakah anak-anak ini, mereka datang dari latar belakang yang berbagai-bagai dan sesetengah daripada mereka adalah ketua-ketua *gangster* yang sudah lama bertapak di peringkat persekolahan lagi. Ada di antara mereka apabila kita membuat pendaftaran awal yang saya sendiri sentiasa mengambil berat perkembangan adik-adik dan anak-anak ini, setiap kali kita membuat *checking* ataupun pemeriksaan ke atas anak-anak kita ini, pelatih-pelatih ini, kita dapat daripada 20 pelatih ada salah seorang yang ada buat benda-benda yang tidak betul, misalnya membawa senjata tajam, membawa ubat, membawa rokok, ganja, dadah dan sebagainya.

Pelajar perempuan ini lain pula, dia biasa tawar kepada jurulatih-jurulatih ini diri mereka untuk ditukar dengan sebatang rokok. Ini bermakna mempunyai latar belakang yang pelbagai. Macam Tuan Yang di-Pertua maklumkan tadi, adalah sukar dalam masa tiga bulan dengan kita hendak melaksanakan keseluruhan modul ini dalam jangka masa yang begitu ketat. Sebab itu, berlaku kalau hendak kawal, sebab pada tahun ini, pihak Jabatan Latihan Khidmat Negara cuba menukar, kita tidak bagi *surveillance* menjadi ketua kem. Kita tukar kepada *army*, ia *must be army* yang

berpangkat *major* di seluruh negara dan mereka yang akan mengendalikan urusan perjalanan Latihan Khidmat Negara itu sepenuhnya, pi gerak berpuluh kali pun, sebab pada masa dahulu dalam akta, kita tidak membenarkan penggunaan pendekatan secara kekerasan. Kita cakap lebih sedikit, dia akan SMS dekat emak dia. Emak dia akan bagi tahu dekat *Lawyer*. *Lawyer* akan terus telefon kepada ketua kem mengatakan: "Oh, anak saya jangan disentuh." Jadi, sebab kelonggaran-kelonggaran ini, di peringkat awal kita sudah bahaskan di Dewan yang mulia ini, ketika kita hendak meluluskan akta ini, semua Ahli Yang Berhormat yang membahaskan akta ini.

Pada masa itu kita sudah kata dah, bahawa kalau kita benarkan semua ini dengan pendekatan yang terlampau diplomasi yang kita gunakan dalam latihan, kita lihat kesannya tidak seberapa dan saya setengah menyokong dan setengah saya hendak memberi penjelasan kepada Yang Berhormat Puan Siti bahawa program ini dalam peringkat kita membuat kajian ini walaupun peruntukan begitu besar tetapi dari segi kesannya memang ada, tetapi dari segi hendak menguruskannya Allah S.W.T. yang tahu betapa susahnyanya macam-macam.

Yang perempuan, lagu perempuan, ada yang mai, yang dah termengandung pun dah ada dah, yang mai, yang masuk kem itu, menunggu masa untuk melahirkan anak kerana di luar dari berbagai-bagai negeri. Di sini bukan saya hendak timbulkan sentimen kenegerian. Negeri mana pun sama sahaja. Saya hendak cerita bagaimana benda ini berlaku. Sebab itu kalau Puan Siti hendak tanya saya, saya boleh cerita di luar Dewan nanti bukti yang mana saya terlibat secara langsung semasa saya mengendalikan dua kem yang diarahkan oleh kerajaan negeri, mewakili kerajaan negeri iaitu di Kem Wang Kelian kalau ada adik-adik dan juga di Kem Timah Tasoh di mana kami bagi pihak kerajaan negeri tiap-tiap minggu kami pi hantar *kentucky fried chicken*, *pizza* kepada pelatih-pelatih hendak berdamping, hendak bagi depa kenal, kita hantar guru agama daripada Jabatan Agama Islam untuk menolong menyelaraskan terutama pada masa Kuliah Subuh dan sebagainya.

Begitu juga dengan agama-agama lain sebagaimana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. S. Vijayarajam tadi, setiap minggu bagi yang beragama Hindu, mereka boleh pergi ke kuil-kuil, mereka boleh pergi ke gereja, perkhidmatan pengangkutan disediakan tetapi mereka tidak pergi ke gereja. Mereka tidak pergi ke kuil atau ke rumah ibadat masing-masing. Mereka berhenti di bandar, dia beli benda-benda yang lebih menyeronokkan, ia pergi sekejap sahaja, masuk tanda kata pergi,

ada yang pergi dan ada yang tidak pergi langsung. Inilah taktik anak-anak remaja, mereka kaya dengan pelbagai perancangan dan mereka boleh buat macam-macam yang kita sendiri tidak dapat menduganya, dan kita memang penatlah hendak menyelesaikan masalah ini.

Tetapi walau bagaimanapun, sebab benda ini banyak membawa kebaikan kepada diri mereka dan kita lihat kesan positif terserlah, kita membina mereka sebagai warganegara yang bertanggungjawab. Cuma tadi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Puan Siti apabila beliau mengatakan pengisian kerohanian tetapi tiga bulan bukan masa yang cukup baik dengan tiga *batch*, dengan memilih secara *random*, dengan izin pakai komputer pilih kata sebagai contoh, S. Vijayaratnam ambil, pakai macam itu sahaja, kita tidak tahu latar belakang, tetapi yang datang macam-macam, ada *tattoo* dan saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat, ada pelatih-pelatih wanita yang ada bertindik di sana sini yang saya tidak mahu bagi tahulah.

Bukan setakat di pusat, tetapi di tempat-tempat lain pun ada yang kadang-kadang kita sendiri tidak pernah terfikir dalam akal dan benak fikiran kita bahawa perkara-perkara ini sebenarnya terjadi di kalangan anak-anak remaja, tanggungjawab, *quality and responsibility* di antara kita itu adalah terpenting.

Tuan Yang di-Pertua: Macam mana Yang Berhormat tahu ada di tempat-tempat lain? [*Ketawa*]

Tuan Ismail bin Kasim: Saya, sebab jurulatih perempuan cerita Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak pergi tengoklah. Jurulatih perempuan cerita sebab jurulatih perempuan ini dia berdamping dengan adik-adik ini dan dia cerita dekat saya dan saya cerita dekat Dewan yang mulia ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya hendak mengucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Ismail Kasim telah menjelaskan masalah-masalah yang begitu rumit berlaku dalam Program Latihan Khidmat Negara. Jadi, kalau kita lihat dengan pendedahan yang telah diberi kepada kita ini, memang kita lihat, kalau sekadar disiplin yang kita terapkan dengan modul yang ada hari ini, tidak mampu memberi perubahan kepada pelajar itu sendiri.

Walaupun dalam masa tiga bulan sekiranya modul agama, modul tentang kerohanian ini kita terapkan dan maksud saya di sini bukan maksud kita terapkan mesti sembahyang, tidaklah begitu, tetapi maknanya mesti kita ada satu berhikmah. Kita

beri penjelasan pada peringkat awal, siapa diri dia, apa tujuan dia dilahirkan ke muka dunia, ke mana hala tuju hidupnya, secara yang baik supaya anak-anak ini tidak terawang-awang seperti layang-layang yang putus tali, supaya dia tahu hala tuju hidupnya ke mana. Sebab kita sangat sayang sebagaimana doa kita setiap kali kita sembahyang, kita berdoa kepada Allah S.W.T. dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Ini doa setiap ibu bapa supaya Allah S.W.T. memberi hidup kita pasangan dan zuriat yang menyejukkan mata hati.

Macam mana kita hendak melihat generasi anak-anak yang akan datang menjadi penyejuk hati, kalau bertindik di sana sini, kalau dah tatoo di sana sini, macam mana? Jadi perkara ini, saya kira kalau

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, izinkan saya minta laluan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Maksud kesangsian di sini adalah berasaskan kalau sudah melalui enam tahun pendidikan di rumah dan Tabika campur 12 tahun pendidikan di sekolah, ia sudah merupa macam itu, masakan tiga bulan kita hendak ajar dia sedikit sebanyak agama dia hendak boleh berubah. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sinilah saya rasa, inilah gagalnya sistem pendidikan negara kita. Ini saya rasa mungkin perubahan dalam sistem pendidikan itu sendiri. Kenapa? Kalau kita sudah

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi peruntukan ini adalah untuk Program Latihan Khidmat Negara.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kita menilai balik dalam Dasar Pendidikan Negara kita selama 18 tahun, ya maknanya lebih kurang 12 tahun anak kita dididik di sekolah rendah dan menengah, macam mana dia tidak boleh melahirkan satu insan yang mengenal diri, yang mengenal Tuhannya, yang mengenal kebenaran?

Jadi, kalau di sekolah dalam masa 12 tahun kita mampu memberi pendidikan, memanglah mustahil kita dapat mendidik dalam masa tiga bulan. Tetapi apa yang saya hendak buka minda kita di sini ialah, di sinilah kita perlu kepada perubahan, perubahan di dalam menilai balik kemanakah hala tuju pendidikan negara kita. Sebab itulah saya sentuh tadi kenapa pendidikan agama rakyat diketepikan.

Sedangkan kalau kita lihat dari segi gejala sosial yang menyumbang kepada permasalahan dalam negara kita, daripada sekolah kerajaan bukan daripada sekolah agama rakyat. Kebanyakan pelajar-pelajar daripada sekolah menengah biasa. Tetapi yang dididik daripada sekolah yang kurang kualiti, dikatakan yang tidak *standard* dan sebagainya daripada sekolah agama rakyat, maknanya peratusnya amat kecil yang terlibat dalam masalah sosial.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dahulu sekolah di mana?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya sekolah dua-dua. Sekolah biasa pun saya belajar, di sekolah ini pun saya belajar.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya sekolah biasa pun melahirkan orang yang baik macam Yang Berhormat?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Saya belajar dua-dua.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Ada yang minta laluan? Okey, jadi, itulah saya mengemukakan kepada Dewan untuk sama-sama kita menilai sebab apa yang kita perjuangkan ialah untuk demi masa depan anak-anak kita. Kita tidak hendak macam yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Jins ini maknanya terpaksa kita mewujudkan satu kampung untuk golongan penagihan dadah dan macam manalah kita fikirkan 20 tahun yang akan datang mereka ini akan mewarisi kepimpinan negara sekiranya mereka tidak dididik dengan hala tuju yang sebenar.

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong Perbekalan Tambahan (2004) 2004 ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Syed Ali.

3.13 ptg.

Dato' Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ini betul-betul hendak bercakap ataupun dalam keadaan terpaksa?

Dato' Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya, saya hendak bercakap. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004. Saya ingin menyentuh subjek yang saya rasa penting untuk dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan hasrat kerajaan yang mementingkan kesihatan rakyat dan peningkatan produktiviti, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM7.9 bilion untuk menjamin kesihatan rakyat. Akan tetapi tahap kesihatan masyarakat yang berada di luar bandar, kita lihat kurang selesa dan meyakinkan. Kesihatan mereka tidak terbela dan melarat. Ini adalah kerana rakyat di pedalaman tidak mendapat kesihatan yang secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu adalah dicadangkan supaya kerajaan memberi tumpuan dengan menaikkan taraf klinik dan pusat kesihatan yang sedia ada kerana apa Tuan Yang di-Pertua, kita melihat di dalam bandar-bandar besar, banyak hospital-hospital yang telah dibina dengan canggih, dengan alat-alat yang canggih sehingga kos-kos yang tinggi telah dibelanjakan. Tetapi kita lupa bahawa di daerah-daerah pedalaman, pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik juga perlu kita pertingkatkan kerana di situlah ramai rakyat yang kurang berkemampuan berada di situ.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat bahawa ramai penghidap penyakit-penyakit kronik seperti kanser, penyakit-penyakit yang perlu diubati, penyakit jantung dan sebagainya ramai daripada rakyat yang berpendapatan rendah ataupun yang tinggal di pedalaman terpaksa dibawa ke dalam bandar untuk mengikuti proses perubatan di klinik-klinik kerajaan, sehinggakan ada di satu ketika apabila disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan barulah ada orang yang mahu ke hadapan untuk membantu mereka ini. Sebab itulah saya melihat peruntukan yang telah diberikan kepada Kementerian Kesihatan juga dapat dilihat untuk pembangunan klinik dan juga tempat-tempat perubatan dan kesihatan di kawasan-kawasan daerah pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong tentang kenaikan cukai dan duti eksais sebanyak 40% untuk rokok. Pada pandangan saya, kerajaan harus menaikkan harga rokok ini bukan 40% tetapi 200% atau pun 300% kerana merokok ini membahayakan kesihatan, bukan sahaja yang menghisap malah kepada yang menghidu. Saya tidak nampak kenapa hendak dinaikkan 40%. Kenaikan sebanyak 40% ini bukan sahaja yang di dalam Dewan ini boleh beli, tetapi pelajar masih mampu membeli. Saya rasa, tujuan kerajaan menaikkan duti ini kerana mahu menghindarkan pelajar-pelajar kita daripada membeli rokok. Tetapi pada hari ini kalau dinaikkan 40%, saya rasa mereka masih mampu membeli rokok.

Jadi, Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya bajet pada tahun hadapan dinaikkan lebih tinggi sebab kita yang di dalam Dewan ini sudah buat Kempen Tak Nak Merokok di Parlimen. Saya rasa, Timbalan Perdana Menteri hadir untuk menghindarkan Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi saya tengok di dalam *Lounge* Senator dan *Lounge* Dewan Rakyat masih lagi Ahli-ahli Yang Berhormat ...

Tuan Ismail bin Kasim: Beri laluan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apabila Yang Berhormat Datuk Syed Ali membangkitkan perkara ini saya bukan hendak kata tidak bersetuju, saya bersetuju demi untuk melahirkan warga yang sihat. Tetapi kadang-kadang di kalangan *heavy smokers*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada juga *heavy smokers* yang berhemah macam sesetengah daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ini termasuklah saya sendirilah. Kita ada *value judgement*, kita pilihlah tempat-tempat itu dalam kereta kita tidak hisap, di dalam rumah kita tidak hisap, kita bukan hisap di tempat-tempat tertentu, kita ikut juga yang mana kerajaan sarankan. Tetapi hendak naikkan harga itu tidak kisah dan hendak naikkan cukai itu kita sokong 100%.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih sahabat saya. Tadi Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim bercakap dia berhemah. Tuan Yang di-Pertua, pagi tadi semasa saya di dalam *Lounge* Kelab Senator, semasa saya minum teh tarik saya melihat Yang Berhormat Tuan Ismail bin Kasim dia tidak menghisap di luar ruang merokok, dia hisap di dalam. Jadi dia kena berhemah betul-betul, tempat menghisap bukan di dalam *Lounge* Senator tetapi di luar *Lounge* Senator.

Jadi, ini bagi mengelakkan Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak menghisap rokok menghidu rokok-rokok yang dihisap oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Saya.

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan sebentar. Yang Berhormat berhujah seolah-olah apabila sesuatu benda itu semakin mahal semakin kurang permintaannya. Ini bermakna apabila kos sesuatu barangan itu meningkat permintaan itu berkurangan. Tetapi terlintas kepada saya nama-nama seperti *Gucci* dan *Zenya*, lagi mahal lagi orang beli, macam mana psikologi itu agaknya?

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya hendak menolong kerajaan. Apabila ia mahal lebih ramai yang membeli, lebih banyak lagi cukai kerajaan dapat. Jadi, elaun-elaun Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan itu kita dapat lebih. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, kita minta supaya harga rokok ini dinaikkan setinggi yang boleh. Untuk saya walaupun saya tidak merokok – memang saya tidak merokok, bukan saya cemburu Ahli-ahli Yang Berhormat merokok, tetapi merokok seperti yang saya katakan tadi adalah satu risiko yang paling tinggi. Daripada merokok dia boleh kena kanser, dia boleh kena banyak penyakit. Sebab itu apabila kita buat *medical check-up* doktor selalu bertanya sama ada “tuan ada merokok ataupun tidak?”, itu soalan pertama doktor.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya rasa, merokok ini merupakan satu ketagihan, hendak bagi berhenti tidak boleh. Sebab kempen dibuat besar-besaran ‘Tak Nak Merokok’. Kementerian Kesihatan membuat satu program Kempen Tak Nak Merokok, membelanjakan berjuta-juta ringgit. Kita di sini, wakil-wakil rakyat, Ahli Dewan Negara dok bahas fasal benda ini tetapi bagaimana kita hendak menghentikan yang pertamanya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada merokok?

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan kalau boleh kita sediakan gula-gula kepada mereka yang suka merokok ini supaya menghindarkan daripada tabiat merokok. Saya tahu di Malaysia ini kita tidak mengharamkan merokok. Ada sesetengah negara mengharamkan merokok. Kita tidak mengharamkan merokok, ia makruh – kalau tidak hisap

Tuan Ismail bin Kasim: Beri laluan, Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat Datuk Syed Ali membangkitkan perkara ini, saya terpanggil apabila saya melihat kawan-kawan kita daripada *Middle East* dalam kempen ini, Tuan Yang di-Pertua – Saya tidak sebut secara spesifik mana-mana negara tetapi negara-negara Asia Barat. Di negara mereka seperti Datuk Syed Ali kata, diharamkan macam-macam, tetapi ini pengalaman saya, saya yang menyaksikan sendiri. Apabila sebaik sahaja sampai keluar daripada garisan antarabangsa di atas *flight* berkenaan, di negara mereka, mereka memakai purdah tetapi sampai ke garisan antarabangsa saya tengok dia keluar daripada bilik air memakai *short – hot pants*, setakat ini sahaja. Ini Arab tadikah? saya kata kerana tadi saya tidak tahu wajah yang sebenar dan saya nampak apabila kapal terbang sudah keluar daripada negara berkenaan sudah jadi macam lain,

sebab di negara mereka, mereka tidak buat kerana undang-undang tetapi di luar mereka boleh buat.

Begitu juga di Kuala Lumpur ini semasa musim cuti sekolah – semasa Kuala Lumpur ini di *Arabickan* di mana-mana kita lihat orang-orang *Middle East* teramai, hotel penuh dan bukan sahaja di Kuala Lumpur malahan di semua bandar-bandar besar dan di tempat-tempat peranginan di seluruh negara. Saya nampak dalam keadaan yang sama itu di hadapan anak-anak dan saya menjangkakan orang berkenaan adalah beragama Islam berdasarkan kepada isterinya yang berpurdah dan anak-anaknya yang memakai tudung tetapi ayahnya, alhamdulillah berhadapan dengan *white label*, dengan *red winenya*.

Jadi, kalau Yang Berhormat Datuk Syed Ali kata hanya penguasaan undang-undang itu sudah cukup untuk mengatasi masalah ini, ini bukan *problem solving* yang boleh mengatasi masalah ini. Macam Kempen 'Tak Nak Merokok' yang Yang Berhormat Datuk Syed Ali katakan tadi, saya tidak mengatakan kempen ini mendatangkan kesan. Pada saya Kempen Tak Nak Merokok ini yang posternya dilekatkan di seluruh negara termasuk di hadapan rumah saya di Perlis – macam perlu sahaja, dia boleh letakkan di hadapan rumah saya. Saya rasa kempen itu adalah menjadi sifat tradisi orang terutama remajanya lagi dahsyat, dia memberontak. Apabila ada sesuatu yang menghalang dia hendak melawan halangan itu. Macam mana dia hendak menghalang? Oh, tak nak. Macam ditunjukkan jantung hitam, hati hitam, terbakar dan sebagainya, pada dia, "Ha, nanti kita *test* tengok, betul atau tidak jadi macam ini".

Saya tertarik dengan bekas rakan Senator, Yang Berbahagia Datuk Mansur – Dia, tidak tahulah hendak disambung perkhidmatannya....

Tuan Yang di-Pertua: Bekas rakan Senator atau rakan bekas Senator?

Tuan Ismail bin Kasim: Rakan Senator. Rakan Senator Tuan Yang di-Pertua. Saya bertanya Datuk Mansur, dia beritahu saya dia ada dua orang abang. Abangnya yang pertama *heavy smokers* – hisap rokok kuat tetapi sampai sekarang masih hidup dengan kuasa Allah diberikan umur yang panjang, yang tidak menghisap rokok ini umur 55 tahun sudah meninggal dunia. Jadi, dalam hal ini hanya berdasarkan kepada andaian. Yang Berhormat Datuk Syed Ali tidak boleh menghukum bahawa ini boleh diatasi, ini boleh diselesaikan, tidak. Sebab itulah banyak di antara projek-projek kerajaan yang kerajaan laksanakan kadang-kadang

banyak yang bersifat bermusim, mungkin berjaya satu-dua mencapai kejayaan yang cukup cemerlang tetapi yang lain-lain banyak menemui kegagalan.

Saya hendak memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa contoh Arab tadi, yang kawan saya kata seorang Ustaz belajar di Madinah yang sekarang ini bekerja sebagai Pegawai Khas di Pejabat Menteri Besar Perlis, Alhafiz kawan saya ini, dia kata orang Arab macam air dalam botol Coca-Cola – bahasa utara, apabila kita goncang dan buka, *phew!* dia tembak. Macam itulah juga, macam Yang Berhormat Datuk Syed Ali kata kalau dikuatkuasakan undang-undang bukan bermakna penguatkuasaan undang-undang boleh mengubah semua keadaan, boleh menyebabkan orang itu terdidik sepenuhnya, boleh menyebabkan orang itu tidak mahu buat perkara itu. Kalau dia tidak buat di Arab dia buat di negara lain, dia buat di Malaysia atau dia buat di Jakarta sebab kita lihat semua tempat-tempat hiburan ketika orang Arab bercuti di Bangkok, Jakarta, Manila, Makati, Filipina, Vietnam dan sebagainya di penuh oleh insan-insan yang di negara mereka, mereka tidak boleh hendak buat apa yang saya katakan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, sahabat saya Tuan Ismail Kasim. Tuan Yang di-Pertua, contoh yang saya berikan tadi itu yang menyatakan kalau kita menguatkuasakan undang-undang adalah sekurang-kurangnya daripada kita tidak buat apa langsung, kita kena buat sesuatu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri contoh iaitu negara Singapura, contoh yang terdekat dengan Malaysia. Mereka berdisiplin, menguatkuasakan undang-undang, mereka mengambil tindakan di atas undang-undang yang dikuatkuasakan, tetapi berlainan dengan negara kita, ada undang-undang tetapi penguatkuasaan tidak ada. Contohnya macam yang pagi tadi kita bercakap mengenai ulat-ulat teksi di KLIA, apabila pelancong turun keluar daripada balai ketibaan, ulat-ulat teksi di hadapan ini sudah *offer* teksi hendak bawa pelancong kita ke Kuala Lumpur, sedangkan penguatkuasaan ada di dalam balai ketibaan tersebut dan tindakan tidak diambil. Kalau kita ada undang-undang, kita mengenakan penguatkuasaan, saya rasa ramai yang akan mengambil berat tentang undang-undang yang dikenakan.

Sebagai contoh yang sahabat saya Tuan Ismail bin Kasim berikan tadi mengenai satu keluarga Arab yang keluar dari negara Arab mereka buka semua, pakai *short* dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Asalkan beliau tidak menyindir orang berketurunan Arab, cukuplah.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Itu betul, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya dia mengakui, dia akur dengan undang-undang di negara Arab, dia keluar itu hal dialah. Takkan kita hendak jaga sampai dia masuk ke negara orang macam mana dia hendak berpakaian. Sekurang-kurangnya di negara dia, dia hormat undang-undang. Sebab itu, saya rasa undang-undang penguatkuasaan ini kita kekal dan laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta kerajaan memantau mengenai penjualan minuman keras. Hari itu

Datuk Haji Karim Ghani: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Oh, sahabat saya seorang lagi.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sungguh berminat mendengar penjelasan daripada saudara saya di sebelah sana tentang merokok tetapi apa pendapat saudara tentang menanam tembakau di Kelantan dan di Sabah yang punca kepada merokok ini. Adakah gerakan-gerakan supaya penanaman tembakau ini diberhentikan dan diganti dengan cara lain supaya tidak ada punca untuk orang merokok. Seperti dadah kita cuba menyekat *supply* dadah ini juga tetapi kita menggalakkan orang menanam tembakau, dibuat rokok dan bila orang merokok kita hendak marah.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ini kementerian kena jawab Yang Berhormat, tetapi tidak mengapa Yang Berhormat pada pandangan saya apa juga pendapatan yang boleh dinikmati oleh rakyat seperti peladang-peladang kecil yang halal, kita galakkan. Tetapi seperti merokok yang saya cakapkan tadi ia tidak mendatangkan kebaikan kepada perokok tersebut. Kalau kita boleh elakkan kita elakkan Yang Berhormat, kalau hendak hisap rokok seperti yang saya katakan tadi, ada tempat-tempat yang disediakan. Kita telah menguatkuasakan undang-undang, kita sudah beritahu kawasan-kawasan tersebut tidak boleh merokok, ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang merokok.

Jadi, kerjasamalah kepada yang tidak merokok, terutamanya kaum wanita. Jadi saya berharap Yang Berhormat berpuas hati, saya hendak menjawab banyak-

banyak saya tidak tahu. Yang ini bukanlah tanggungjawab saya hendak menjawab sama ada tembakau boleh ditanam ataupun tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk berkenaan dengan minuman keras, kerana saya lihat premis-premis jualan terutamanya di kedai-kedai 24 jam 7 Eleven, selain daripada menjual rokok dia juga menjual minuman keras dan mudah diperolehi. Remaja desa biasanya yang mudah terlepas pandang, kita tidak mahu di desa pula dikenali sebagai pusat pengeluaran remaja rosak akhlak. Kerana minuman keras ini mudah didapati dan mereka juga boleh membeli dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita lihat saya rasa wajar ditubuhkan atau dihantar penguatkuasaan untuk memantau kedai-kedai yang beroperasi 24 jam macam 7 Eleven, kerana kita dapat lihat ramai remaja mudah memasuki dan membeli minuman-minuman keras ini. Kita tahu kita tidak boleh membuat semua, tetapi menjadi tanggungjawab kita, kalau kita hendak menjual minuman keras kita mahu memastikan mereka ini boleh membeli dengan tahap umur yang melebihi 21 tahun, kadang-kadang budak-budak belasan tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak memberi contoh, sebuah sekolah di kawasan saya di Cheras, saya tidak mahu menyebut nama sekolah tersebut, guru besar menelefon saya meminta saya datang ke sekolah tersebut kerana dia menangkap enam orang pelajar darjah enam yang didapati meminum minuman keras daripada *canned drink*, macam mana budak-budak ini boleh minum minuman keras di dalam kawasan sekolah, kalau sekiranya dia tidak melihat ibu bapa ataupun sesiapa yang meminum minuman keras.

Jadi, ini tanggungjawab siapa Tuan Yang di-Pertua? Sebab itulah saya rasa penguatkuasaan ataupun kenaikan harga rokok, harga minuman keras harus dinaikkan dengan setinggi yang mungkin, tidak mengapalah dia mampu beli, belilah tidak mengapa, tetapi kalau kita boleh menaikkan harga bagi mengelakkan remaja daripada membeli, saya rasa itu satu cara yang cukup baik. Kerana kita khawatir, kita mendengar tadi perbincangan mengenai dengan kita takut remaja-remaja kita hilang, tidak berakhlak dan sebagainya.

Jadi, dengan dapat kerajaan menaikkan harga rokok, minuman keras yang saya rasa setinggi yang mungkin yang tidak mampu hendak beli. Jadi, saya rasa ramailah akan kurang meminum arak ataupun menghisap rokok ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai dengan membangunkan sektor pertanian, supaya kita tahu pertanian ini kita hendak membuat salah satu cabang penjana ekonomi negara. Peruntukan yang begitu besar telah diberikan kepada pertanian ini dan suntikan sebanyak RM1.5 bilion akan memerlukan fokus yang padu untuk memastikan empat *target* utama dalam bidang berkenaan tidak sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat kerajaan menumpukan dalam bidang pertanian, kita harus melalui penemuan terbaru ini memberangsangkan pertanian negara kita ke tahap antarabangsa dan secara tidak langsung juga kita boleh menarik golongan-golongan muda menceburi sektor ini. Kita tahu pihak kementerian juga berusaha membuka mata golongan belia dengan mengusahakan hasil tani dan juga membawa persepsi baru terhadap sektor tersebut. Tuan Yang di-Pertua, pertanian ini kadang-kadang kita ingat pertanian ini bercucuk tanam, sekarang pertanian ini sudah moden.

Saya rasa ramai daripada graduan yang belajar di universiti-universiti tempatan telah mula menceburi minat mereka untuk menceburi dalam bidang pertanian. Ini saya rasa satu usaha yang baik, jadi kita mahu belia-belie kita juga komited dan bersama-sama menceburi hasil pertanian yang mana kerajaan memberi fokus kepada bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya ingin menyentuh mengenai peruntukan sebanyak RM500 juta kepada kontraktor kelas 'F' untuk program penyelenggaraan akan dapat melegakan dan meringankan beban pengusaha kontraktor kecil ini. Saya mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan kerajaan dalam membantu. Saya rasa Presiden Kontraktor Malaysia Yang Berhormat Senator Haji Roslan ada di sini ya? Mungkin boleh menegur kalau saya silap tetapi daripada kajian saya lihat di sini untuk membantu kontraktor sama ada baru atau telah lama bertapak dalam perniagaan ini.

Apa yang dilakukan oleh kerajaan amat dihargai dan diharap dana ini akan disalur dan digunakan sebaik mungkin oleh pengusaha-pengusaha kecil. Saya seterusnya menjangkakan kontraktor kelas 'F' ini akan dapat memanfaatkan suasana kerja yang lebih dinamik bertepatan dengan seruan kerajaan yang menyarankan penggunaan peralatan moden untuk menyelenggarakan hasil projek lebih efektif, cekap, cepat dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kadang-kadang kita tengok kontrak-kontrak yang diberikan tidak usah kata besar, yang kecil pun sama, kadang-kadang bila dia diberikan kepada kontraktor ini dia cuba *under cut* untuk mencapai keuntungan yang besar, ini pun satu masalah. Jadi, saya haraplah persatuan kontraktor dapat melihat dan memastikan kontraktor-kontraktor yang dapat projek ini melaksanakan mengikut apa yang diberikan kepada mereka. Janganlah kita hendak potong, hendak mengambil keuntungan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya yang mendapat peruntukan pembangunan sebanyak RM5,027.7 juta juga diharapkan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatannya menjelang tahun 2005. Kita tidak mahu lagi mendengar kematian disebabkan jalan yang tidak rata dan berlubang di sana sini. Keluhan para pengguna jalan raya yang terpaksa mengeluarkan kos yang begitu tinggi untuk membaiki kenderaan yang rosak disebabkan oleh kecacatan jalan raya wajar juga diberi perhatian. Sekali terkena mungkin boleh dimaafkan, tetapi jikalau ramai yang mengalami nasib yang sama itu sudah menjadi kudis di hati rakyat.

Sebab itu saya berharap agar kementerian ini mengambil langkah yang bersepadu dan tidak menanti adanya aduan baru bertindak. Sebaliknya sentiasa mengadakan rondaan untuk menyiasat jalan-jalan yang bermasalah dan mendatangkan bahaya kepada pengguna, bukan sahaja di *Highway* Utara Selatan, Timur Barat tetapi juga di dalam bandar. Kita melihat kadang-kadang ada kereta tengah dibawa tiba-tiba termasuk terjerumus dalam lubang di tengah-tengah bandar raya. Ini pun saya berharap Kementerian Kerja Raya dapat memastikan supaya jalan-jalan tersebut dapat diperbaiki dan diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri juga disarankan memainkan peranan lebih agresif dalam menangani kegiatan jenayah di kalangan masyarakat. Saya percaya kementerian yang mendapat peruntukan mengurus sebanyak RM3,916.3 juta dan peruntukan pembangunan sebanyak RM567.3 juta akan dapat menggandakan usaha mengemas kini dan memperkasa jentera keselamatan bagi kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat sedih dan terkilang dengan beberapa kejadian jenayah rogol dan bunuh yang selalunya terjadi di kawasan sunyi seperti di kebun-kebun getah, ladang kelapa sawit dan lain-lain. Saya berharap dan berpendapat bahawa tempat-tempat yang sedemikian adalah tempat yang berpotensi

menjadi sarang jenayah dan wajarlah pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri sentiasa memantau dan mengawal keadaan di tempat-tempat yang saya sebutkan tadi. Tiadanya pengawasan dan kawalan serta membiarkan kawasan tersebut terpinggir dari perhatian umum akan menyebabkan indeks jenayah berat meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat boleh dikatakan setiap hari dalam akhbar-akhbar tempatan tentang kes kejadian rogol, ragut dan sebagainya. Kadang-kadang apa yang menyedihkan ialah kanak-kanak selalu menjadi mangsa. Jadi, saya amat berharap dengan apa juga peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kita harus memberi perhatian terutamanya kepada kes rogol ini. Sebab kadang-kadang bapa pun boleh merogol anak, ini satu fenomena yang cukup tidak baik, kerana kalau kita tidak mengawal perkara-perkara yang sedemikian dan tindakan-tindakan tidak diambil ke atas mereka yang menjalankan jenayah-jenayah ini dengan setimpalnya..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh saya minta laluan. Bolehkah saya tahu berapa orang Yang Berhormat lagi yang berhajat hendak berucap? Terima kasih sila teruskan Yang Berhormat.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mohon laluan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ingin mendapatkan penjelasan perbahasan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee, ayahnya saya kenal Tuan Syed Abbas, anak Tuan Syed Abbas ini. Saya melihat angka-angka disebut ini tidak ada dalam Perbekalan Tambahan ini. Saya ingat beliau membahaskan Anggaran Perbelanjaan 2005 kah. Kerana berbilion-bilion sedangkan peruntukan yang dipohon hanyalah kira-kira RM6 bilion sahaja. Ini sampai RM500 bilion saya tidak tahu angka itu diambil daripada mana, adakah ini perbahasan Belanjawan 2005 ataupun beliau membahaskan perbelanjaan tambahan yang dipohon oleh kementerian-kementerian tertentu yang kebanyakannya tidaklah sampai berbilion-bilion di satu-satu kementerian itu memohon.

Jadi, saya pun mencari angka itu sambil mendengar, tidak berjumpa. Itu saya mohon penjelasan beliau membahaskan Anggaran Perbelanjaan 2005 kah ataupun membahaskan Anggaran Tambahan. Itu sahaja saya mohon penjelasan.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat, mungkin *figure* yang saya sebutkan ini saya tersilap tengoklah daripada anggaran yang sepatutnya saya sebut, tetapi walau bagaimana pun terima kasihlah di atas teguran. Isu yang saya bawa ini Tuan Yang di-Pertua bukan kena mengena dengan anggaran, tetapi isu yang saya bawa ini oleh kerana Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang telah diperuntukkan sejumlah wang, walaupun saya tersilap sebut daripada angka yang ada dengan saya ini, masalah yang saya hendak sebutkan sekarang Yang Berhormat mengenai dengan kes jenayah yang mana saya minta Kementerian Keselamatan Dalam Negeri supaya melihat jenayah-jenayah ini diambil perhatian, hukuman-hukuman diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat kes ..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat bolehlah berhujah bahawa memang itu peruntukan asal yang diminta. Itu pun tidak cukup lagi, ini datang pula meminta lagi, itulah aliran hujahnya.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa kes-kes jenayah ini terutama kes rogol dan sebagainya, kadang-kadang dia bertimbun-timbun, bertahun-tahun hukuman tidak dilaksanakan. Jadi, rakyat ataupun orang ramai masih berani, sebab kes ini dia masuk daripada Mahkamah Rendah terus ke Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan, mengambil masa yang begitu panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dan berpandangan sekiranya boleh kes-kes yang telah didapati bersalah terus dijatuhkan hukuman dan memberi pengajaran kepada rakyat supaya mereka juga tidak berani melakukan perkara-perkara jenayah dan ini secara tidak langsung boleh mengurangkan kes-kes jenayah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2005. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak.

3.45 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, juga memberi saya sedikit ruang untuk membahaskan tentang Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004. Nombor satu, saya ingin menyentuh beberapa perkara mungkin pertamanya tentang Kementerian Perdagangan antarabangsa yang

memohon RM80 juta untuk membiayai tabung mempromosikan jenama Malaysia. Kadang-kadang mungkin saya ingin sedikit penjelasan dari segi apa yang dimaksudkan jenama Malaysia itu, kerana memanglah dari segi bantuan untuk perdagangan ini macam-macam bantuan ada. Dari segi kredit untuk membeli dan sebagainya juga dan juga *insurance guarantee* dan sebagainya, dengan izin.

Tetapi rasa-rasanya kalau di sini tabung untuk mempromosikan jenama Malaysia RM80 juta juga ada Kementerian Pelancongan meminta lagi beberapa juta untuk tabung mempromosikan pelancong untuk datang ke Malaysia. Mungkin antara lain saya hendak tahu juga penjelasan sama ada bekerjasama antara dua Kementerian ini juga adalah juga dilakukan atau tidak, kerana antara lain sudah tentu kalau katakan jenama Malaysia ini saya pernah baru-baru ini di Australia dan apabila tengok di bas-bas di sana terpampang nama Sabah.

Jadi, ini mungkin adalah dari Kementerian Pelancong untuk mempromosikan Negeri Sabah, tetapi sedikit sebanyak langsung tidak ada nama Malaysia di situ, hanya Sabah. Jadi, kadang-kadang saya merasakan mungkin harus kita memperingati bahawa apabila kita menjual nama Malaysia ini termasuk jenama Malaysia, kita juga pun harus menentukan bahawa kita mungkin merangkumi beberapa perkara selain daripada hanya hendak menjual untuk melancong tetapi juga hendak menjual barangan dari Malaysia. Jadi, saya merasakan mungkin satu koordinasi harus diadakan antara kementerian-kementerian supaya sedikit sebanyak apabila wang dibelanjakan di luar negeri, kita dapat beberapa pulangan balik, bukan dari hanya segi satu pulangan sahaja.

Keduanya saya ingin tanya juga dari segi kredit mikro yang dipohon di mana saya rasa memang dapat membantu ramai. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya sama ada sistem ini ada atau tidak pemantauan dibuat dari segi keberkesanan untuk membangunkan mereka ini supaya dapat menjadi juga orang berniaga yang lebih berjaya kerana antara lain saya tahu beberapa skim kredit mikro ini, apabila dilaksanakan ramai yang minta kadang-kadang hanya RM5,000 ataupun RM10,000. Sebenarnya kalau kita tengok di bandar-bandar lebih-lebihnya, tidaklah begitu banyak boleh dibuat, tetapi apa yang lebih penting mereka merasakan ini menjadi satu pinjaman seolah-olah pinjaman peribadi. Jadi, pemantauan yang lebih *detail* harus kita buat, kerana antara lain saya sendiri nampak di beberapa tempat di

mana kredit mikro ini mungkin disalah guna kerana antara lain mereka merasakan ini adalah pinjaman peribadi yang boleh membantu mereka buat seketika.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangunkan masalah lumba haram yang kerap kita baca baru-baru ini. Memanglah kalau saya seorang pelancong pun di Malaysia pun saya rasa saya pun takut juga hendak keluar pada malam-malam Jumaat dan Sabtu kerana masalah lumba haram ini saya rasa semakin teruk.

Walaupun saya tahu pihak polis sedang membuat beberapa perkara untuk membantu mencegah perkara ini, saya rasa kebelakangan ini semakin teruk. Antara sebab saya rasa hari-hari Jumaat dan hari Sabtu ini mereka pelumba haram motosikal ini, nombor satu lampu isyarat langsung tidak diendah dan kalau kita tengok memang hendak bawa kereta ini kita yang takut, bukan dia yang takut. Jadi satu pendekatan yang menyeluruh saya rasa harus kita ambil kerana perkara ini kalau tidak dibendung sekarang ini - semalam pun keluar surat khabar di mana da kelab di mana mereka ini menjadi ahli-ahli sebuah kelab untuk berlumba pada hari-hari tertentu dan juga ramai pula yang menonton di tepi-tepi jalan. Jadi perkara ini juga tidak tahulah saya, bukanlah perkara yang senang hendak diselesaikan, tetapi menjadi satu perkara yang harus kita bendung dari sekarang supaya perkara ini tidak merebak ke seluruh negeri lain yang saya percaya juga sudah mula ada masalah yang sama.

Selain dari itu saya juga tadi ada dikeluarkan oleh Yang Berhormat rakan saya tentang jalan-jalan raya yang baik dan sebagainya. Mungkin saya hendak tegur sikit dari segi sistem, dengan izin sistem *signage* kita. Saya merasakan *signage* sistem kita di Malaysia ini berbeza mengikut daerah, berbeza mengikut syarikat, berbeza mengikut negeri mungkin. Tidak ada sistem yang standard saya rasa. Kadang-kadang saya sendiri pun walaupun dari Selangor pernah sesat daripada Cyberjaya hendak pulang ke Airport kerana sistem *signage* yang agak mengelirukan.

Jadi mungkin satu sistem *signage* yang standard harus kita juga pakai dan mungkin juga nama-nama sistem *signage* jalan juga harus kita tentukan. Kalau kita tengok di bandar-bandar negara Eropah digunakan selalunya di *corner*. Kalau dia kata dengan izin *fifth venue and third venue*, maknanya di *corner* situlah, diletaknya *signage* itu supaya orang tahu itulah jalan *fifth venue* atau *third venue*. Jadi saya rasakan kadang-kadang kita punya sistem *signage* ini tidak menentu sehinggakan terletaknya di merata tempat dan terletak pula di salah-salah tempat. Kadang-kadang

selepas *junction*, ada pula sebelum *junction*, jadi ini juga harus diperbaiki supaya pengguna jalan raya dan juga *highway* ini akan lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi Kementerian Perumahan dan Kementerian Tempatan, satu perkara yang ingin saya bangunkan adalah masalah pembangunan semula. Saya rasakan alhamdulillah, negara kita sudah mencapai hampir 50 tahun dan sudah sampai masanya di mana infrastruktur-infrastruktur kita sudah usang. Ada perkara-perkara yang perlu kita sekarang ini perbetulkan, perbaiki, buat sebalik dan sebagainya dan ini sudah tentu memerlukan kos yang agak tinggi. Saya merasakan antara lain

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berkenaan dengan *signage* tadi, adakah Yang Berhormat bermaksud seolah-olah tiada piawaian? Adakah itu maksud Yang Berhormat?

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan begitulah yang sebenarnya. Tiada piawaian yang standard yang kita *adopt* sebagai sebuah negara di mana...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah berbeza dengan lebuh raya kita yang jelas menepati piawaian antarabangsa?

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Tidak juga, Tuan Yang di-Pertua. Saya merasakan ada lebuh raya kita di mana *signage* diletakkan selepas *junction* itu, ada yang sebelum. Jadi kadang-kadang ini orang kata mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua: Pokoknya yang diperlukan ialah piawaian.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi balik tadi ke isu pembangunan semula Tuan Yang di-Pertua, kerana saya merasakan banyak infrastruktur khusus. Sekarang ini kita tahu di negeri Selangor masalah *repiping* air ini dengan izin dan akan juga menjadi masalah di negeri-negeri lain pada suatu hari nanti. Jadi, ini menjadi satu perkara yang agak berat untuk ditanggung oleh sesebuah bandar dan sebagainya dan harus memerlukan bantuan daripada Kerajaan Pusat. Saya merasakan ini amat penting sekali oleh kerana antara lain sebagai negara yang maju sudah tentulah kita harus fikirkan tentang infrastruktur asas yang harus diperbaiki atau diperbaharui setiap beberapa tahun.

Budaya berjalan kaki juga menjadi satu fakta yang saya ingin bangkitkan, di mana kita menggalakkan dengan sistem *rapid*, dengan izin yang baru ini dilancarkan. Kita mahukan penduduk negara kita ini juga berjalan kaki sedikit menggunakan sistem

transport yang diadakan, tetapi mungkin tempat berjalan berkurangan ataupun tidak begitu baik. Saya merasakan perkara ini juga kadang-kadang ataupun kalau ada dibenarkan *parking* motosikal, basikal dan sebagainya dan menyusahkan pejalan kaki untuk menggunakan siar-siar ini. Jadi saya merasakan..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam pertimbangan Yang Berhormat, Bandaraya Kuala Lumpur adakah *pedestrian friendly* atau *pedestrian most unfriendly city in the world*?

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Saya tidak tahulah hendak jawab tetapi saya rasa...

Tuan Yang di-Pertua: Dalam sukatan Yang Berhormat, Kuala Lumpur terletak di mana? Paling selesa untuk berjalan kaki atau paling bahaya untuk mereka itu.

Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak: Saya rasa paling bahaya Tuan Yang di-Pertua. Orang kata selain daripada masalah cuaca, kita pun tahu dari segi keselesaan jalan patutnya basikal pun boleh digunakan dengan senang. Apa lagi kereta roda dan sebagainya. Saya rasa ini harus juga diambil kira kalau kita ingin mencapai satu status negara maju pada masa akan datang. Hanya buat permulaan dalam kita merancang balik jalan-jalan raya harus ini diambil kira. Kadang-kadang kita lupa bahawa apabila diadakan siar jalan kaki ini, kadang-kadang ada pula bloknnya dengan perkara-perkara yang boleh merumitkan seperti pokok-pokok peragut bersembunyi meragut *handbag* dan sebagainya. Tetapi apa yang penting, untuk mengadakan siar jalan kaki ini supaya dapat digunakan oleh *pedestrian*.

Saya sangat setuju dengan maknanya, kalau diadakan dengan *complete protection*, dengan izin daripada matahari dan sebagainya, mungkin lebih ramai orang-orang kita yang sudi berjalan. Sebagai contoh, hendak jalan ke Parlimen, ini tidak tahulah saya tetapi, saya kurang pasti pula di mana boleh naik bas kalau hendak datang ke Parlimen, tiada bas. Jadi mungkin ini satu perkara yang boleh diambil kira untuk menggalakkan lebih ramai lagi untuk menggunakan sistem *public transport*.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi menyentuh tentang kontraktor Kelas F. Saya amat juga memuji kerajaan dalam usaha untuk membangunkan kontraktor. Tetapi apa yang harus kita peringatkan kalau kita lebih pada kontraktor Kelas F ini dan juga kelas-kelas lain. Saya ingin menyentuh tentang masalah bayaran. Walaupun ini banyak telah dibangkitkan kadang-kadang kita lupa dan kita harus ingat kontraktor Kelas F ini adalah kontraktor-kontraktor kelas kecil di mana sudah tentu antara lain

yang dia kurang, adalah dari segi modal. Apabila modal itu berkurangan, yang menjadi mustahak adalah bayaran tepat pada masanya.

Saya rasa ini adalah satu perkara yang serius kerana dalam kita menggalakkan usahawan-usahawan, kalau bayaran tidak tepat pada masanya, sudah tentulah usahawan-usahawan kecil ini akan menjual kontraknya kepada kontraktor yang lebih besar. Jadi kalau saya boleh sentuh perkara ini, saya ingin menyeru supaya kita perbaiki sistem bayaran mengikut masa dan had yang berpatutan - pada saya mungkin antara lain, kalau kelas 'F' ini sepatutnya bayaran harus dibuat sebulan selepas itu. Harus kita tentukan supaya mereka dapat merancang aliran tunai mereka ini dengan lebih senang sebab seperkara yang saya ada baca juga hari ini, bilangan kontraktor kelas 'F' ini pun dikatakan sudah terlampau banyak.

Yang penting saya rasa ramai yang wujudkan kompeni, syarikat-syarikat ini hanya untuk mendapatkan kontrak, tetapi sebenarnya kadang-kadang seorang itu dia punyalah sampai sepuluh kontraktor kelas 'F', ini dia yang punya, dia yang berada di belakang nama kontraktor ini, tetapi dibuat begitu kerana boleh dapat kontrak. Apa yang lebih penting kepada saya untuk membangunkan mereka adalah sistem bayaran agar mereka dapat dibangunkan daripada kelas 'F' naik kepada kelas 'D' mungkin, kemudian ke kelas 'C' dan seterusnya. Inilah yang sepatutnya kita ukur untuk menentukan bahawa program kerajaan ini berjaya untuk membangunkan usahawan.

Jadi, saya amat mementingkan tentang bayaran kepada kontraktor mengikut masa yang dirancang supaya kontraktor-kontraktor boleh merancang aliran tunai mereka dengan lebih baik. Saya rasa setakat itu sahajalah saya hendak sentuh pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya ruang dan saya pohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2004) 2004. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. S. Vijayaratnam:

4.03 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya berdebat mengenai bil Perbelanjaan Tambahan bagi Perkhidmatan Tahun 2004.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus kepada Maksud T.12 – Perbendaharaan, di mana sebanyak RM68 juta adalah untuk perbelanjaan Penyelenggaraan Jalan Raya Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan-kerajaan negeri, Jabatan Kerja Raya yang bertanggungjawab untuk penyelenggaraan jalan raya di negeri-negeri. Di Malaysia, jalan-jalan seperti ini cukup baik.

Saya ada pergi ke Kelantan awal tahun ini dan saya pun hairan mendapati jalan-jalannya cukup baik – Tanah Merah, Pasir Putih dan Pasir Mas, jalannya lebar dan rata. Begitu juga di kebanyakan negeri di Malaysia berbanding dengan negara-negara lain yang sedang membangun, saya nampak jalan di bandar sangat baik, tetapi bila kita keluar dari bandar – kawasan luar bandar, sangat teruk, kadang-kadang jalan pun tidak ada, hanya tanah merah sahaja (*laterite*). Ini di atas usaha dan janji Kerajaan Barisan Nasional bahawa infrastruktur harus dibina dan penyelenggaraannya pun baik. Pada masa ini kita pun kurang nampak jalan-jalan berlubang (*potholes*) di jalan-jalan raya. Tetapi satu, Tuan Yang di-Pertua, yang saya harap jabatan atau kementerian tersebut akan mengambil perhatian, ialah garisan di jalan raya yang sudah tidak nampak lagi, sudah pudar dan lebih berbahaya lagi apabila hujan. Saya harap garisan-garisan jalan ini dapat dicat setiap dua atau tiga bulan *on a regular basis*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Maksud T.12 juga, RM18.3 juta telah disediakan untuk pemberian Kiraan Kepala. Saya percaya ini adalah banci (*census*). Tiap-tiap negara di dunia harus menjalankan banci masing-masing dan saya mengakui bahawa ini perlu dibuat di Malaysia juga. Tetapi bila pegawai-pegawai dari Jabatan Perangkaan, saya percaya Jabatan Perangkaan yang menjalankan bancian, membuat kerjanya, saya minta mereka mengeluarkan perangkaan-perangkaan yang betul. Baru-baru ini saya baca dalam surat khabar, Dato' Seri S. Samy Vellu pun kata bilangan kaum India pada pandangannya adalah kurang daripada apa yang dicatit.

Tuan Yang di-Pertua, pada tiap-tiap kali bancian dijalankan, pegawai-pegawai memberi sekeping kad putih di setiap rumah, dia beri atau tampal di dinding. Cara ini saya rasa tidak berapa baik atau sesuai oleh kerana kad itu akan hilang kerana

hujankah, anginkah atau kalau diberi kepada orang dalam rumah, ia disimpan di dalam laci sini, meja sana dan terus hilang. Apabila dia datang sekali lagi dia minta kad itu dan jika kad itu ada sekalipun, tulisannya pun sudah tidak kelihatan lagi. Jadi ini tidak berapa praktikal dan saya harap Jabatan Perangkaan mengkaji semula macam mana ia boleh mengatasi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.04 – Suruhanjaya Pilihan Raya, di mana RM100 juta diperuntukkan untuk membiayai perbelanjaan Pilihan Raya Umum Ke-11 dan juga Pilihan Raya Sabah Yang Ke-10. Ada dua, tiga rakan-rakan saya, dalam ucapan mereka telah menyatakan perasaan tidak berapa puas hati mereka dengan perjalanan pilihan raya yang lepas pada bulan Mac.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua manusia biasa, termasuk Suruhanjaya Pilihan Raya. Boleh jadi kita telah buat kesilapan dan saya mengaku ada juga kesilapan, ada kekeliruan, ada kesalahan dalam senarai pengundi-pengundi. Kadang-kadang nama pun hilang, diminta supaya pergi ke sana, pergi sini tetapi saya percaya masalah-masalah yang dihadapi memberi kesan kepada semua parti politik – sama ada Barisan Nasional ataupun pembangkang juga, *equally affected*, dengan izin, dan tidak baik untuk satu pihak sahaja.

Jika dibandingkan dengan pilihan Presiden Amerika Syarikat tahun 2000, masalah-masalah yang dihadapi di Malaysia pada bulan Mac ini saya rasa adalah kecil. Untuk satu bulan negara Amerika tidak tahu siapa Presidennya – sebagai negara yang maju, yang termaju sekali sehingga terpaksa tunggu keputusan mahkamah baru Presiden Bush dikira menang. Saya berkeyakinan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya akan bertambah baik dan belajar dari apa-apa kesilapan yang berlaku dan akan meningkatkan perkhidmatannya.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.7 – Jabatan Perkhidmatan Awam. Tambahan peruntukan sebanyak RM156.8 juta diminta untuk pelajar-pelajar di luar dan di dalam negeri. Tuan Yang di-Pertua, saya harap dari sekarang dan untuk masa yang akan datang, kerajaan akan memberi lebih tumpuan untuk mendidik lebih ramai penuntut kita di dalam negara, oleh kerana saya percaya sekarang kita ada universiti-universiti yang baik termasuk universiti-universiti swasta dan mutunya pun baik setanding dengan universiti-universiti lain di Asia dan juga di negara-negara Barat. Apa sebab kita perlu hantar penuntut-penuntut ke England, Australia, Amerika Syarikat dan sebagainya? Saya rasa ramai yang boleh belajar di sini.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap biasiswa-biasiswa yang diberi kepada penuntut-penuntut hendaklah mengikut pendapatan keluarga penuntut tersebut. Maksud saya, ibu bapa yang mampu membayar kos (*fee*) pelajaran anak-anak mereka di universiti tidak perlu diberi biasiswa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Tumpuan mesti diberi kepada kelayakan.

Kalau penuntut itu mendapat keputusan peperiksaan baik tetapi tidak cukup wang untuk belajar di universiti, itulah *first choice* yang harus diberikan biasiswa. Kepada sesiapa warganegara Malaysia pun, kalau boleh Jabatan Perkhidmatan Awam boleh mengadakan.....

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Datuk Haji Karim Ghani.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang biasiswa Yang Berhormat katakan itu tidak membebankan sangat. Yang membebankan *initial payment* itu. Umpamanya kalau kita hendak hantar anak-anak belajar di Indonesia untuk mengikuti bidang kedoktoran, *initial payment* USD15 ribu, jadi tidak mungkin banyak keluarga terutama sekali di luar bandar yang mampu mengeluarkan USD15 ribu sedangkan pembayaran selepas itu cuma di kalangan RM1,000 sebulan, barangkali ramai yang mampu untuk membayar RM1,000 sebulan.

Di sinilah seharusnya kita meminta bantuan daripada kerajaan di mana anak-anak kita umpamanya dapat memasuki universiti yang diiktiraf oleh negara kita, *initial payment* itu yang perlu. Demikian juga memasuki universiti di negara kita sekali pun, kalau orang yang di *rural areas* diberikan tempat, tetapi terpaksa orang dari Sabah mengeluarkan belanja untuk tiket kapal terbang dan sebagainya, itu yang kebanyakannya yang kita tidak mampu, yang menyebabkan ramai ibu bapa menghadapi masalah. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya, Datuk Haji Karim Ghani. Saya memang setuju dengan apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Karim. Mana yang tidak mampu, kerajaan bantu tetapi selepas itu bayaran bulanan dan sebagainya, kalau boleh keluarga terus bayar.

Tadi apa yang saya cadangkan ialah Jabatan Perkhidmatan Awam boleh mengadakan satu *standard* atau taraf macam mana. Keluarga ini pendapatannya kurang daripada RM2,000 sebulan, ini mesti kita bantu tetapi orang yang kaya dan orang korporat tidak perlu diberikan biasiswa kepada anaknya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', dalam setiap pemberian bantuan oleh pihak kerajaan, ada sahaja pihak-pihak yang akan menjelma, yang kaya mengatakan dia miskin supaya dia akan mendapat bantuan tersebut. Apakah pandangan Yang Berhormat tentang golongan-golongan ini?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua, ini satu soalan yang susah untuk saya jawab. Tetapi itulah yang saya kata, kalau boleh Jabatan Perkhidmatan Awam mesti menyiasat tiap-tiap kes yang meminta biasiswa, yang Jabatan ingin hantar ke pusat pengajian tinggi, tengok *background* dan macam-macam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Maksud B.12 – Perbendaharaan, di mana sebanyak RM412 juta adalah untuk membiayai tambahan subsidi untuk Skim Tabung Mikro Kredit. Tuan Yang di-Pertua, Skim Tabung Mikro Kredit sangat baik. Ini sebuah skim yang akan membantu mereka yang ingin membuat perniagaan-perniagaan kecil; membuka kedai atau gerai dan sebagainya. Ramai yang ada kebolehan tetapi tidak mempunyai modal.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ada satu skim pinjaman ataupun mikro kredit yang sangat berjaya di Bangladesh, di mana wang modal sedikit sahaja, tidak banyak, mengikut taraf negara Bangladesh diberi kepada peladang-peladang untuk membantunya membeli benih dan alat-alat untuk menanam padi dan sebagainya dan ia berjaya. Ramai rakyat di negara Bangladesh mendapat faedah dari skim ini. Tetapi yang saya ingin minta dari pihak kerajaan ialah menimbang supaya amaun yang diberi sekarang dapat dinaikkan sedikit, banyak sedikit. Pada masa ini, kalau tidak silap saya amaun maksimumnya ialah RM25 ribu, kalau boleh diminta kerajaan naikkan ke RM50 ribu, ini adalah satu amaun yang lebih realistik pada zaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, RM6 ribu adalah untuk membiayai pelaksanaan penyusunan semula pengangkutan di Lembah Klang. Kita nampak di Bandaraya Kuala Lumpur, kesesakan lalu lintas sangat teruk. Kalau hujan, lagi teruk - *jammed*, kadang-kadang kita kena tunggu satu jam atau dua jam untuk sampai ke rumah. Di sini saya juga ingin meminta kerajaan, jika boleh menimbang satu cara yang digunakan di negara jiran dan di bandar raya lain juga, iaitu menghadkan kereta-kereta masuk ke pusat bandar ataupun *central business district* tanpa bayaran tol. Ini dilaksanakan di Singapura. Ada waktu-waktu tertentu misalnya dari pukul 7 pagi hingga 10 pagi, jika hendak masuk ke dalam bandar kena bayar tol, dan tol itu bukan murah. Begitu juga dari pukul 3.30 petang hingga ke 6 petang atau 7 petang pun, jika

hendak keluar juga kena bayar, so, ini adalah dipanggil *Central Business District Zone Restriction*, dengan izin. Saya percaya ini akan dapat mengatasi sedikit masalah *traffic jammed* dan menggalakkan orang menggunakan pengangkutan-pengangkutan awam seperti bas dan juga LRT.

Maksud B.24, ini berkenaan dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, di mana RM80 juta diminta untuk membiayai tabung mempromosikan jenama Malaysia oleh Perbadanan Pembangunan Luar Malaysia (MATRADE). Di sini saya tidak akan menyoal peruntukan yang diminta, tetapi saya keluar sedikit dan minta apakah status bangunan MATRADE yang baru, yang dikatakan tidak selamat untuk digunakan. Sudahkah kerja-kerja ubahsuaian dibuat dan bilakah boleh dipakai?

Maksud B.28 – Kementerian Pengangkutan. Kempen Keselamatan Jalan Raya di mana RM3.2 juta diminta. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga telah menjalankan pelbagai kempen untuk mendidik rakyat kita di atas kepentingan keselamatan lalu lintas, cara membawa kereta dengan sopan santun dan sebagainya, tetapi malangnya sampai sekarang keberkesannya pun kita tidak boleh nampak. Sebenarnya, rasa saya, pada masa ini lagi teruk. Kita nampak tidak ada kesopanan di jalan raya dan ramai orang yang tidak menghormati lampu isyarat, merah pun jalan terutama sekali motosikal, potong sini, potong sana, tukar lorong dengan tidak ada signal dan walaupun melakukan kesalahan, tetapi dia lagi marah daripada kita, jika kita *honk*, sikap ini sangat buruk. Saya percaya jawapannya tidak lain ialah penguatkuasaan dan penguatkuasaan itu mesti tegas. Jika kita biarkan sahaja, makin lama makin teruk lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi contoh sekali lagi, negara jiran kita, Singapura. Kereta-kereta di Singapura, bila pemandu-pemandu Singapura berada di negaranya, dia memang mengikut semua undang-undang lalu lintas, had laju dan sebagainya, tetapi apabila mereka datang ke Malaysia dari Johor Bahru, dia tidak mengikut undang-undang lalu lintas kita. Kita boleh tengok kereta-kereta Singapura yang mewah, Porsche, Mercedes Benz, Ferrari dekat Lebuhraya PLUS kita – mereka hentam 150 – 160, oleh kerana mereka pun tahu penguat kuasa di sini tidak berapa baik. Bila di Malaysia, dia langgar semua undang-undang tetapi di negaranya, Singapura, dia ikut.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan akan mengambil perkara ini dengan serius dan menguatkuasakannya, juga lebih bilangan polis harus *diassigned* untuk

masalah-masalah lalu lintas, dan saya harap lebih rekrut polis diambil dan dilatih untuk penguatkuasaan undang-undang.

Saya juga minta kalau boleh diadakan lebih rondaan polis di jalan-jalan raya kita, oleh kerana bila orang buat kesalahan tidak ada polis pun di mana-mana, dia terus hantam sahaja. Tidak ada jawapan lain. Ini pendidikan dan macam-macam, sampai sekarang pun tidak berapa berguna. Minta maaf.

Di bawah Kementerian Pengangkutan juga, saya lihat ada amaun-amaun tertentu yang diminta oleh Kereta Api Tanah Melayu dan juga subsidi untuk MAS kerana perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak. Ini saya memang sokong, walaupun perkhidmatan kereta api dan perkhidmatan MAS di kawasan-kawasan luar bandar ataupun *rural air service*, dengan izin, ini bukannya satu perkhidmatan yang boleh memberi keuntungan, tetapi ini adalah satu obligasi sosial kerajaan untuk rakyat kita terutama di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman, di Sarawak dan Sabah, mesti ada komunikasi atau perhubungan melalui kapal terbang. Walaupun boleh dikatakan satu kerugian untuk MAS, tetapi ia harus digalakkan dan dikekalkan.

Kementerian Pelancongan, di mana RM19.1 juta adalah dikehendaki untuk pelbagai urusan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelancongan di atas kempennya *Malaysia Truly Asia*. Kempen ini kita boleh lihat di negara-negara lain pun, baru-baru ini saya di Amsterdam dan juga di Brussels, Belgium dan diTVnya tiap-tiap setengah jam mesti ada *advertisement*, *Malaysia Truly Asia* dan juga *advertisement* oleh *Malaysia Airline* (MAS). So, bila kita di luar negara kita nampak ini, kita sangat gembiralah.

Saya nampak juga RM2.8 juta diminta untuk perbelanjaan untuk mengadakan Mesyuarat Menteri Pelancongan Komanwel. Tuan Yang di-Pertua, saya harap jika ada persidangan pelancongan di Malaysia, di mana pegawai-pegawai tinggi ataupun Menteri-menteri Pelancongan dari lain negara dijemput datang sini, kementerian boleh berusaha lebih sedikit supaya persidangan itu berjaya. Saya dan ada juga dua, tiga sahabat Senator menghadiri satu Persidangan Pelancongan Sedunia di Putrajaya, di Hotel J.W. Marriot, tetapi saya nampak persediaan-persediaan, persiapan-persiapan makanan dan semuanya baik, perhiasan semua baik, tetapi hanya 30 orang dari luar negara datang.

Saya difahamkan persatuan pelancongan dunia itu mempunyai lebih daripada 120 ahli, tetapi hanya 30 datang untuk persidangan itu. Saya rasa ini tidak berapa memuaskan dan berharap kementerian boleh berusaha lagi supaya ramai tokoh-tokoh pelancong – oleh kerana ini adalah pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk pelancongan di negara masing-masing, kalau lebih ramai datang ke sini, ini boleh menyebabkan pelancongan kita naik dan ramai orang dari negaranya pun masuk ke Malaysia.

Golongan ini dari persatuan pelancongan dunia sangat mustahak. Pagi tadi, di bawah Kementerian Pelancongan juga, ada sedikit perbincangan di atas Zoo Negara. Pada ketika ini, Tuan Yang di-Pertua, kita pun tidak tahu apa status Zoo tersebut. Saya baca dalam surat khabar, Kerajaan Negeri Selangor sedia memberi tanah baru untuk Zoo pindah, tetapi kerajaan kata, “Oh! Tidak boleh pindah kerana tidak cukup duit. Akan melibatkan kos besar”. Pihak persatuan Zoo pula kata, mereka siap sedia di situ juga, di Ulu Klang, tetapi memerlukan peruntukan lebih untuk *maintenance*, penyelenggaraan Zoo.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun seorang yang cintakan binatang, *animal lover* dan saya ada melawat Zoo Negara kita ini, malangnya sikap pelawat-pelawat ke Zoo kebanyakannya orang kita juga, orang Malaysia, kurang baik. Kita boleh nampak, bukan semua, ada di antaranya, membuat kezaliman kepada binatang-binatang, macam buang batu, ada saya nampak, ada orang dia taruh rokoknya dekat hidung zirafah dan bila budak-budak buat begitu juga ibu bapanya pun tidak melarangnya. Sekali lagi tidak ada penguatkuasaan ahli-ahli atau anggota-anggota sekuriti di Zoo Negara - pun tidak ada, dan kalau ada pun dia tidak larang orang berbuat begitu. Saya berharap pihak Zoo akan mengambil perhatian ini. Kezaliman kepada binatang-binatang tidak boleh diterima.

B.42 – Kementerian Kesihatan. Tuan Yang di-Pertua, satu amaun yang besar iaitu RM293 juta adalah untuk pembelian ubat-ubat *reagent* untuk makmal dan sebagainya. Saya harap oleh sebab kos ubat-ubat telah naik beberapa kali ganda, oleh sebab sekarang firma-firma pembuatan ubat yang besar sudah bergabung menjadi besar lagi macam Pfizer, Roche, dan bila mereka sudah besar, sudah tiba satu tahap di mana lebih kurang, saya bukan kata ada wujud, lebih kurang ada monopoli dan mereka mengeluarkan ubat baru, kos itu yang tidak terhitung.

Saya harap oleh sebab demikian, kerajaan pun boleh mengkaji macam mana boleh mewujudkan kilang-kilang di negara kita ini dengan usahawan kita, Malaysia membuat ubat dan saya percaya ini bukan satu perkara yang susah. Begitu dijalankan.....

Datuk Haji Karim Ghani: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Datuk Haji karim Ghani.

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sedikit kepada Dato' Dr. S. Vijayaratnam, saya difahamkan ubat-ubat ini tidak perlu kita beli daripada syarikat-syarikat yang besar seperti di Eropah atau di mana, sebab di India dia ada buat banyak ubat *generic* yang lebih murah dan *equally effective*. Kenapa kita tidak gunakan saluran ini untuk mendapatkan ubat seperti *Panadol* dan sebagainya, yang bukan ubat yang terlalu canggih? Adakah Yang Berhormat mempunyai pandangan supaya pegawai-pegawai dan farmasi-farmasi kita tahu ubat-ubat ada di negara lain selain daripada Eropah dan Amerika sahaja?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Datuk Haji Karim Ghani, sahabat saya. Apa yang saya hendak cakap sudah disebut oleh Datuk Haji Karim Ghani. Saya ingin menyebut contoh, India, di mana semua, boleh dikatakan semua ubat dibuat di sana oleh kilang-kilangnya sendiri. Termasuk bukan sahaja ubat yang *simple*, tetapi ubat yang boleh dikatakan sofistikated, dengan izin. Antibiotik, antiviral, anti kanser, semua dibuat di sana dengan kos yang, saya ingat empat kali kurang dari apa yang kita bayar di sini.

Mutunya pun serupa, hanya dia punya *packing* tidak berapa cantik, tetapi ubatnya 100% tulen. Mengapa kita mahu import ubat dari luar negeri, semua boleh dijalankan di sini. Kita mempunyai pengetahuan teknikal dan *expertise*, dengan izin, dan boleh dibuat di Malaysia. Kurangkan kos ubat, sampai dekat RM300 juta, Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga dengan alat-alat pembedahan. Alat-alat pembedahan kebanyakannya diimport dari German dan United Kingdom, tetapi saya nampak alat-alat pembedahan yang dibuat di Pakistan, bagus juga dan boleh dipakai, kenapa pula kita tidak boleh buat di sini. Itu pun barang *simple*.

Timbalan Yang di-Pertua: Harganya macam mana?

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Harganya dekat *one third the price*, dengan izin. Alat-alat ini dibuat oleh besi sahaja, boleh dibuat di sini, dikilangkan di sini dan boleh eksport pula dari Malaysia, '*Made in Malaysia' surgical instrument*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ke Kementerian Perumahan, satu perkara sahaja ialah amaun yang diperuntukkan untuk masalah denggi di seluruh negara.

Seperti yang dikatakan oleh bekas Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan dahulu pada tahun yang lepas, di sini banyak tumpuan diberi kepada SARS, kepada demam selesema burung, semua orang takut tetapi lebih ramai meninggal dunia oleh kerana denggi di negara kita ini. Tetapi ini orang pun tidak berapa peduli tiap-tiap bulan ramai kes denggi Tuan Yang di-Pertua dan 90% kes denggi dia boleh sembuh sendiri oleh kerana tidak ada ubat untuk denggi. Ini terpulang kepada kebolehan badan kita melawan kuman tersebut ataupun virus tersebut. 90% boleh sembuh tetapi 10% itu jika penyakit itu mengubah ke denggi berdarah atau *hemorrhagic fever* dengan izin ini sangat bahaya dan ramai orang pun meninggal dunia, maut.

So, saya harap kerajaan dan juga rakyat lebih sedar kepada bahayanya demam denggi dan kerajaan pun mengambil langkah-langkah yang lebih tegas untuk mencegah penyakit tersebut. Langkah-langkahnya mudah sahaja, semua takungan atau tayar lama di keliling rumah di tempat sampah ini semua kena dibuang oleh kerana inilah tempat di mana nyamuk aedes, hidup dan telurnya keluar. Saya harap pihak-pihak kerajaan tempatan pun boleh menjalankan *foraging* lebih di tempat-tempat tertentu di mana ada banyak kes dan lebih kes denggi.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, maksud B.52 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di mana RM83 juta adalah untuk membiayai keperluan polis semasa berhadapan pilihan raya umum yang kesebelas. Di sini saya hanya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak polis di atas usaha-usahanya pada pilihan raya yang lepas dan juga kepada pilihan-raya-pilihan raya dahulu di mana mereka berjaya *maintain* keamanan dan tidak ada huru-hara jadi semasa pilihan raya. Pilihan raya ini bukan satu perkara yang senang, kita nampak di negara-negara lain ada banyak berlaku kejadian-kejadian sengit atau *violence* ada gaduh, ada yang cedera, ada yang meninggal dunia pun tetapi di sini kita bersyukur tidak ada dan saya percaya ini adalah di atas usaha pihak polis dan kita harus menghargai kerja polis pada masa pilihan raya.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-Undang DR17/2004, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Datuk Karim Ghani dan selepas itu Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Shukri.

4.51 ptg

Datuk Haji Karim Ghani: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Setiap kali dewan bersidang setiap kali juga kita menerima permohonan akta perbekalan tambahan. Saya merasa ragu kenapa benda ini telah berlaku? Adakah kerana pegawai-pegawai kita tidak dapat membuat ramalan dan kajian supaya anggaran perbelanjaan kita yang dibuat tiap-tiap tahun itu lebih tepat atau adakah perbekalan tambahan ini diminta untuk menutup belanja yang sudah dipakai sebelum diluluskan undang-undang ini. Kalau kita katakan pegawai-pegawai kita tidak bijak saya tidak percaya kerana pegawai-pegawai kerajaan mempunyai pendidikan yang tinggi dan dedikasi dan saya percaya mereka boleh membuat kerja-kerja ini dengan lebih betul dan lebih teliti. Tetapi saya masih hairan mengapa setiap kali kita bersidang ada sahaja permohonan untuk meminta perbekalan tambahan dan jumlahnya pun bukan kecil, kali ini RM6 bilion di mana salah silapnya kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sungguh tertarik melihat Suruhanjaya Pilihan Raya telah meminta tambahan sebanyak RM100 juta. Suruhanjaya Pilihan Raya mengendalikan kerja-kerjanya dengan baik di Malaysia ini. Dan saya percaya permintaan ini bukanlah satu permintaan yang sengaja dibazirkan kerana Pilihan raya di Malaysia ini berjalan dengan baik dan kita juga mendapat keputusan Pilihan raya itu dengan cepat kerana aturan-aturan yang kita buat itu saya rasa sungguh teratur. Cuma yang saya fikirkan barangkali masanya sudah tiba untuk kita memikirkan bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya memikirkan apakah boleh atau tidak atau sudahkan sampai masanya atau belum supaya pengundi-pengundi di Malaysia ini umurnya dikurangkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun seperti yang dilakukan di negara-negara maju dan saya percaya begitu juga di Filipina dan Indonesia umur pengundi itu sudah diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, ada sungutan bahawa apabila pilihan raya masa ditentukan untuk berhenti mengundi itu sekian-sekian jam, tidakkah boleh

kita ubah peraturan itu kita ikut cara bank apabila sampai masa bank tutup tetapi orang-orang yang ada di dalam bank itu dibenarkan terus berurusan sehingga selesai. Umpamanya kalau dalam pilihan raya apabila sampai jam tutup untuk mengundi iaitu jam 5.00 tetapi pengundi masih ada dalam kawasan itu dibenarkan mengundi sehingga habis supaya tidak adalah dikatakan orang yang berhak mengundi tidak dibenarkan melaksanakan tanggungjawabnya, terima kasih.

Pada B.09, saya lihat Badan Pencegah Rasuah ini meminta cuma RM735, 000. Apakah Badan Pencegah Rasuah ini tidak cukup kerja ataupun anggarannya sudah terlalu baik, tidak memerlukan tambahan sedangkan saya lihat di negara kita ini taraf rasuah sudah memburuk daripada tahun-tahun yang lalu. Sedangkan kerajaan kita mempunyai azam untuk membanteras rasuah ini, saya harap peruntukkan untuk Badan Pencegah Rasuah ini kita boleh lebih liberal supaya mereka boleh menjalankan kerja dan tugasnya lebih baik supaya di mata dunia keadaan dan taraf rasuah di Malaysia ini bertambah baik daripada masa yang sudah-sudah.

Yang ketiga, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Pelancongan. Pelancongan di Malaysia ini mungkin bertambah baik saya baru kembali dari Singapura, saya juga baru naik teksi beberapa kali di Kuala Lumpur ini telah dikatakan sejak kita mempunyai Perdana Menteri yang baru ini lebih banyak orang Singapura suka datang ke Malaysia sebab katanya Perdana Menteri yang baru kita ini tidak marah dan senyum selalu, tidak membangkitkan soal-soal perhubungan antara kita dengan Singapura. Kalau boleh perhubungan antara kita dengan Singapura itu tidak perlulah dibangkitkan di akhbar-akhbar, kita rundingkan secara tertutup dan memberikan peluang untuk rakyat Singapura datang lebih banyak ke Malaysia ini kerana pelancong tidak mengira dari Indonesia kah, dari Malaysia kah apabila dia tinggal di hotel sama juga bayarannya. Lebih banyak pelancong kerana kita dianggap satu bangsa yang berbudi bahasa, yang baik hati, yang pemurah, yang segala-galanya menyebabkan orang lebih suka datang ke Malaysia pada ketika ini sehinggakan untuk mendapatkan bilik di hotel pun sangat susah sekarang.

Selain daripada itu, saya inginlah kalau boleh undang-undang yang lebih ketat diadakan untuk memastikan pelancong yang datang ke Malaysia ini mendapat perlindungan yang lebih baik. Jangan terjadi bahawa ada yang dirogol, ada yang dirompak, ada yang dibunuh kerana apabila perkara serupa ini berlaku pelancong pulang ke negeranya dia akan bercakap yang tidak baik dan mungkin menakutkan

pelancong-pelancong lain yang akan datang ke negara kita. Kalau boleh pegawai-pegawai pelancongan tolonglah pergi melihat ke Bali umpamanya di mana pelancong-pelancong asing di Bali mempunyai keistimewaan lebih daripada orang tempatan umpamanya ada jalan-jalan yang orang tempatan tidak boleh, pelancong boleh. Keselamatan pelancong-pelancong di Bali sekarang ini dijaga dengan baik dan kalau ini dapat kita lakukan di Malaysia saya percaya pelancong akan datang lebih banyak lagi ke Malaysia dan wang pelancongan yang datang ke Malaysia ini sekarang adalah satu pendapatan yang lebih senang didapati daripada membuat perniagaan-perniagaan yang lain.

Selain daripada itu saya ingin membawa rakan-rakan mengingat semula bahawa di dalam Dewan ini pernah Timbalan Menteri Pelancongan mengatakan sekarang sedang dikaji apakah boleh atau tidak di Malaysia ini kita bekerja 5 hari seminggu kerana perkara ini banyak kali dibangkitkan sekarang pun kita sudah kerja 5 hari seminggu, dua kali sebulan, *first week and third week of Saturday*, kita tidak kerja. Jadi tidak ada sebabnya kita tidak boleh pertimbangkan supaya kita terus kerja 5 hari seminggu dengan syarat daripada hari Isnin sampai Jumaat kita tambah kerja satu jam lagi dan kita di Malaysia ini kita tahu *daylight* itu 12 jam, kita cuma kenakan 8 jam sahaja untuk bekerja dan dia jadi 4 jam lagi *wasted* lebih baik kita kerja lebih daripada 5 hari ini dan hari yang keenam, kita tidak payah kerja. Itu memberikan kita banyak kualiti *time with our family* Tuan Yang di-Pertua, banyak dan macam-macam perniagaan pelancongan dalam negeri dan pegawai-pegawai kerajaan pun tidak lagi dituduh pergi bermain golf masa pejabat dan sebagainya dan di pejabat pun kita boleh menjimatkan hari Sabtu itu tidak payah menggunakan telefon, *electricity* dan *stationary* dan sebagainya yang mana masanya sudah tiba untuk kita memikirkan secara serius adalah baik kita terus bekerja 5 hari seminggu daripada yang kita bekerja pada ketika ini.

Saya percaya juga di Malaysia ini, banyak syarikat swasta yang produktifnya lebih dan yang lebih maju sudah pun bekerja lima hari seminggu. Kebetulan juga, waktu saya di Singapura, saya difahamkan di Singapura sudah pada keseluruhannya bekerja lima hari seminggu. Jadi, masanya sudah sampai untuk kita memikirkan Malaysia juga, kita bekerja lima hari seminggu dengan syarat pada lima hari yang kita bekerja itu, ditambah waktu bekerja, barangkali sejam sehari.

Yang akhir, saya ingin sentuh sedikit tentang Kementerian Kesihatan. Pada ketika ini, Sabah terutama sekali, kita sangat-sangat kurang doktor. Ada pun doktor yang di Sabah ini, saya lihat banyak doktor yang baru lepas universiti dihantar ke Sabah, seolah-olah Sabah itu untuk *training*. Apabila dia sudah lulus *training*, balik ke Semenanjung dan Sabah, terus berkurangan doktor. Pada ketika ini, untuk dapat tempat belajar kedokteran di Malaysia, sangat berkurangan.

Akhir-akhir ini, saya dengar penuntut-penuntut yang kita hantar ke Ukraine dengan masalah politik di Ukraine, penuntut-penuntut kita pun banyak masalah dan yang sudah dihantar ke sana pun, saya difahamkan banyak balik ke sini pada tahun yang keenam, yang kita terpaksa hantar mereka untuk belajar ke universiti-universiti di Indonesia, di Medan dan sebagainya.

Barangkali masanya sudah sampai untuk keperluan doktor di peringkat yang pertama, kita lihat di mana kita boleh hantar penuntut-penuntut kita ke universiti-universiti yang kita iktiraf di Asia ini umpamanya, dan kita umumkan kepada umum universiti yang kita iktiraf ini. Ini adalah kerana kalau kita hantar ke Indonesia, belanjanya lebih murah daripada dihantar ke negara-negara lain. Jadi, apabila penuntut-penuntut kita ini sudah lulus di peringkat yang pertama, setelah bekerja satu, dua tahun, barangkali untuk menjadi *specialist*, bolehlah kita hantar mereka belajar ke tempat yang mempunyai pengajaran lebih tinggi. Tetapi, untuk peringkat yang pertama, cukuplah kalau ada universiti yang kita iktiraf di Indonesia, di Filipina, di Thailand umpamanya. Barangkali itu akan *save* perbelanjaan dan mereka sudah pun terdedah dengan penyakit-penyakit yang ada di negara kita.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tambahan 2004. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

5.03 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberikan kebenaran atau keizinan kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbelanjaan Tambahan 2004 yang memohon supaya Dewan ini meluluskan sebanyak RM6,681,673,350.

Seperti yang sahabat saya Datuk Karim sebutkan tadi, setiap kali Dewan kita ini bersidang, kita telah diminta untuk meluluskan perbelanjaan tambahan. Walau apa

pun keadaannya, Dewan ini biasanya telah meluluskan walaupun sebahagian daripada peruntukan itu, pada fahaman saya telah pun dibelanjakan. Sebagai bukti misalnya, permohonan yang diminta oleh Suruhanjaya Pilihan Raya B.4 dan juga yang diminta oleh pihak Polis Diraja Malaysia dalam B.52 iaitu sebanyak RM83 juta.

Kedua-dua ini, Suruhanjaya Pilihan Raya dan Polis Diraja Malaysia ini, kedua-dua perbelanjaan ini adalah digunakan untuk kepentingan Pilihan Raya yang ke-11 dan Pilihan Raya yang ke-10 di Sabah. Ini bermakna bahawa sebahagian daripada perbelanjaan tambahan yang dipohon ini telah pun dibelanjakan. Tentulah kalau kita tidak luluskan, benda ataupun wang itu telah dibelanjakan, dan biasanya Dewan ini meluluskan seperti biasalah. Walau bagaimanapun, teguran yang telah dibuat beberapa kali oleh Ahli-ahli Dewan ini ialah supaya suatu perbelanjaan misalnya Anggaran Perbelanjaan 2005 betul-betul tepat ataupun hampir-hampir kepada tepat dan supaya Dewan tidak memohon untuk perbelanjaan tambahan setiap kali Dewan bersidang.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu ambil peluang yang panjang di sini. Saya menyentuh satu, dua perkara sahaja. Yang pertama sekali ialah B.12 yang sepanjang ingatan saya, baru seorang sahaja menyentuh. Di sini, saya akan cuba menimbulkan beberapa persoalan untuk mendapat penjelasan daripada Kementerian Kewangan. B.12, perkara dua. Ini juga suatu permohonan yang telah dibuat untuk kita luluskan dan ianya adalah sesuatu angka yang sangat besar iaitu RM1,520,000, iaitu untuk membayar tanggungan hutang PERWAJA Steel Sdn. Bhd.

Saya ingin tahu, berapakah modal berbayar yang telah dibuat ataupun yang telah disediakan oleh syarikat ini. Daripada itu, berapakah modal yang telah disumbangkan oleh kerajaan? Kita tidak hairan setiap syarikat itu kadang-kadang dia untung, kadang-kadang dia rugi. Biasanya kalau syarikat biasa, dia untung, dia beritahu untung, tetapi, apabila dia rugi, dia kena tanggung sendiri. Yang ini ada pelik sedikit. Bila dia rugi terhutang, kita kerajaan yang bayar dan apabila kerajaan baik, ini bermakna setiap rakyat negara ini turut serta tolong membayar hutang PERWAJA Steel Sdn. Bhd. ini.

Saya memohon supaya kementerian memberikan penjelasan di sini, pertama sekali sebagaimana yang saya sebutkan tadi, berapakah modal berbayar dan berapakah yang telah disumbangkan oleh pihak kerajaan. Kemudian, selain daripada itu baki hutang PERWAJA pada masa ini. Kita ingin juga penjelasan kerana yang

dipohon ialah RM1,520,000 juta. Hutang yang sebenar kita tidak tahu. Betulkah RM1 bilion ini ataupun tidak?

Jadi, saya mintalah supaya tidak ada sebarang kesangsian daripada Ahli-ahli Dewan yang akan meluluskan permohonan untuk membayar hutang ini oleh pihak PERWAJA melalui Kementerian Kewangan. Saya harap supaya Kementerian Kewangan memberikan penjelasan kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, berapakah hutang PERWAJA yang sebenarnya sekarang ini. Itu yang pertama.

Yang kedua, saya ingin menyentuh sedikit tentang Kementerian Luar Negeri. Kementerian Luar Negeri ialah mengenai sumbangan yang telah diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Sudan bagi mengendalikan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam (OIC). Yang dipohon di sini ialah sebanyak RM3,800,000. Persoalan yang saya hendak timbulkan di sini ialah, pertama sekali kita ucap terima kasihlah kerana kerajaan bermurah hati memberikan sumbangan kepada Kerajaan Sudan untuk mengendalikan Persidangan Menteri-menteri Luar ini.

Persoalannya ialah saya mengharapkan supaya Kementerian Luar mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam persidangan-persidangan antarabangsa terutama sekali Persidangan-persidangan Negara-negara Islam (OIC) ini bagi memberi kefahaman kepada negara-negara yang lain terutama sekali negara-negara yang kita lihat sekarang ini telah menunjukkan belang mereka seakan-akan mereka itu memusuhi Islam dan juga memusuhi umat Islam.

Lalu mereka melemparkan setiap kejadian yang berlaku di sesetengah negara di dunia ini, mereka melemparkan kepada orang Islam yang jahat, padahal Islam itu mempunyai pengajaran yang sangat baik, memberikan keadilan, memberikan kesaksamaan, menggalakkan supaya ada perundingan, menggalakkan supaya ada perdamaian dengan sesiapa sahaja. Maka dengan sebab itu, kita mengharapkan Kementerian Luar Negeri supaya memainkan peranan ini, dapat memberikan kefahaman yang sebaik-baiknya supaya tidak ada tohmah-tohmah liar daripada kalangan yang sengaja hendak menimbulkan permusuhan di antara orang Islam dengan orang yang lain.

Saya ingin menyentuh sedikit di sini apa yang timbul di Takbai sekarang ini, di selatan Thailand. Saya lihat sekarang ini, tetapi Timbalan Menteri Luar Negeri kelmarin memberi jawapan tidak ada dalang-dalang daripada luar, tetapi saya melihat ada dalang-dalang daripada negara-negara luar yang sengaja hendak menimbulkan

permusuhan di antara orang-orang beragama Islam dengan orang-orang yang beragama Buddha di Thailand kerana mereka melihat kalau ini berlaku, mereka akan dapat menggunakan atau mendapat manfaat keuntungan daripada pertempuran yang mungkin berlaku di antara agama ini.

Jadi, saya harap supaya Kementerian Luar Negeri terutama sekali Menteri Luar Negeri yang sahabat rapat Syed Ali, dia orang Syed juga ya, minta maaf, syed-syed ini orang hadramaut minta saya sebutkan. Dahulu saya sudah sebutkan sejarah hadramaut ini mempunyai banyak jasa di Nusantara ini. Mereka banyak membuka sekolah-sekolah, mencelikkan orang-orang Melayu, saya minta maaf kalau orang Melayu marah pun tidak mengapalah, dalam bidang ilmu pengetahuan terutama sekali pengetahuan agama.

Jadi, dengan sebab itu kalau Kementerian Luar Negeri saya harapkan melalui Persidangan Menteri-menteri Luar atau apa-apa juga persidangan yang biasanya mungkin Persidangan Pelancongan Komanwel, ini juga dapat dipergunakan untuk memberikan penjelasan yang kita juga memohon peruntukan sebanyak RM2,800,000 untuk Persidangan Komanwel yang akan datang ini dan mudah-mudahan melalui kegiatan-kegiatan Kementerian Luar Negeri mereka akan dapat memberikan penjelasan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Wan Nordin.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ustaz Hassan Shukri, apakah pandangan ustaz apabila Dewan Rakyat kita membincangkan isu yang berlaku di Takbai. Ini bermakna kita mencampuri hal ehwal dalam negara tersebut. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya kira apabila Dewan Rakyat membincangkan suatu usul yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Salahuddin bin Ayub di dalam Dewan Rakyat membincangkan isu kekejaman yang berlaku di Takbai ini. Ini adalah suatu perkara yang kita tidak campur tangan dalam urusan dalam negeri, tetapi maknanya dalam apa-apa pun persidangan yang diadakan di dalam dunia ini biasanya kita terpaksa membincangkan. Kita akan membincangkan perkara-perkara yang berbangkit, yang menyentuh sama ada menyentuh sesebuah negara ataupun menyentuh kedudukan rakyat dalam sesebuah negara itu. Ini tidak bermakna kita campur tangan, maka dengan sebab itulah kita

mempunyai hak untuk membincangkan isu-isu yang seperti ini apabila kita melihat bagaimana keganasan yang telah berlaku terhadap orang-orang Islam di selatan Thailand itu.

Tuan Ismail bin Kasim: Pohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang disayangi Ustaz Hassan. Saya tertarik apabila ustaz menyatakan bahawa Dewan Rakyat telah meluluskan usul mengecam sekeras-kerasnya kekejaman yang dilakukan ke atas umat Islam di Takbai pada bulan Ramadhan yang mulia, pada bulan puasa di mana kita lihat dalam peristiwa ini seolah-olah tidak ada pihak yang mengaku bertanggungjawab sebaliknya peristiwa yang berlaku itu dijadikan keraguan di mana seolah-olah yang bersalah hanyalah Gerakan Pemisah di selatan Thailand sahaja.

Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Ustaz Hassan, kita lihat apabila sebaik sahaja Parlimen meluluskan usul berkenaan, reaksi daripada Ahli-ahli Parlimen Thailand, mereka telah mengecam kita dengan mengatakan bahawa kita telah campur tangan secara langsung dalam kedaulatan negara Thailand. Reaksi yang sama juga telah ditimbulkan oleh Thaksin sendiri Perdana Menteri Thailand iaitu Ketua Kerajaan Thailand. Kalau kita lihat sejarah pada tahun 1971, saya lihat pada masa itu Thanom Kittikachorn kalau tidak salah sebutan saya, yang telah melawat Malaysia pada masa itu tahun 1971 apabila semua pelajar universiti telah berarak beramai-ramai di jalan raya menunjuk perasaan membantah tindakan yang bersama yang telah berlaku ke atas pelajar-pelajar Islam di selatan Thailand pada masa itu.

Jadi kita lihat seolah-olah menjadi tradisi apabila berlaku, kita kena lihat dari segi sejarahnya, apabila wilayah-wilayah Islam yang terletak di selatan Thailand ini, dari segi sejarahnya sebelum perjanjian 1909 mereka adalah bernaung bersama-sama dengan Singora Kedah. Sebab itu kita lihat ikatan hubungan terutamanya dengan negeri-negeri yang terletak di utara, adalah mempunyai hubungan persaudaraan yang cukup akrab. Jadi kita tidak berniat hendak campur tangan dalam urusan dalaman di negara Thailand, tetapi cuma apa yang kita sedih tindakan berkenaan tidak sepatutnya dilakukan walaupun di atas nama hak asasi manusia ataupun *human rights* ataupun atas nama apa pun di mana kekejaman ini kita lihat tidak boleh berlaku dalam sejarah pemodenan sekarang ini.

Walaupun alasan demi alasan yang diberikan, cetusan yang boleh menyebabkan pergaduhan berlaku sebagai konflik agama yang saya rasa sekarang ini

masih berterusan, walaupun usaha-usaha damai dibuat dengan melantarkan jutaan burung keamanan di kawasan-kawasan berkenaan, tetapi kita mahu ketelusan dan kita kagum dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Laos baru-baru ini, apabila dengan beraninya walaupun Perdana Menteri Thailand telah mengugut untuk meninggalkan Majlis Mesyuarat berkenaan sekiranya isu-isu ini dibangkitkan di kalangan negara-negara anggota ASEAN, tetapi Yang Amat Berhormat Pak Lah tetap menimbulkan perkara ini kerana lihat ini sebagai Pengerusi OIC, kita tidak ada pilihan, masalah umat Islam adalah masalah sejagat dan kita mahu melihat biar perkara ini diselesaikan, jangan dibuat benda lain tetapi dirancang lain dan tuduhan diletakkan kepada orang berkenaan dalam keadaan kita menjadi minoriti di negara tersebut.

Jadi, kita lihat apa pandangan ustaz berhubung dengan perkara ini kerana kita tidak mahu setiap sesuatu perkara jenayah yang berlaku di selatan Thailand semuanya dikaitkan dengan umat Islam yang melakukan, sedangkan banyak unsur-unsur yang meragukan termasuk laporan daripada CIA sendiri misalnya rompakan bersenjata yang berlaku ke atas kem tentera pembangunan di Takbai, kemudian senjata itu dilarikan dan dipindahkan ke Pattani dan ada khabar yang mengatakan ianya dibawa menerusi sempadan Perlis ke Satoon dan dijual untuk gerakan pemisah, di sebuah negara jiran kita.

Semua tuduhan-tuduhan yang dibuat ini sengaja untuk menunjukkan bahawa Islam itu tidak baik, Islam itu ganas, Islam itu agama yang mendorong kepada kekerasan, Islam itu agama yang mendorong kepada konflik, Islam itu agama yang mendorong kepada peperangan dan sebagainya. Saya minta pandangan ustaz, yang saya rasa cukup arif dalam perkara ini dan ustaz pun pernah belajar di Iraq dan faham konflik di Iraq dengan di sini dan di mana-mana negara Islam yang kita menghadapi sekarang ini lebih kurang sama sahaja keadaannya kerana ada unsur-unsur dan perancangan yang begitu rapi dan teliti dibuat sengaja untuk menjadikan perkara ini kelam kabut dan sebagainya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin menjelaskan tadi saya sudah jelaskan bahawa sesungguhnya kebimbangan yang ada pada saya dan ini adalah suatu keyakinan bahawa ada tangan-tangan asing yang memainkan peranan seperti juga yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

Misalnya penjual senjata yang mereka cuba reka kononnya daripada Perlis. Ini rekaan semata-mata supaya Malaysia seakan-akan terlibat dengan tindakan-tindakan itu. Tetapi ianya adalah dilakukan oleh musuh-musuh yang sengaja hendak memecahkan hubungan persahabatan di antara orang-orang Islam malah orang yang bukan Islam di sebelah selatan Thai itu pun dengan orang Perlis dengan orang Kelantan dan sebagainya kerana mereka itu bukan sahaja hubungan dari segi sempadan, hubungan kekeluargaan juga masih ada.

Misalnya jika kita hendak ambil orang-orang berasal keturunan Pattani, saya minta maaf saya sebut di sini yang menjadi warganegara Malaysia daripada Keroh, Grik, Kerian, Intan dan di sana banyak nama-nama kampung yang mungkin kalau kita lihat bahasanya pun digunakan bahasa orang Melayu di selatan Thai. Tetapi tidak semua mereka itu setelah saya cuba kaji siasat dari segi suku-sakatnya bukan dari Pattani semua tetapi mereka terpengaruh dengan dialek bahasa yang digunakan oleh orang-orang Pattani. Demikianlah pengaruh ini adalah hubungan kekeluargaan ataupun hubungan persahabatan yang sudah terjalin sekian lama. Tetapi kita melihat ada golongan yang tidak senang dengan hubungan ini maka mereka cipta macam-macam tuduhan dan fitnah supaya seakan-akan hendak melibatkan kita dengan apa yang berlaku di selatan Thai itu.

Kita ucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri atas keberanian Perdana Menteri untuk menyatakan persoalan ini. Persoalan ini dinyatakan adalah untuk mencari bagaimana supaya suasana yang ada di selatan Thai itu dapat diredakan ataupun dapat diselesaikan dengan secara perundingan. Ini tidak bermakna kita campur tangan kerana kita hendak runding supaya ada jalan untuk kita rintih supaya suatu perbincangan dan rundingan dapat dilakukan di antara pihak-pihak yang terlibat, kemudian keamanan akan dapat kita lihat di selatan Thai.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak sebut panjang. Sebenarnya kalau saya hendak sebut daripada mula saya sangat - tadi Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz ada ya. Tetapi Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz tidak ada tidak apalah. Kalau tidak saya hendak sebut sedikit-sebanyak tentang latar belakang sejarah selatan Thai ini, tetapi oleh kerana Menteri yang berkenaan itu tidak ada saya rasa tidak perlu sebutlah pada petang yang mulia ini.

Cuma saya mengharapkan sebarang tindakan, sebarang langkah yang kita ambil itu bertujuan untuk mencari jalan damai supaya peperangan itu ataupun

pertempuran itu tidak akan mengganggu ketenteraman di sebelah sini iaitu di Malaysia sendiri. Ini persoalan yang perlu kita ambil perhatian. Jadi, dengan sebab itulah saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini memahami bagaimana peranan yang telah dimainkan oleh musuh-musuh terutama sekali musuh-musuh Islam ataupun musuh-musuh tertentu yang ingin melihat supaya ketenteraman dunia ini akan terus tidak dapat dikecapi oleh rakyat negara masing-masing.

Kalau saya hendak cerita tentang Iraq dahulu saya telah sebutkan tentang Iraq panjang lebar. Sekarang ini ada juga tuduhan bahawa Amerika walau macam mana pun dia hendak kekal duduk di Iraq. Maka dia pecah-belah antara orang Kurdistan kerana di Mounsul, di Kirkuk, Arbil itu orang Kurdis. Maka ditimbulkan di situ satu golongan Kurdistan yang melawan orang-orang Arab, digunakan oleh orang-orang Amerika. Memang kita tidak nafikan sebagai manusia mereka diambil kesempatan oleh golongan-golongan tertentu untuk dipergunakan bagi memecahbelahkan rakyat di sesebuah negara, tidak kira rakyat itu orang Islam ataupun bukan Islam.

Kalau mereka itu merasakan ada kepentingan tertentu dan kita tahu Amerika mahu menguasai minyak di Iraq, itu yang penting bagi mereka. Sebab itulah Perdana Menteri mereka juga adalah salah seorang daripada orang yang pernah berkhidmat dengan CIA. Perdana Menteri Iraq sekarang ini adalah orang yang pernah berkhidmat dengan CIA. Apa tujuannya ialah supaya kepentingan Amerika akan dapat dikawal di situ. Ini sedikit saya sebutkan.

Jadi, di Iraq ini kalau kita melihat dari segi bangsanya ada Kurdisan, ada Arab, ada Trokman. Trokman ini adalah satu golongan yang dilahirkan waktu Kerajaan Uthmaniyah kahwin orang Arab dengan orang Turki dipanggil nama sukunya ialah Trokman. Ini kebanyakannya berada di wilayah Kirkuk. Apa yang saya sebutkan di sini ialah tanggungjawab Kementerian Luar Negeri lebih kurang. Walaupun peruntukan sedikit sangat diminta hanya sekadar Sudan tadi ini RM2,800,000 bagi kepentingan persidangan Menteri-Menteri luar.

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan Ustaz. Tadi Ustaz kata minta Menteri Luar. Kita minta sekali lagi supaya pada masa akan datang kesilapan yang pernah berlaku ketika kita merebut kerusi OIC itu tidak akan berulang lagi dengan peruntukan besar yang ada itu. Jadi ustaz perlu tekankan sedikit perkara ini. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, barangkali apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu ialah ketika perebutan jawatan Setiausaha

Agung OIC. Calon daripada Malaysia telah dikalahkan oleh calon daripada Turki. Padahal biasanya mana-mana negara yang menjadi Pengerusi setiap persidangan itu, di negara itulah pengerusinya dan setiausahanya mestilah berada di dalam negara itu.

Saya pun tidak tahu apa sebab-sebab maka calon kita ini seorang bekas duta yang mempunyai pengalaman luar negeri tetapi telah dikalahkan oleh calon Turki. Di mana kesilapan kita pun tidak tahu dan di mana kelemahan kempen Kementerian Luar Negeri kita ataupun pegawai-pegawai kedutaan luar negeri nampaknya tidak dapat mempengaruhi negara-negara Islam yang lain itu adalah satu yang kalau hendak dikatakan kelemahan pun boleh ataupun ada sebab-sebab yang lain mengapa calon Malaysia itu telah dikalahkan oleh calon Turki. Maka dengan sebab itulah sekarang ini Setiausaha Agung OIC itu adalah daripada Turki. Jauh daripada pengerusinya iaitu Malaysia dan Setiausaha Agungnya ialah di Turki.

Tuan Ismail bin Kasim: Lualuan Ustaz. Satu lagi iaitu kekalahan kita merebut kerusi OIC. Satu lagi ialah kekalahan kita merebut hak menganjurkan Sukan Asia sedangkan di Doha, Qatar kontang, *desert* tidak ada stadium apa satu pun baru dok buat sekarang ini. Kita ada kemudahan *world class* di Bukit Jalil tetapi kita kalah juga. Jadi Arab ini sukar untuk difahami. Adakah kerana Kementerian Luar Negeri ini tidak lantik Menteri Luar yang pandai cakap Arab supaya senang berhubung, berkomunikasi dan sebagainya ataupun Arab ini kalau hendak minta undi dia kena ada benda-benda lain di belakang untuk mendapatkan undi itu macam politik wang yang Puan Siti Zailah bangkitkan tadi ataupun dia tidak mahu wang sebab dia sudah kaya, dia hendak benda-benda lain yang lebih daripada itu seperti Datuk Syed Alwi katakan tadi yang tidak terdapat di negara mereka.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ini sudah jauh ke lain ini Tuan Yang di-Pertua. Tetapi tidak apalah kerana Yang Berhormat.....

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh memilih untuk menjawab ataupun tidak menjawab.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya hendak beri penjelasan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tidak hendak jawab, hendak beri penjelasan. Sebenarnya kita Malaysia ini sudah lantik orang keturunan Arab. Cuma saya tidak tahu sama ada Menteri Luar kita itu boleh bercakap Arab atau tidak saya tidak tahu yang itu. Tetapi bapa beliau memang kenal baik dengan saya. Syed Jaafar Alabr itu

memang fasih berbahasa Arab. Begitu juga bapa Yang Berhormat Syed Ali iaitu Tuan Syed Abbas.

Saya kenal orang-orang tua sahaja Tuan Yang di-Pertua kerana saya umur tua. Jadi saya kenal ramai orang tua dan Tuan Syed Abbas dahulu dia Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang. Dia fasih bahasa Arab. Saya tidak tahu adakah di sini silapnya tetapi maknanya sama ada dalam bidang sukan ini saya tidak tahu. Saya tidak mahir dalam sukan.

Jadi sama ada sukan ini ada politik wang juga saya tidak tahulah. Tetapi saya ingat Dubai, Qatar, Abu Dhabi ini, mereka ini tidak perlukan wang, mereka ini kaya. Cuma orang-orang Arab ini kadang-kadang bila dia tengok berdepan dengan sesuatu sia bersatu sesama dia. Itu yang saya dapat bacalah. Boleh jadi ini sebab-sebabnya. Itu pun terserahlah kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mempelajari bagaimana budaya seni dan taktik yang dimainkan oleh mereka sehingga kita kalah.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya tadi tidak mahu ambil panjanglah kerana tinggal seminit lagi. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyebut sedikit tentang peruntukan yang dimohon bagi membina Kementerian Keselamatan Dalam Negeri hendak mempertingkatkan pencegahan rasuah di negara kita ini mereka minta tadi disebutkan kenapa sedikit sangat kerana tujuannya ialah hendak membina sebuah institusi sahaja. Sebuah institut bagi meningkatkan latihan barangkali kepada pegawai-pegawai pencegah rasuah.

Kita mengharapkan supaya pencegah-pencegah rasuah ini akan mengambil langkah-langkah dan tindakan-tindakan yang sewajarnya supaya rasuah akan dapat dikurangkan. Hendak hapuskan mungkin payah, saya tak berani katakan.. Rasuah, kemudian sekarang ini ada istilah politik wang. Jadi orang tidak berani hendak huraiakan adakah politik wang itu rasuah. Jadi ada juga itu sampai tidak boleh hendak menghuraikan. Jadi gunakan perkataan politik wang. Saya tidak tuduh sesiapa. Saya tidak biasa tuduh orang tetapi maknanya perkataan 'politik wang' itu adakah itu sebagai ganti kepada perkataan rasuah bagi menyelamatkan sesuatu perkara. Ini pun kita mengharapkan supaya Badan Pencegah Rasuah menentukan takrif ini adakah mereka

Tuan Ismail bin Kasim: Minta laluan ustaz. Minta laluan sekejap sahaja. Dua tiga patah perkataan. Saya hendak bagi penjelasan. Rasuah bukan setakat wang ustaz. Rasuah ini macam-macam. Jadi rasuah ini boleh bagi perempuan, tukar tayar

kereta, tukar kaset, bagi barang rumah, beli gula sekilo pun jadi rasuah. Jadi bukan terhad kepada wang sahaja.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: setuju Tuan Yang di-Pertua. Rasuah itu bukan terhad kepada wang sahaja tetapi asasnya wang. Kalau dia bagi perempuan pun wang juga. Ada wang di belakangnya. Kalau bagi *free* sahaja dia tidak jadi. Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua supaya tindakan-tindakan akan dapat dilakukan oleh pihak-pihak yang berkenaan bagi membanteras rasuah ini sehingga ke akar umbinya.

Oleh kerana waktu sudah cukup maka dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2004. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bersidang telah cukup. Saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.